

Panduan Pengguna untuk Nokia 6131

PENGISYTIHARAN KEPATUHAN

Kami, NOKIA CORPORATION mengisytiharkan kebertanggungjawaban kami semata bahawa produk RM-115 mematuhi peruntukan Arahan Majlis berikut: 1999/5/EC. Satu salinan Pengisytiharan Kepatuhan ini boleh didapati dari http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/.

CE0434

Hak cipta © 2006 Nokia. Semua hak terpelihara.

Dilarang dicetak semula, dipindah, diedar atau disimpan sebahagian atau semua kandungan dokumen ini dalam apa bentuk jua pun tanpa terlebih dahulu mendapatkan izin bertulis daripada Nokia.

Nokia, Visual Radio, Nokia Connecting People, Xpress-on, XpressPrint, dan Pop-Port adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar Nokia Corporation. Lain-lain nama produk dan nama syarikat yang disebut di sini berkemungkinan adalah cap dagang atau nama dagang pemilik masing-masing.

Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation.

No Paten Amerika Syarikat 5818437 dan paten-paten lain sedang menunggu kelulusan. Perisian input teks T9 Hak cipta © 1997-2006. Tegic Communications, Inc. Semua hak terpelihara.



Termasuk perisian kriptografi atau protokol keselamatan RSA BSAFE daripada RSA Security.



Java adalah cap dagang Sun Microsystems, Inc.

Produk ini dilisenkan di bawah Lesen Portfolio Paten MPEG-4 Visual (i) untuk kegunaan peribadi dan bukan komersial berhubung dengan maklumat yang telah dikodkan menurut Standard MPEG-4 Visual oleh pengguna yang terlibat dalam kegiatan peribadi dan bukan komersial dan (ii) untuk kegunaan berhubung dengan video MPEG-4 video yang disediakan oleh pembekal video berlesen. Tiada lesen akan diberikan atau tersirat untuk sebarang kegunaan lain. Maklumat tambahan termasuk yang berkaitan dengan penggunaan promosi, dalaman dan komersial boleh diperolehi daripada MPEG LA, LLC. Lihat <<http://www.mpegla.com>>.

Nokia mengamalkan dasar pembangunan yang berterusan. Nokia mempunyai hak untuk membuat perubahan dan penambahbaikan kepada mana-mana produk yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Peranti Nokia ini mematuhi Arahan 2002/95/EC berkenaan sekatan ke atas penggunaan bahan-bahan berbahaya tertentu di dalam kelengkapan elektrik dan elektronik.

Nokia tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan bagi sebarang kehilangan data atau pendapatan atau apa-apa kerugian khas, sampingan, secara akibat atau secara tidak langsung walau macam mana pun ia berlaku.

Kandungan-kandungan dokumen ini diberikan "seperti sedia ada". Kecuali dikehendaki oleh undang-undang yang berkaitan, tidak ada jaminan, dalam bentuk apa pun, sama ada nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan yang tersirat kebolehdagangan dan kesesuaiannya bagi sesuatu tujuan, dibuat berdasarkan ketepatan, kebolehpercayaan atau kandungan-kandungan dokumen ini. Nokia mempunyai hak untuk menyemak atau menarik balik dokumen ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Ketersediaan produk-produk tertentu mungkin berbeza mengikut kawasan. Sila hubungi pengedar Nokia yang terdekat dengan anda untuk keterangan lanjut.

Peranti ini mungkin mengandungi komoditi, teknologi atau perisian yang tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencongan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

Keluaran 1

Kandungan

Untuk keselamatan anda.....	vii	Siap sedia aktif	7
Maklumat am.....	x	Pintasan dalam mod siap sedia	8
Gambaran keseluruhan		Penunjuk.....	8
fungsi-fungsi.....	x	Kunci pad kekunci (kawal	
Kod akses	x	kekunci)	9
Kod keselamatan.....	x	Fungsi-fungsi tanpa kad SIM.....	10
Kod PIN.....	x		
Kod PUK.....	xi	3. Fungsi-fungsi panggilan	11
Kata laluan sekatan.....	xi	Buat panggilan.....	11
Perkhidmatan tetapan		Dail cepat	11
tatarajah.....	xi	Dailan suara tambahan	11
Muat turun kandungan.....	xii	Menjawab atau menolak	
Sokongan dan maklumat hubungan		panggilan	12
Nokia	xii	Panggilan menanti	13
		Pilihan-pilihan semasa	
1. Mulakan	1	panggilan	13
Masukkan kad SIM dan bateri	1	4. Tulis teks.....	14
Masukkan kad mikroSD.....	2	Input teks ramalan.....	14
Keluarkan kad mikroSD	2	Input teks tradisional	15
Caskan bateri	3	5. Menavigasi menu	16
Buka dan tutup telefon.....	3	6. Mesej.....	17
Menghidupkan dan mematikan		Mesej teks (SMS).....	17
telefon.....	4	Tulis dan hantar mesej SMS	17
Tetapkan masa, zon masa, dan		Membaca dan membalas mesej	
tarikh	4	SMS.....	18
Perkhidmatan pasang dan main	4	Mesej SIM.....	19
Antena	4	Mesej multimedia (MMS)	19
Tali telefon.....	5	Tulis dan hantar mesej SMS	19
		Hantaran mesej	20
2. Telefon anda	6	Batalkan hantaran mesej.....	21
Kekunci dan bahagian-bahagian....	6	Baca dan balas mesej MMS.....	21
Penutup penyambung.....	6	Memori penuh	21
Mod siap sedia.....	7	Folder	22
Paparannya utama	7		

Poskad	22	Simpan butiran	36
Hantar poskad.....	22	Menyalin atau memindahkan	
Mesej flash	23	kenalan.....	37
Tulis mesej flash.....	23	Edit butiran kenalan	37
Terima mesej flash.....	23	Menyegerakkan semua	37
Mesej audio Nokia Xpress	23	Padam kenalan.....	37
Buat mesej audio	23	Hadiran saya	38
Terima mesej audio	24	Nama dilanggan	39
Aplikasi e-mel	24	Tambahkan kenalan pada nama	
Wizard Tetap.....	24	dilanggan.....	39
Tulis dan hantar e-mel.....	25	Lihat nama dilanggan.....	40
Muat turun e-mel.....	25	Henti langgan kenalan	40
Baca dan balas e-mel.....	26	Kad niaga.....	40
Folder e-mel	26	Tetapan.....	40
Tapis spam	26	Kumpulan.....	41
Mesej segera	27	Dail cepat.....	41
Mendaftar dengan perkhidmatan		Maklumat, perkhidmatan, dan	
mesej segera.....	27	nombor saya	41
Akses.....	28	8. Log panggilan.....	42
Sambung	28	Maklumat kedudukan	42
Sesi.....	28	9. Tetap.....	44
Tambah kenalan IM.....	31	Profil.....	44
Halang atau lepaskan mesej.....	31	Tema.....	44
Kumpulan.....	31	Nada.....	44
Mesej suara	32	Paparannya utama.....	45
Mesej maklumat	32	Tetapan mod siap sedia.....	45
Arahan khidmat.....	32	Gambar skrin	45
Padam mesej.....	32	Paparannya mini.....	46
Tetapan mesej.....	32	Masa dan tarikh.....	46
Tetapan umum.....	32	Pintasan saya.....	46
Mesej teks	33	Kekunci pilihan kiri.....	46
Mesej multimedia	34	Kekunci pilihan kanan	47
Mesej e-mel.....	35	Bar pintasan	47
7. Kenalan.....	36	Kekunci navigasi.....	47
Mencari kenalan	36	Arahan suara	47
Simpan nama dan nombor			
telefon.....	36		

Kesambungan	48	Dengar radio.....	68
Teknologi wayarles Bluetooth	48	Perakam suara.....	69
Inframerah	49	Rakamkan bunyi.....	69
Data paket (GPRS)	50	Penyama.....	69
Pemindahan data.....	51	Peluasan stereo.....	70
Kabel data USB.....	53	13. Pengatur	71
Panggilan	53	Jam penggera	71
Telefon	54	Hentikan penggera	71
Tambahan	55	Kalendar	72
Tatarajah	56	Membuat nota kalendar.....	72
Keselamatan.....	57	Penggera nota.....	72
Kemas kini perisian telefon.....	58	Senarai tugasan	72
Tetapan	58	Nota.....	73
Minta kemas kini perisian	58	Kalkulator	73
Pasang kemas kini perisian.....	58	Pemasa undur.....	74
Simpan semula tetapan kilang ...	59	Jam randik.....	74
10. Menu operator	60	14. Tekan untuk cakap	76
11. Galeri.....	61	Saluran tekan untuk cakap.....	76
Cetak imej.....	61	Buat saluran	77
Kad memori	61	Terima jemputan	77
Format kad memori.....	62	Hidupkan dan matikan PTT	78
Kunci kad memori.....	62	Buat dan terima panggilan PTT....	78
Periksa penggunaan memori	63	Buat panggilan saluran.....	79
12. Media	64	Buat panggilan satu sama satu	79
Kamera.....	64	Buat panggilan PTT kepada berbilang	
Ambil gambar.....	64	penerima.....	79
Rakam klip video.....	65	Terima panggilan PTT.....	80
Pilihan kamera	65	Permintaan panggilan balik	80
Pemain media	65	Hantar permintaan panggilan	
Tatarajah untuk perkhidmatan		balik	80
strim	65	Jawab permintaan panggilan	
Pemain muzik	66	balik	81
Memainkan trek muzik.....	66	Tambahkan kenalan satu sama	
Tetapan bagi pemain muzik.....	66	satu.....	81
Radio	67	Tetapan PTT	81
Simpan frekuensi radio	67	Tetapan tatarajah.....	82
		Web	82

15. Aplikasi	83	18. Kesambungan PC	95
Lancarkan permainan	83	Nokia PC Suite.....	95
Lancarkan aplikasi	83	EGPRS, HSCSD, dan CSD	95
Beberapa pilihan aplikasi	83	Aplikasi komunikasi data	95
Muat turun aplikasi.....	84	19. Maklumat bateri	96
Presenter	84	Mengemas dan menyahcas.....	96
16. Perkhidmatan SIM	86	Garis panduan pengesahan	
17. Web	87	ketulenan bateri Nokia	97
Sediakan semakan imbas.....	87	20. Tambahan Tulen.....	100
Sambung kepada		Kuasa.....	100
perkhidmatan.....	87	Pengecas Padat Nokia AC-3	100
Semak imbas halaman	88	Audio.....	100
Semak imbas dengan kekunci		Alat Dengar Wayarles Nokia	
telefon.....	88	HS-26W.....	100
Pilihan-pilihan semasa menyemak		Alat Dengar Stereo Nokia HS-23..	100
imbas	88	21. Penjagaan dan	
Panggilan langsung.....	89	penyelenggaraan	101
Penanda buku	89	22. Maklumat keselamatan	
Terima penanda buku	89	tambahan	103
Tetapan kemunculan.....	89	Indeks	108
Tetapan keselamatan.....	90		
Kuki	90		
Skrip melalui sambungan			
terjamin	90		
Tetapan muat turun.....	91		
Peti masuk khidmat	91		
Tetapan peti masuk khidmat	91		
Memori cache	92		
Keselamatan penyemak imbas....	92		
Modul keselamatan.....	92		
Sijil	92		
Tandatangan digital.....	93		

Untuk keselamatan anda

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhi boleh jadi berbahaya atau salah di sisi undang-undang. Baca panduan pengguna lengkap ini untuk maklumat lanjut.



HIDUPKAN DENGAN SELAMAT

Jangan hidupkan telefon apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.



UTAMAKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA

Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu haruslah keselamatan jalan raya.



GANGGUAN

Semua telefon wayarles boleh mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.



MATIKAN DI HOSPITAL

Patuhi sebarang sekatan. Matikan telefon apabila berdekatan dengan peralatan perubatan.



MATIKAN DI DALAM KAPAL TERBANG

Patuhi sebarang sekatan. Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.



MATIKAN APABILA MENGISI BAHAN BAKAR

Jangan gunakan telefon di tempat mengisi bahan bakar. Jangan gunakan berdekatan bahan bakar atau bahan kimia.



MATIKAN DEKAT KAWASAN PELETUPAN

Patuhi sebarang sekatan. Jangan gunakan telefon di mana letupan sedang dijalankan.



GUNAKAN DENGAN BIJAK

Gunakan hanya dengan gaya biasa seperti yang diterangkan di dalam dokumentasi produk. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.



KHIDMAT BERKELAYAKAN

Hanya kakitangan berkeelayakan boleh memasang atau membaiki produk ini.



TAMBAHAN DAN BATERI

Gunakan hanya tambahan dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



KETAHANAN AIR

Telefon anda tidak kalis air. Pastikan ia sentiasa kering.



SALINAN SANDARAN

Ingatlah untuk membuat salinan-salinan sandaran atau menyimpan rekod bertulis mengenai semua maklumat penting yang disimpan di dalam telefon anda.



MENYAMBUNG KEPADA PERANTI LAIN

Apabila menyambung kepada sebarang peranti lain, baca panduan penggunaannya untuk arahan-arahan keselamatan terperinci. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



PANGGILAN KECEMASAN

Pastikan telefon dihidupkan dan boleh digunakan. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan kembali ke skrin permulaan. Masukkan nombor kecemasan, kemudian tekan kekunci panggil. Berikan lokasi anda. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Perihal peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan di dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada rangkaian EGSM 850, 900, 1800 dan 1900. Hubungi pembekal

khidmat anda untuk maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Apabila menggunakan ciri-ciri di dalam peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati privasi dan hak-hak sah orang lain.

Apabila mengambil dan menggunakan imej atau klip video, patuhi semua undang-undang dan hormati adat tempatan serta hak privasi dan undang-undang orang lain.



Amaran: Untuk menggunakan sebarang ciri di dalam peranti ini, selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan peranti ini apabila penggunaan peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

■ Perkhidmatan rangkaian

Untuk menggunakan telefon ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal khidmat wayarles. Banyak ciri di dalam peranti ini bergantung kepada ciri-ciri dalam rangkaian wayarles untuk berfungsi. Perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian ini mungkin tidak dapat diperolehi pada kesemua rangkaian atau anda mungkin perlu membuat persiapan tertentu dengan pembekal khidmat anda sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian ini. Pembekal khidmat anda mungkin perlu memberi anda arahan-arahan tambahan bagi

penggunaannya dan menerangkan bayaran yang mungkin dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai had yang menjejaskan cara anda menggunakan perkhidmatan rangkaian. Contohnya, sesetengah rangkaian mungkin tidak menyokong semua aksara dan perkhidmatan yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau tidak diaktifkan di dalam peranti anda. Jika demikian, ia tidak akan muncul pada menu peranti anda. Peranti anda mungkin juga telah ditatarajah secara khusus untuk pembekal rangkaian anda. Tatarajah ini mungkin termasuk perubahan dalam nama-nama menu, susunan menu dan ikon-ikon. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Peranti ini menyokong protokol WAP 2.0 (HTTP dan SSL) yang berjalan pada protokol TCP/IP. Beberapa ciri peranti ini, seperti mesej multimedia (MMS), menyemak imbas, aplikasi e-mel, mesej segera, kenalan ditambah hadir, penyegerakan jauh, dan muat turun kandungan menggunakan penyemak imbas atau MMS, memerlukan sokongan rangkaian bagi teknologi-teknologi ini.

■ Memori yang dikongsi

Ciri-ciri berikut di dalam peranti ini mungkin menggunakan memori yang dikongsi: galeri, kenalan, mesej teks, mesej multimedia, dan mesej segera, e-mel, kalendar, nota tugasan, permainan dan aplikasi Java™, dan

aplikasi nota. Penggunaan satu atau lebih daripada ciri-ciri ini boleh mengurangkan memori yang terdapat bagi ciri-ciri lain yang berkongsi memori. Contohnya, menyimpan banyak aplikasi Java boleh menggunakan kesemua memori yang ada. Peranti anda mungkin memaparkan mesej bahawa memori telah penuh apabila anda cuba menggunakan ciri memori yang dikongsi. Dalam hal ini, padam beberapa maklumat atau entri yang disimpan di dalam ciri-ciri memori yang dikongsi sebelum meneruskan. Sesetengah ciri ini, seperti mesej teks, mungkin mempunyai jumlah memori tertentu yang diperuntukkan khusus untuknya sebagai tambahan kepada memori yang dikongsi dengan ciri-ciri lain.

■ Tambahan

Beberapa peraturan praktis mengenai aksesori dan tambahan

- Jauhkan semua aksesori dan tambahan dari kanak-kanak kecil.
- Apabila mencabut kord kuasa sebarang aksesori atau tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap bagi memastikan bahawa sebarang tambahan yang dipasang pada kenderaan telah dipasang dan beroperasi dengan betul.
- Pemasangan sebarang tambahan kereta yang kompleks mesti dibuat oleh kakitangan berkelayakan sahaja.

Maklumat am

■ Gambaran keseluruhan fungsi-fungsi

Telefon anda menyediakan banyak fungsi yang praktikal untuk penggunaan harian, seperti mesej teks dan multimedia, kalendar, jam, jam penggera, radio, pemain muzik, dan kamera terbina dalam. Telefon anda juga menyokong fungsi-fungsi berikut:

- Perkhidmatan dalam talian pasang dan main untuk mendapatkan tetapan tatarajah. Lihat "[Perkhidmatan pasang dan main](#)" h. 4, dan "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi.
- Tekan untuk cakap. Lihat "[Tekan untuk cakap](#)" h. 76.
- Sekeping kad memori mikroSD untuk meluaskan muatan memori telefon. Lihat "[Masukkan kad mikroSD](#)" h. 2 dan "[Kad memori](#)" h. 61.
- Siap sedia aktif. Lihat "[Siap sedia aktif](#)" h. 7.
- Mesej audio. Lihat "[Mesej audio Nokia Xpress](#)" h. 23.
- Mesej segera. Lihat "[Mesej segera](#)" h. 27.
- Aplikasi e-mel. Lihat "[Aplikasi e-mel](#)" h. 24.
- Dailan suara tambahan. Lihat "[Dailan suara tambahan](#)" h. 11 dan "[Arahan suara](#)" h. 47.
- Kenalan ditambah hadiran. Lihat "[Hadiran saya](#)" h. 38.
- Java 2 Platform, Edisi Mikro (J2ME™). Lihat "[Aplikasi](#)" h. 83.

■ Kod akses

Kod keselamatan

Kod keselamatan (5 hingga 10 angka) membantu melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Kod yang dipratetap adalah 12345. Untuk menukar kod, dan untuk menetapkan telefon supaya meminta kod, lihat "[Keselamatan](#)" h. 57.

Kod PIN

Kod nombor pengenalan peribadi (PIN) dan kod nombor pengenalan peribadi universal (UPIN) (4 hingga 8 angka) membantu melindungi kad SIM anda daripada digunakan tanpa izin. Lihat "[Keselamatan](#)" h. 57.

Kod PIN2 (4 hingga 8 angka) mungkin dibekalkan dengan kad SIM dan diperlukan untuk sesetengah fungsi.

PIN modul diperlukan untuk mengakses maklumat di dalam modul keselamatan. Lihat "[Modul keselamatan](#)" h. 92.

PIN tandatangan diperlukan untuk tandatangan digital. Lihat "[Tandatangan digital](#)" h. 93.

Kod PUK

Kod kunci nyahhalang peribadi (PUK) dan kod kunci nyahhalang peribadi universal (UPUK) (8 angka) diperlukan untuk menukar kod PIN dan UPIN yang terhalang. Kod PUK2 (8 angka) diperlukan untuk menukar kod PIN2 yang dihalang. Jika kodnya tidak dibekalkan bersama kad SIM, hubungi pembekal khidmat setempat anda untuk mendapatkan kod-kod tersebut.

Kata laluan sekatan

Kata laluan sekatan (4 angka) diperlukan apabila menggunakan *Khidmat sekatan panggilan*. Lihat "[Keselamatan](#)" h. 57.

■ Perkhidmatan tetapan tatarajah

Untuk menggunakan sesetengah perkhidmatan rangkaian, seperti perkhidmatan Internet bergerak, MMS, mesej audio Nokia Xpress, atau penyegerakan pelayan Internet jauh,

telefon anda memerlukan tetapan tatarajah yang betul. Anda boleh menerima tetapan-tetapannya secara langsung sebagai mesej tatarajah. Selepas menerima tetapan-tetapan tersebut anda perlu menyimpannya pada telefon anda. Pembekal khidmat mungkin menyediakan PIN yang diperlukan untuk menyimpan tetapan-tetapan tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai ketersediaan, hubungi operator rangkaian anda, pembekal khidmat, wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat dengan anda, atau lawati bahagian sokongan di laman Web Nokia, www.nokia-asia.com/6131/support.

Setelah anda menerima tetapan-tetapan sebagai mesej tatarajah, dan tetapan-tetapan itu tidak disimpan dan diaktifkan secara automatik, *Tetapan tatarajah diterima* dipaparkan.

Untuk menyimpan tetapan, pilih **Tunjuk** > **Simpan**. Jika telefon meminta *Masukkan PIN tetapan*, masukkan kod PIN bagi tetapan, dan pilih **OK**. Untuk menerima kod PIN, hubungi pembekal khidmat yang membekalkan tetapan-tetapan itu. Jika tiada tetapan yang disimpan, tetapan-tetapan ini disimpan dan ditetapkan sebagai tetapan-tetapan tatarajah lalai. Jika tidak, telefon

bertanya *Aktifkan tetapan tatarajah tersimpan?*

Untuk membuang tetapan yang diterima, pilih **Keluar** atau **Tunjuk > Buang**.

■ Muat turun kandungan

Anda mungkin boleh memuat turun kandungan baru (contohnya, tema) ke telefon (perkhidmatan rangkaian). Pilih fungsi muat turun (contohnya, dalam menu *Galeri*). Untuk mengakses fungsi muat turun, lihat perihalan menu masing-masing.

Anda juga mungkin dapat memuat turun kemas kini-kemas kini perisian telefon (perkhidmatan rangkaian). Lihat "*Telefon*" h. 54, *Kemas kini telefon*.

Untuk ketersediaan perkhidmatan-perkhidmatan yang berbeza, harga dan tarif, hubungi pembekal khidmat anda.



Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

■ Sokongan dan maklumat hubungan Nokia

Untuk versi terkini panduan ini, muat turun, perkhidmatan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan produk Nokia anda, sila lawati

www.nokia-asia.com/6131/support atau laman web Nokia setempat anda. Anda boleh juga memuat turun tetapan-tetapan tatarajah percuma, seperti MMS, GPRS, e-mel, dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk model telefon anda di www.nokia-asia.com/phonesettings.

Sekiranya anda masih memerlukan bantuan, sila rujuk kepada www.nokia-asia.com/contactus.

Untuk menyemak lokasi pusat Nokia care yang terdekat bagi khidmat penyelenggaraan, anda boleh lawati www.nokia-asia.com/repair.

1. Mulakan

■ Masukkan kad SIM dan bateri

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Jauhkan semua kad SIM dari kanak-kanak kecil.


Untuk ketersediaan dan maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kad SIM, hubungi penjual kad SIM anda. Ini boleh jadi pembekal khidmat, operator rangkaian, atau penjual lain.

Peranti ini seharusnya digunakan dengan bateri BL-4C. Sentiasa gunakan bateri Nokia yang asli. Lihat "[Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia](#)" h. 97.


Kad SIM dan sentuh-sentuhnya mudah rosak oleh kerana tercalar atau dibengkokkan, jadi berhati-hatilah apabila mengendalikan, memasukkan, atau mengeluarkan kad itu.

Untuk menanggalkan penutup belakang telefon, tekan sedikit (1) dan luncurkan penutup (2).


Keluarkan bateri seperti yang ditunjukkan (3).



Buka pemegang kad SIM (4) dan masukkan kad SIM dengan betul ke dalam pemegangnya (5). Tutup pemegang kad SIM (6).



Pasang semula bateri (7). Luncurkan penutup belakang ke tempatnya (8, 9).




Masukkan kad mikroSD



Jauhkan semua kad memori mikroSD dari kanak-kanak kecil.

1. Tanggalkan penutup belakang telefon.
2. Masukkan kad ke dalam lubang alur kad mikroSD dengan permukaan sentuh emasnya menghadap ke bawah, dan tekan ia sehingga ia terkunci di tempatnya.



3. Tutup penutup belakang telefon.

Gunakan hanya kad mikroSD yang serasi dengan peranti ini. Kad-kad memori lain, seperti kad MultiMedia Saiz Kecil (Reduced Size MultiMediaCards), tidak muat dalam lubang alur kad mikroSD dan tidak serasi dengan peranti ini.

Menggunakan kad memori yang tidak serasi boleh merosakkan kad memori itu dan peranti ini juga, dan data yang disimpan pada kad yang tidak serasi itu boleh tercemar.

Gunakan hanya kad-kad mikroSD yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Nokia

menggunakan piawai-piawai industri yang diluluskan bagi kad memori tetapi tidak semua jenama lain mungkin berfungsi dengan betul atau benar-benar serasi dengan peranti ini.

Keluarkan kad mikroSD



Penting: Jangan keluarkan kad mikroSD semasa sesuatu operasi apabila kad sedang diakses. Mengeluarkan kad semasa sesuatu operasi mungkin akan merosakkan kad memori serta peranti ini, dan data yang disimpan dalam kad mungkin juga tercemar.

Anda boleh mengeluarkan atau menggantikan kad mikroSD semasa operasi telefon tanpa mematikan telefon.

1. Pastikan bahawa tiada aplikasi sedang mengakses kad memori mikroSD.
2. Tanggalkan penutup belakang telefon.
3. Tekan kad mikroSD sedikit untuk melepaskan penguncian.
4. Keluarkan kad mikroSD dari lubang alurnya.

■ Caskan bateri


Periksa nombor model sebarang pengecas sebelum menggunakannya dengan peranti ini. Peranti ini untuk digunakan apabila dibekalkan dengan kuasa daripada pengecas AC-3 atau AC-4.



Amaran: Gunakan hanya bateri, pengecas, dan tambahan yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan apa-apa kelulusan atau waranti, dan mungkin berbahaya.

Untuk mengetahui sama ada anda boleh mendapatkan tambahan yang diluluskan, sila tanya wakil penjual telefon anda. Apabila mencabut kord kuasa sebarang tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.

1. Sambungkan pengecas ke soket dinding.
2. Sambungkan penyambung dari pengecas dengan soket di bahagian bawah telefon anda.




Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Masa pengecasan bergantung kepada pengecas yang digunakan. Mengecaskan bateri BL-4C dengan pengecas AC-3 mengambil masa kira-kira 2 jam 20 minit semasa telefon dalam mod siap sedia.

■ Buka dan tutup telefon

Untuk membuka telefon tekan butang pelepas lipatan (1). Lipatan terbuka secara automatik (2).



Untuk menutup telefon lipatan lipatan secara manual dalam kedudukan tertutupnya.

Untuk mematikan nada yang berbunyi apabila anda membuka dan menutup telefon, lihat "Nada" h. 44.

■ Menghidupkan dan mematikan telefon



Amaran: Jangan hidupkan telefon apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Untuk menghidupkan atau mematikan telefon, tekan dan tahan kekunci kuasa. Lihat "[Kekunci dan bahagian-bahagian](#)" h. 6.

Jika telefon meminta kod PIN atau UPIN, masukkan kod tersebut (dipaparkan sebagai ****), dan pilih **OK**.

Tetapkan masa, zon masa, dan tarikh

Masukkan masa tempatan, pilih zon masa bagi lokasi anda dari segi perbezaan masa berhubung dengan Waktu Min Greenwich (GMT), dan masukkan tarikh. Lihat "[Masa dan tarikh](#)" h. 46.

Perkhidmatan pasang dan main

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat kali pertama, dan telefon anda berada dalam mod siap sedia, anda akan diminta untuk mendapatkan tetapan tatarajahnya dari pembekal khidmat anda


(perkhidmatan rangkaian). Sahkan atau tolak pertanyaannya. Lihat "[Samb ke b'tuan p'bkl khid](#)," h. 56, dan "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi.

■ Antena

Peranti anda mempunyai antena dalaman.




Nota: Seperti sebarang peranti pemancar radio lain, jangan sentuh antena jika tidak perlu apabila peranti dihidupkan. Menyentuh antena akan menjejaskan mutu panggilan dan boleh menyebabkan peranti beroperasi pada aras kuasa lebih tinggi daripada yang diperlukan. Mengelakkan daripada menyentuh bahagian antena semasa mengendalikan peranti ini menghasilkan prestasi optimum antena dan hayat bateri.






■ Tali telepon

Masukkan tali menembusi lelubang telepon seperti yang ditunjukkan di dalam gambar dan kemudian ketatkan ia.



2. Telefon anda

■ Kekunci dan bahagian-bahagian




- 1 Cuping telinga
- 2 Paparan utama
- 3 Kekunci pilihan kiri dan kanan

- 4 Kekunci pilihan tengah
- 5 Kekunci panggil
- 6 Pad kekunci
- 7 Tetingkap inframerah
- 8 Butang pelepas lipatan
- 9 Kekunci navigasi 4-hala
- 10 Kekunci tamat
- 11 Pembesar suara
- 12 Lelubang tali telefon
- 13 Penutup penyambung Pop-Port™
- 14 Penyambung pengecas
- 15 Kanta kamera
- 16 Kekunci-kekunci kelantangan (Kelantangan naik = Kekunci PTT)
- 17 Paparan mini
- 18 Kekunci kamera
- 19 Kekunci kuasa

Penutup penyambung


Untuk menyambungkan tambahan, buka penutup penyambung Pop-Port™.



■ Mod siap sedia

Apabila telefon sedia digunakan, dan anda tidak memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.

Paparan utama



- 1 Kekuatan isyarat rangkaian selular
- 2 Status cas bateri
- 3 Penunjuk
- 4 Nama rangkaian atau logo operator
- 5 Jam
- 6 Skrin utama
- 7 Fungsi kekunci pilihan kiri adalah **Pergi ke** atau pintasan ke fungsi yang lain. Lihat "**Kekunci pilihan kiri**" h. 46.

- 8 Fungsi kekunci pilihan tengah adalah **Menu**
- 9 Fungsi kekunci pilihan kanan adalah **Nama** atau pintasan ke fungsi yang lain. Lihat "**Kekunci pilihan kanan**" h. 47. Operator yang berlainan mungkin mempunyai nama khusus operator untuk mengakses laman Web khusus operator.

Siap sedia aktif

Dalam mod siap sedia aktif terdapat satu senarai ciri-ciri telefon yang terpilih dan maklumat pada skrin yang boleh anda akses dalam mod siap sedia. Untuk mengaktifkan mod ini, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Paparan utama* > *Tetapan mod siap sedia* > *Siap sedia aktif* > *Siap sedia aktif saya*. Dalam mod siap sedia,atal ke atas atau ke bawah untuk mengaktifkan navigasi dalam senarai itu. Untuk memulakan ciri ini, pilih **Pilih**; atau untuk memaparkan maklumat, pilih **Pamer**. Anak panah ke kiri dan ke kanan pada awal dan akhir baris menandakan maklumat lanjut boleh didapati dengan menatal ke kiri atau ke kanan. Untuk menamatkan mod navigasi siap sedia aktif, pilih **Keluar**.

Untuk mengatur dan menukar mod siap sedia aktif, aktifkan mod navigasi, dan pilih **Pilihan** > *Siap sedia aktif* > *Siap sedia aktif saya* > **Pilihan** dan pilihan yang berikut:

Peribadikan – Memberi atau menukar ciri-ciri telefon dalam mod siap sedia.

Susun – Memindah kedudukan ciri-ciri dalam mod siap sedia.

Benarkan siap sedia aktif – Memilih kekunci untuk mengaktifkan mod navigasi siap sedia Untuk menukar tetapan, lihat "**Tetapan mod siap sedia**" h. 45.

Untuk mematikan mod siap sedia aktif pilih **Pilihan** > *Siap sedia aktif* > *Dimatikan*; atau pilih **Menu** > *Tetapan* > *Paparan utama* > *Tetapan mod siap sedia* > *Siap sedia aktif* > *Dimatikan*.

Pintasan dalam mod siap sedia

- Untuk mengakses senarai nombor yang sudah didail, tekan kekunci panggil sekali. Tatal ke nombor atau nama yang anda mahu; dan untuk memanggil nombor tersebut, tekan kekunci panggil.
- Untuk membuka penyemak imbas web, tekan dan tahan 0.

- Untuk memanggil peti mel suara anda, tekan dan tahan 1.
- Gunakan kekunci navigasi sebagai pintasan. Lihat "**Pintasan saya**" h. 46.
- Tekan kekunci kamera untuk memulakan kamera (gambar pegun).
- Dalam mod kamera tekan kekunci-kekunci kelantangan untuk mengezum masuk atau keluar.
- Tekan satu kekunci kelantangan untuk membisukan nada deringan panggilan masuk semasa telefon ditutup.
- Tekan kekunci kuasa untuk mengakses menu profil pada paparan utama.

Penunjuk





























Anda mempunyai mesej belum dibaca dalam folder *Peti masuk*.



Anda mempunyai mesej yang belum dihantar, dibatalkan atau gagal dalam folder *Peti keluar*.



Telefon mendaftarkan satu panggilan yang tak dijawab.

-  Telefon anda disambungkan kepada perkhidmatan mesej segera, dan status ketersediaan adalah dalam talian atau luar talian.
-  Anda menerima satu atau beberapa mesej segera, dan anda disambungkan kepada perkhidmatan mesej segera.
-  Pad kekunci dikunci.
-  Telefon tidak berdering untuk panggilan masuk atau mesej teks.
-  Jam penggera ditetap ke *Aktif*.
-  Pemasa undur sedang berjalan.
-  Jam randik sedang berjalan di latar belakang.
- G, E** Telefon didaftarkan ke rangkaian GPRS atau EGPRS.
- G, E** Sambungan GPRS atau EGPRS diwujudkan.
-  Sambungan GPRS atau EGPRS digantung (menunggu), misalnya, jika terdapat panggilan masuk atau panggilan keluar semasa sambungan dailan EGPRS.
-  Satu sambungan Bluetooth sedang aktif.
-  Sambungan tekan untuk cakap sedang aktif atau digantung. Lihat "[Tekan untuk cakap](#)" h. 76.
- 2** Jika anda mempunyai dua talian telefon, talian telefon yang kedua dipilih.
-  Semua panggilan masuk dialihkan ke nombor lain.
-  Pembesar suara diaktifkan, atau pemegang muzik disambungkan ke telefon.
-  Panggilan dihadkan kepada kumpulan pengguna terhad.
-  Profil ditetap masa dipilih.
-            

Untuk membuka kunci pad kekunci, pilih **Buka k'ci**, dan tekan * dalam masa 1.5 saat. Jika *Kawal k'ncni keselamatan* ditetapkan ke *Aktif*, masukkan kod keselamatan jika diminta.

Untuk menjawab panggilan semasa kawal kekunci sedang aktif, tekan kekunci panggil. Apabila anda menamatkan atau menolak panggilan, pad kekunci mengunci secara automatik.

Untuk *Kawal k'ncni keselamatan*, lihat "Telefon" h. 54.

Apabila kawal kekunci sedang aktif, panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda.

■ Fungsi-fungsi tanpa kad SIM

Beberapa fungsi telefon anda boleh digunakan tanpa memasang kad SIM (contohnya pemindahan data dengan PC yang serasi atau peranti lain yang serasi). Ambil perhatian bahawa apabila anda menggunakan telefon tanpa kad SIM, beberapa fungsi kelihatan dimalapkan dalam menu-menu dan tidak boleh digunakan. Penyegerakan dengan pelayan Internet jauh tidak dapat dilakukan tanpa kad SIM.

Bagi panggilan kecemasan, sesetengah rangkaian mungkin memerlukan kad SIM yang sah dimasukkan dengan betul ke dalam peranti.

3. Fungsi-fungsi panggilan

■ Buat panggilan

1. Masukkan nombor telefon, termasuk kod kawasan.
Untuk panggilan antarabangsa, tekan * dua kali untuk awalan antarabangsa (aksara + menggantikan kod akses antarabangsa), masukkan kod negara, kod kawasan tanpa awalan 0, jika perlu, dan nombor telefon.
2. Untuk memanggil nombor, tekan kekunci panggil.
3. Untuk menamatkan panggilan atau untuk membatalkan percubaan memanggil, tekan kekunci tamat, atau tutup telefon.

Untuk mencari nama atau nombor telefon yang telah anda simpan dalam *Kenalan*, lihat "*Mencari kenalan*" h. 36. Tekan kekunci panggil untuk memanggil nombor. Untuk mengakses senarai nombor yang sudah didail, tekan kekunci panggil sekali dalam mod siap sedia. Untuk memanggil nombornya, pilih nombor atau nama, dan tekan kekunci panggil.

Dail cepat

Berikan nombor telefon ke salah satu daripada kekunci dail cepat, 2 hingga 9. Lihat "*Dail cepat*" h. 41. Panggil nombor menggunakan salah satu daripada cara berikut:

- Tekan kekunci dail cepat, kemudian kekunci panggil.
- Jika *Dail cepat* di tetapkan ke *Aktif*, tekan dan tahan kekunci dail cepat sehingga panggilan bermula. Lihat *Dail cepat* dalam "*Panggilan*" h. 53.

Dailan suara tambahan

Anda boleh membuat panggilan telefon dengan menyebut nama yang disimpan dalam senarai kenalan telefon. Arahan suara ditambah secara automatik pada semua entri dalam senarai kenalan telefon.

Jika sesuatu aplikasi menghantar atau menerima data dengan menggunakan sambungan data paket, tamatkan aplikasi itu sebelum anda menggunakan dailan suara.

Arahan suara bergantung kepada bahasa. Untuk menetapkan bahasa, lihat *Bahasa main balik suara* dalam "*Telefon*" h. 54.



Nota: Menggunakan tag suara mungkin sukar dalam persekitaran yang bising atau semasa kecemasan, dari itu anda tidak seharusnya bergantung semata-mata pada dailan suara dalam semua keadaan.

1. Dalam mod siap sedia, tekan dan tahan kekunci pilihan kanan atau tekan dan tahan kekunci kelantangan turun. Satu nada pendek dimainkan, dan *Cakap sekarang* dipaparkan.

Jika anda menggunakan alat dengar yang serasi dengan kekunci alat dengar, tekan dan tahan kekunci alat dengar untuk memulakan dailan suara.

2. Sebutkan arahan suara dengan jelas. Jika pengecaman suara tersebut berjaya, satu senarai dengan padanannya dipaparkan. Telefon memainkan arahan suara padanan yang teratas dalam senarai itu. Selepas anggaran 1.5 saat, telefon mendail nombornya, atau jika hasilnya tidak betul, tatal ke entri yang lain, dan pilih untuk mendail entri tersebut.

Menggunakan arahan suara untuk menjalankan fungsi telefon yang dipilih adalah

serupa dengan dailan suara. Lihat *Arahan suara* dalam "Pintasan saya" h. 46.

■ Menjawab atau menolak panggilan

Untuk menjawab panggilan masuk, tekan kekunci panggil, atau buka telefon. Untuk menamatkan panggilan, tekan kekunci tamat atau tutup telefon.

Untuk menolak panggilan masuk jika telefon dibuka, tekan kekunci tamat. Untuk menolak panggilan masuk apabila telefon ditutup, tekan dan tahan satu kekunci kelantangan.

Untuk membisukan nada deringan, tekan satu kekunci kelantangan apabila telefon ditutup, atau pilih *Senyap* apabila telefon dibuka.



Petua: Jika fungsi *Alih jika sibuk* diaktifkan untuk mengalihkan panggilan (misalnya, ke peti mel suara anda), menolak panggilan masuk akan juga mengalihkan panggilan tersebut. Lihat "Panggilan" h. 53.

Jika alat dengar yang serasi yang dibekalkan dengan kekunci alat dengar disambungkan kepada telefon, untuk menjawab dan menamatkan panggilan, tekan kekunci alat dengar.

Panggilan menanti

Untuk menjawab panggilan yang menanti semasa panggilan aktif, tekan kekunci panggil. Panggilan yang pertama akan dijadikan panggilan menunggu. Untuk menamatkan panggilan yang aktif, tekan kekunci tamat.

Untuk mengaktifkan fungsi *Khid. panggilan menanti*, lihat "Panggilan" h. 53.

■ Pilihan-pilihan semasa panggilan

Banyak pilihan yang boleh anda gunakan semasa panggilan adalah perkhidmatan rangkaian. Untuk ketersediaan, hubungi pembekal khidmat anda.

Semasa dalam panggilan, pilih **Pilihan** dan daripada pilihan yang berikut:

Pilihan-pilihan panggilan adalah *Bisu* atau *Bersuara*, *Kenalan*, *Menu*, *Kunci pad kekunci*, *Rakam*, *Pembesar suara* atau *Telefon bimbit*.

Pilihan-pilihan perkhidmatan rangkaian adalah *Jawab* atau *Tolak*, *Tunggu* atau *Lepas*, *Panggilan baru*, *Tambah ke persidangan*, *Tamat panggilan*, *Tamat semua panggilan*, dan yang berikut:

Hantar DTMF – untuk menghantar rentetan nada

Bertukar – untuk bertukar-tukar antara panggilan aktif dan panggilan yang menunggu

Pindah – untuk menyambung panggilan yang menunggu dengan panggilan aktif dan memutuskan sambungan anda sendiri.




Persidangan – untuk membuat panggilan persidangan yang membolehkan sehingga lima orang mengambil bahagian dalam satu panggilan persidangan.

Panggilan peribadi – untuk berbincang secara peribadi dalam panggilan persidangan



Amaran: Jangan pegang peranti ini pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

4. Tulis teks

Anda boleh memasukkan teks (misalnya, semasa menulis mesej) menggunakan input teks tradisional atau ramalan. Semasa anda menulis teks, penunjuk input teks dipaparkan di bahagian atas paparan.  menunjukkan input teks tradisional.  menunjukkan input teks ramalan. Input teks ramalan membolehkan anda menulis teks dengan cepat menggunakan pad kekunci telefon dan kamus terbina dalam. Anda boleh memasukkan satu huruf dengan satu tekanan kekunci.  menunjukkan input teks ramalan dengan *Cadangan kata*. Telefon meramalkan dan melengkapkan perkataan sebelum anda memasukkan semua aksaranya.

Abc, **abc**, atau **ABC** muncul di sebelah penunjuk input teks, menandakan huruf besar atau huruf kecil. Untuk menukar huruf besar atau huruf kecil, tekan #.

123 menandakan mod nombor. Untuk menukar daripada mod huruf kepada mod nombor, tekan dan tahan #, dan pilih *Mod nombor*. Untuk menetapkan bahasa menulis semasa menulis teks, pilih **Pilihan** > *Bahasa tulisan*.

■ Input teks ramalan

Untuk mengaktifkan input teks ramalan, pilih **Pilihan** > *Ramalan aktif*.



Petua: Untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan input teks ramalan dengan cepat semasa menulis teks, tekan # dua kali, atau pilih dan tahan **Pilihan**.

1. Mula menulis perkataan dengan menggunakan kekunci 2 hingga 9. Tekan setiap kekunci sekali sahaja untuk satu huruf. Huruf-huruf yang dimasukkan dipaparkan dengan bergaris bawah.

Untuk memasukkan aksara khas, tekan dan tahan *, atau pilih **Pilihan** > *Masukkan simbol*. Tatal ke satu aksara, dan pilih **Guna**.

Untuk menulis perkataan majmuk, masukkan bahagian pertama perkataan; untuk mengesahkannya, tekan kekunci navigasi kanan. Tulis bahagian perkataan berikutnya dan sahkan perkataan.

Untuk memasukkan tanda noktah, tekan 1.

2. Apabila anda selesai menulis perkataan dan ia betul, untuk mengesahkannya, tekan **O** untuk menambahkan ruang.

Jika perkataan itu tidak betul, tekan * berkali-kali, atau pilih **Pilihan** > *Sepadan*. Apabila perkataan yang anda mahu muncul, pilih perkataan tersebut dan tekan kekunci navigasi.

Jika aksara ? dipaparkan selepas perkataan, perkataan yang ingin anda tuliskan tidak ada di dalam kamus. Untuk menambahkan perkataan pada kamus, pilih **Mengeja**. Lengkapi perkataan (menggunakan input teks tradisional), dan pilih **Simpan**.

Jika huruf seterusnya yang anda mahu terletak pada kekunci yang sama dengan yang sedang digunakan, tunggu sehingga kursor muncul, atau tekan mana-mana kekunci navigasi sebentar dan masukkan huruf tersebut.

Tanda baca dan aksara khas yang paling sering digunakan terdapat di bawah kekunci **1**. Untuk mendapatkan lebih banyak aksara, tekan *.

■ Input teks tradisional

Untuk mengaktifkan input teks tradisional, pilih **Pilihan** > *Ramalan tak aktif*.

Tekan satu kekunci nombor, **1** hingga **9**, berkali-kali sehingga aksara yang diinginkan muncul. Tidak semua aksara yang boleh didapati di bawah sesuatu kekunci nombor dicetak pada kekunci tersebut. Aksara-aksara yang terdapat bergantung kepada bahasa menulis yang dipilih.

5. Menavigasi menu

Telefon ini menawarkan anda pelbagai fungsi, yang dikumpulkan ke dalam menu-menu.

1. Untuk mengakses menu, pilih **Menu**.

Untuk menukar paparan menu, pilih **Pilihan** > *Pameran menu utama* > *Senarai, Grid, Grid dengan label*, atau *Tab*.

Untuk menyusun semula menu, tatal ke menu yang anda hendak pindahkan, dan pilih **Pilihan** > *Susun* > **Alih**. Tatal ke tempat yang anda hendak pindahkan menu tersebut, dan pilih **OK**.

Untuk menyimpan perubahan ini, pilih **Selesai** > **Ya**.

2. Tatal menu, dan pilih pilihan (misalnya, *Tetapan*).
3. Jika menu yang dipilih mengandungi submenu-submenu lanjut, pilih submenu yang anda mahu (misalnya, *Panggilan*).
4. Jika menu yang dipilih mengandungi submenu-submenu lanjut, ulang langkah 3.
5. Pilih tetapan pilihan anda.
6. Untuk kembali ke paras menu yang sebelumnya, pilih **Balik**. Untuk keluar dari menu, pilih **Keluar**.

6. Mesej



Anda boleh membaca, menulis, menghantar, dan menyimpan mesej teks, multimedia, e-mel, audio, flash dan poskad. Semua mesej diatur ke dalam folder.

■ Mesej teks (SMS)

Dengan perkhidmatan mesej ringkas (SMS) anda boleh menghantar dan menerima mesej teks, dan menerima mesej yang boleh mengandungi gambar (perkhidmatan rangkaian).

Sebelum anda boleh menghantar sebarang mesej teks atau e-mel SMS, anda perlu menyimpan nombor pusat mesej anda. Lihat "[Tetapan mesej](#)" h. 32.

Untuk mengetahui ketersediaan perkhidmatan e-mel SMS dan untuk melanggan perkhidmatan ini, hubungi pembekal khidmat anda. Untuk menyimpan alamat e-mel di dalam *Kenalan*, lihat "[Simpan butiran](#)" h. 36.

Peranti anda menyokong penghantaran mesej teks yang melebihi had aksara bagi satu mesej. Mesej-mesej yang lebih panjang akan dihantar sebagai satu siri yang terdiri daripada dua atau lebih mesej. Pembekal khidmat anda boleh

mengenakan bayaran yang sewajarnya. Aksara-aksara yang menggunakan aksen atau tanda-tanda lain, dan aksara-aksara dari beberapa pilihan bahasa seperti bahasa Cina, mengambil lebih banyak ruang dan membataskan bilangan aksara yang boleh dihantar dalam satu mesej.

Penunjuk kepanjangan mesej di bahagian atas paparan menunjukkan jumlah bilangan aksara yang tinggal dan bilangan mesej yang diperlukan untuk dihantar. Misalnya, 673/2 bermakna terdapat 673 aksara yang tinggal dan mesej akan dihantar sebagai satu siri yang terdiri daripada dua mesej.

Tulis dan hantar mesej SMS

1. Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej teks*.
2. Masukkan nombor telefon penerima atau alamat e-mel dalam medan *Kepada*:. Untuk mengambil nombor telefon atau alamat e-mel dari *Kenalan*, pilih **Tambah** > *Kenalan*. Untuk menghantar mesej kepada berbilang penerima, tambah


kenalan yang diinginkan satu demi satu. Untuk menghantar mesej kepada orang-orang dalam sesuatu kumpulan, pilih *Kumpulan kenalan* dan kumpulan yang diinginkan. Untuk mengambil kenalan yang baru saja anda hantarkan mesej, pilih **Tambah** > *Baru digunakan*. Untuk mengambil kenalan dari panggilan masuk yang sebelumnya, pilih **Tambah** > *Buka Log*.

3. Untuk e-mel SMS, masukkan satu subjek dalam medan *Subjek*.
4. Masukkan mesej anda dalam medan *Mesej*: Lihat "**Tulis teks**" h. 14. Untuk memasukkan templat ke dalam mesej, pilih **Pilihan** > *Guna templat*. Untuk melihat bagaimana mesej dilihat oleh penerima, pilih **Pilihan** > *Pratonton*.
5. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**. Lihat "**Hantaran mesej**" h. 20.

Membaca dan membalas mesej SMS

Apabila anda menerima mesej, *1 mesej diterima* atau bilangan mesej baru dengan *...mesej diterima* dipaparkan.

1. Untuk melihat mesej baru, pilih **Tunjuk**. Untuk melihatnya kemudian, pilih **Keluar**.

Untuk membaca mesej kemudian, pilih **Menu** > *Mesej* > *Peti masuk*. Jika lebih daripada satu mesej diterima, pilih mesej yang anda hendak baca.  dipaparkan jika anda mempunyai mesej yang belum dibaca dalam *Peti masuk*.

2. Untuk melihat senarai pilihan yang tersedia semasa membaca mesej, pilih **Pilihan**.
3. Untuk membalas mesej, pilih **Balas** > *Mesej teks*, *Multimedia*, *Mesej flash*, atau *Mesej audio*.

Untuk menghantar mesej teks ke alamat e-mel, masukkan alamat e-mel dalam medan *Kepada*:

Tatal ke bawah, dan tulis mesej anda dalam medan *Mesej*: Lihat "**Tulis teks**" h. 14.

Jika anda hendak menukar jenis mesej untuk mesej balasan anda, pilih **Pilihan** > *Tukar jenis mesej*.

4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**. Lihat "**Hantaran mesej**" h. 20.

■ Mesej SIM

Mesej SIM adalah mesej teks yang disimpan pada kad SIM anda. Anda boleh menyalin atau memindahkan mesej tersebut ke memori telefon, tetapi tidak sebaliknya. Mesej yang diterima disimpan pada memori telefon.

Untuk membaca mesej SIM, pilih **Menu** > *Mesej* > **Pilihan** > *Mesej SIM*.

■ Mesej multimedia (MMS)



Nota: Hanya peranti yang mempunyai ciri serasi boleh menerima dan memaparkan mesej-mesej multimedia. Kemunculan mesej boleh berbeza-beza bergantung kepada peranti yang menerima.

Untuk mengetahui ketersediaan dan untuk melangani perkhidmatan mesej multimedia, hubungi pembekal khidmat anda. Lihat "*Mesej multimedia*" h. 34.

Mesej multimedia boleh mengandungi teks, bunyi, imej, klip video, kad niaga, dan nota kalendar. Jika mesej terlalu besar, telefon mungkin tidak dapat menerimanya. Sesetengah rangkaian membenarkan mesej teks yang

menyertakan alamat Internet di mana anda boleh melihat mesej multimedia.

Anda tidak boleh menerima mesej multimedia semasa panggilan atau sesi semak imbas yang aktif melalui data GSM. Oleh kerana penghantaran mesej multimedia boleh gagal atas pelbagai sebab, jangan bergantung semata-mata kepada mesej ini untuk komunikasi penting.

Tulis dan hantar mesej SMS

Rangkaian wayarles boleh membataskan saiz mesej MMS. Jika imej yang dimasukkan melebihi had ini, peranti ini boleh membuatnya lebih kecil supaya ia boleh dihantar melalui mesej MMS.

1. Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Multimedia*.
2. Masukkan mesej anda.

Telefon anda menyokong mesej multimedia yang mengandungi beberapa halaman (slaid). Mesej boleh mengandungi nota kalendar dan kad niaga sebagai lampiran. Slaid boleh mengandungi teks, satu imej, dan satu klip bunyi; atau teks dan klip video. Untuk memasukkan slaid ke dalam mesej, pilih **Baru**; atau pilih **Pilihan** > *Masukkan* > *Slaid*.

Untuk memasukkan fail dalam mesej, pilih **Masukkn.**; atau pilih **Pilihan** > *Masukkan*.


3. Untuk melihat mesej sebelum menghantarnya, pilih **Pilihan** > *Pratonton*.
4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**. Lihat "Hantaran mesej" h. 20.
5. Masukkan nombor telefon penerima dalam medan *Kepada:*. Untuk mengambil nombor telefon dari *Kenalan*, pilih **Tambah** > *Kenalan*. Untuk menghantar mesej kepada berbilang penerima, tambah kenalan yang diinginkan satu demi satu. Untuk menghantar mesej kepada orang dalam sesuatu kumpulan, pilih *Kumpulan kenalan* dan kumpulan yang diinginkan. Untuk mengambil kenalan yang baru saja anda hantarkan mesej, pilih **Tambah** > *Baru digunakan*.

Hantaran mesej

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik (termasuk nada dering), dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai, dipindahkan atau dikemukakan.

Selepas anda selesai menulis mesej anda, untuk menghantar mesej itu, pilih **Hantar**. Telefon menyimpan mesej dalam folder *Peti keluar*, dan hantaran bermula. Jika anda memilih *Simpan mesej dihantar* > *Ya*, mesej yang dihantar disimpan dalam folder *Perkara dihantar*. Lihat "Tetapan umum" h. 32.



Nota: Apabila telefon sedang menghantar mesej,  beranimasi dipaparkan. Ini menandakan mesej telah dihantar oleh peranti anda ke nombor pusat mesej yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda. Ini bukan menandakan mesej telah diterima di destinasi tujuan. Untuk butiran lanjut mengenai perkhidmatan mesej, sila tanya pembekal khidmat anda.

Menghantar mesej multimedia mengambil masa yang lebih lama dari menghantar mesej teks. Semasa mesej sedang dihantar, anda boleh menggunakan fungsi lain pada telefon. Jika terdapat gangguan semasa mesej sedang dihantar, telefon akan cuba menghantar mesej itu semula beberapa kali. Jika percubaan-percubaan ini gagal, mesej akan kekal di dalam folder *Peti keluar*. Anda boleh cuba menghantarnya semula kemudian.

Batalkan hantaran mesej


Untuk membatalkan hantaran mesej dalam folder *Peti keluar*, tatal ke mesej yang diingini, dan pilih **Pilihan** > *Batal hantaran*.

Baca dan balas mesej MMS



Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Objek mesej multimedia mungkin mengandungi perisian yang berbahaya atau jika tidak mungkin berbahaya kepada peranti atau PC anda.

Apabila anda menerima mesej multimedia baru, *Mesej multimedia diterima* atau bilangan mesej baru dengan *...mesej diterima* dipaparkan.

1. Untuk membaca mesej, pilih **Tunjuk**. Untuk melihatnya kemudian, pilih **Keluar**.
Untuk membaca mesej kemudian, pilih **Menu** > *Mesej* > *Peti masuk*. Tatal ke mesej yang anda hendak lihat, dan pilih ia.  dipaparkan jika anda mempunyai mesej belum dibaca dalam *Peti masuk*.
2. Untuk melihat seluruh mesej jika mesej yang diterima mengandungi persembahan, pilih **Main**.

Untuk melihat fail dalam persembahan atau lampiran, pilih **Pilihan** > *Objek* atau *Lampiran*.

3. Untuk membalas mesej, pilih **Pilihan** > *Balas* > *Mesej teks*, *Multimedia*, *Poskad*, *Mesej flash*, atau *Mesej audio*. Tulis mesej balasan.
Jika anda hendak menukar jenis mesej untuk mesej balasan anda, pilih **Pilihan** > *Tukar jenis mesej*. Jenis mesej yang baru ini mungkin tidak menyokong semua kandungan yang telah anda tambahkan.
4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**. Lihat "**Hantaran mesej**" h. 20.

■ Memori penuh

Apabila anda menerima mesej, dan memori untuk mesej penuh, *Memori penuh. Gagal menerima mesej*. dipaparkan. Untuk memadam mesej lama dahulu, pilih **OK** > *Ya* dan foldernya. Tatal ke mesej yang diingini, dan pilih **Padam**. Jika lebih banyak mesej hendak dipadam, pilih **Tanda**. Tandakan semua mesej yang anda hendak padam, dan pilih **Pilihan** > *Padam yang ditandai*.

■ Folder

Telefon menyimpan mesej yang diterima dalam folder *Peti masuk*.

Mesej yang belum lagi dihantar disimpan dalam folder *Peti keluar*.

Untuk menetapkan telefon supaya menyimpan mesej yang dihantar dalam folder *Item dihantar*, lihat *Simpan mesej dihantar* dalam "Tetapan umum" h. 32.

Untuk menyimpan mesej yang anda tulis dan hendak dihantar kemudian dalam folder *Draf*, pilih **Pilihan** > *Simpan mesej* > *Draf*.

Anda boleh memindahkan mesej anda ke folder *Item disimpan*. Untuk mengatur subfolder-subfolder *Item disimpan* anda, pilih **Menu** > *Mesej* > *Item disimpan*. Untuk menambah folder, pilih **Pilihan** > *Tambah folder*. Untuk memadam atau menamakan semula folder, tatal ke folder yang diinginkan, dan pilih **Pilihan** > *Padam folder* atau *Nama semula folder*.

Telefon anda mempunyai templat-templat. Untuk membuat templat baru, simpan mesej sebagai templat. Untuk mengakses senarai templat, pilih **Menu** > *Mesej* > *Item disimpan* > *Templat*.

■ Poskad

Dengan perkhidmatan mesej poskad (perkhidmatan rangkaian), buat dan hantar poskad-poskad yang boleh mengandungi satu imej dan satu teks ucapan. Poskad itu dihantar kepada pembekal khidmat menggunakan mesej multimedia. Pembekal khidmat mencetak poskad dan menghantarnya ke alamat pos yang diberikan bersama mesej. Perkhidmatan mesej multimedia mesti diaktifkan dahulu sebelum ia boleh digunakan.

Sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan poskad anda mestilah melangani perkhidmatan ini. Untuk mengetahui ketersediaan, dan kos, dan untuk melangani perkhidmatan ini, hubungi operator rangkaian atau pembekal khidmat anda.

Hantar poskad

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Poskad*. Tatal ke medan-medan editor, masukkan nama, alamat pos, dan bandar penerima (medan-medan editor mandatori, ditandakan dengan *).

Tatal ke medan imej dan pilih **Masukkn.** > *Buka Galeri* untuk memasukkan satu imej dari *Galeri* atau *Imej baru* untuk memasukkan gambar baru; kemudian tuliskan teks

ucapan anda. Pilih **Pilihan** untuk melihat pilihan-pilihan yang tersedia. Untuk menghantar poskad, pilih kekunci grafik atau **Pilihan** > *Hantar*.

■ Mesej flash

Mesej flash adalah mesej teks yang dipaparkan dengan serta-merta selepas diterima. Mesej flash tidak disimpan secara automatik.

Tulis mesej flash

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej flash*. Masukkan nombor telefon penerima dalam medan *Kepada*:. Tatal ke bawah, dan tulis mesej anda dalam medan *Mesej*:. Panjang maksimum mesej flash adalah 70 aksara. Untuk memasukkan teks berkelip ke dalam mesej, pilih **Pilihan** > *Masukkan aksara kelip* untuk menetapkan penanda. Teks di belakang penanda berkelip sehingga penanda kedua dimasukkan.

Terima mesej flash

Mesej flash yang diterima ditandakan dengan *Mesej*:. dan beberapa perkataan dari permulaan mesej. Untuk membaca mesej, pilih **Baca**. Untuk mengambil nombor telefon, alamat e-mel, dan alamat laman Web dari mesej semasa, pilih

Pilihan > *Guna butiran*. Untuk menyimpan mesej, pilih **Simpan** dan folder tempat anda hendak menyimpannya.

■ Mesej audio Nokia Xpress

Anda boleh menggunakan perkhidmatan mesej multimedia untuk membuat dan menghantar mesej suara dengan cara yang mudah. Perkhidmatan mesej multimedia mesti diaktifkan dahulu sebelum anda boleh menggunakan mesej audio.

Buat mesej audio

1. Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej audio*. Perakam terbuka. Untuk menggunakan perakam, lihat "Perakam suara" h. 69.
2. Tuturkan mesej anda.
3. Masukkan nombor telefon penerima dalam medan *Kepada*:. Untuk mengambil nombor telefon dari *Kenalan*, pilih **Tambah** > *Kenalan*. Untuk menghantar mesej kepada berbilang penerima, tambah kenalan yang diinginkan satu demi satu. Untuk menghantar mesej kepada orang dalam sesuatu kumpulan, pilih *Kumpulan kenalan* dan kumpulan yang

diingini. Untuk mengambil kenalan yang baru saja anda hantarkan mesej, pilih **Tambah** > *Baru digunakan*.

4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**.

Terima mesej audio

Apabila telefon anda menerima mesej audio, *1 mesej audio diterima* dipaparkan. Untuk membuka mesej, pilih **Main**; atau jika lebih daripada satu mesej diterima, pilih **Tunjuk** > **Main**. Untuk mendengar mesej kemudian, pilih **Keluar**. Untuk melihat pilihan-pilihan yang tersedia, pilih **Pilihan**.

■ Aplikasi e-mel

Aplikasi e-mel menggunakan sambungan data paket (perkhidmatan rangkaian) untuk membolehkan anda mengakses akaun e-mel dari telefon anda apabila anda tidak ada di pejabat atau di rumah. Aplikasi e-mel ini berbeza daripada fungsi e-mel SMS. Untuk menggunakan fungsi e-mel di telefon anda, anda memerlukan sistem e-mel yang serasi.

Anda boleh menulis, menghantar, dan membaca e-mel dengan telefon anda. Anda juga boleh menyimpan dan memadam e-mel pada PC yang serasi. Telefon anda menyokong

pelayan-pelayan e-mel POP3 dan IMAP4.

Sebelum anda boleh menghantar dan mengambil sebarang mesej e-mel, anda mesti lakukan perkara berikut:

- Dapatkan akaun e-mel baru atau gunakan akaun semasa anda. Untuk memeriksa ketersediaan akaun e-mel anda, hubungi pembekal khidmat e-mel anda.
- Periksa tetapan e-mel anda dengan operator rangkaian atau pembekal khidmat e-mel anda. Anda boleh menerima tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah. Lihat "**Perkhidmatan tetapan tatarajah**" h. xi. Anda juga boleh memasukkan tetapan-tetapan secara manual. Lihat "**Tatarajah**" h. 56.

Untuk mengaktifkan tetapan e-mel, pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Mesej e-mel*. Lihat "**Mesej e-mel**" h. 35.

Aplikasi ini tidak menyokong nada-nada pad kekunci.

Wizard Tetapan

Wizard tetapan akan bermula secara automatik jika tiada tetapan e-mel ditetapkan dalam telefon. Untuk memasukkan tetapan secara manual, pilih **Menu** > *Mesej* >

E-mel > **Pilihan** > *Urus akaun* > **Pilihan** > *Baru*.

Pilihan-pilihan *Urus akaun* membolehkan anda menambah, memadam, dan menukar tetapan e-mel. Pastikan anda telah menetapkan pusat akses pilihan yang betul bagi operator anda. Lihat "*Tatarajah*" h. 56.

Aplikasi e-mel memerlukan pusat akses Internet tanpa proksi. Pusat akses WAP biasanya menyertakan proksi dan tidak berfungsi dengan aplikasi e-mel.

Tulis dan hantar e-mel

Anda boleh menulis mesej e-mel anda sebelum menyambung kepada perkhidmatan e-mel; atau sambung dahulu kepada perkhidmatan itu, dan kemudian tulis dan hantar e-mel anda.

1. Pilih **Menu** > *Mesej* > *E-mel* > *Tulis e-mel baru*.
2. Jika lebih daripada satu akaun e-mel ditetapkan, pilih akaun dari mana anda ingin menghantar e-mel.
3. Masukkan alamat e-mel penerima.
4. Tuliskan subjek bagi e-mail.
5. Tulis mesej e-mel. Lihat "*Tulis teks*" h. 14.

Untuk melampirkan fail pada e-mel, pilih **Pilihan** > *Lampirkan fail* dan fail dari *Galeri*.

6. Untuk menghantar mesej e-mel dengan segera, pilih **Hantar** > *Hantar sekarang*.

Untuk menyimpan e-mel dalam folder *Peti keluar* untuk dihantar kemudian, pilih **Hantar** > *Hantar kemudian*.

Untuk mengedit atau menyambung menulis e-mel anda kemudian, pilih **Pilihan** > *Simpan sebagai draf*. E-mel disimpan dalam *Peti keluar* > *Draf*.

Untuk menghantar e-mel kemudian, pilih **Menu** > *Mesej* > *E-mel* > **Pilihan** > *Hantar sekarang* atau *Hantar dan periksa e-mel*.

Muat turun e-mel

1. Untuk memuat turun mesej e-mel yang telah dihantar ke akaun e-mail anda, pilih **Menu** > *Mesej* > *E-mel* > *Periksa e-mel baru*.

Jika lebih daripada satu akaun e-mel ditetapkan, pilih akaun dari mana anda ingin memuat turun e-mel.

Aplikasi e-mel hanya memuat turun pengepala e-mel dahulu.

2. Pilih **Balik**.
3. Pilih **Peti masuk**, nama akaun, dan mesej baru, dan pilih **Ambil sml** untuk memuat turun mesej e-mel yang lengkap.

Untuk memuat turun mesej e-mel baru dan untuk menghantar e-mel yang telah disimpan dalam folder **Peti keluar**, pilih **Pilihan > Hantar dan periksa e-mel**

Baca dan balas e-mel



Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej e-mel mungkin mengandungi perisian yang berbahaya atau jika tidak mungkin boleh merosakkan peranti atau PC anda.

1. Pilih **Menu > Mesej > E-mel > Peti masuk**, nama akaun, dan mesej yang diingini.
2. Semasa membaca mesej, pilih **Pilihan** untuk melihat pilihan yang tersedia.
3. Untuk membalas e-mel, pilih **Jawab > Teks asal** atau **Mesej kosong**. Untuk membalas banyak, pilih **Pilihan > Balas semua**. Sahkan atau edit alamat dan subjek e-mel, kemudian tulis balasan anda.
4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar > Hantar sekarang**.

Folder e-mel

Telefon anda menyimpan e-mel yang anda telah muat turun dari akaun e-mel dalam folder **Peti masuk**. Folder **Peti masuk** mengandungi folder-folder berikut: "Nama akaun" bagi e-mail yang masuk, **Arkib** bagi mengarkib e-mel, **Suai 1–Suai 3** bagi mengisih e-mel, **Sarap** di mana semua e-mel spam disimpan, **Draf** bagi menyimpan e-mel yang belum selesai, **Peti keluar** bagi menyimpan e-mel yang belum dihantar, dan **Item dihantar** bagi menyimpan e-mel yang telah dihantar.

Untuk mengurus folder-folder dan kandungan e-melnya, pilih **Pilihan** untuk melihat pilihan-pilihan yang tersedia bagi setiap folder.

Tapis spam

Aplikasi e-mel membolehkan anda mengaktifkan tapis spam terbina dalam. Untuk mengaktifkan dan menetapkan tapis ini, pilih **Pilihan > Tapis spam > Tetapan** dalam skrin siap sedia e-mel yang utama. Tapis spam membolehkan pengguna meletakkan penghantar-penghantar tertentu dalam senarai hitam atau putih. Mesej-mesej penghantar senarai hitam ditapis ke folder **Sarap**. Mesej-mesej penghantar Tak dikenali atau senarai Putih dimuat turun ke dalam peti masuk akaun.

Untuk menyenaraihitamkan seorang penghantar, pilih mesej e-mel dalam folder *Peti masuk* dan **Pilih** > *Senarai hitamkan p'ghntr.*

■ Mesej segera

Anda boleh membawa mesej teks ke paras yang berikutnya dengan mengalami mesej segera (IM) (perkhidmatan rangkaian) dalam persekitaran wayarles. Anda boleh berhubung melalui mesej segera dengan teman-teman dan keluarga, tidak kira sistem atau platform bergerak (seperti Internet) mana yang mereka gunakan, asal sahaja anda semua menggunakan perkhidmatan mesej segera yang sama.

Sebelum anda boleh mula menggunakan mesej segera, anda mesti berlanggan dahulu kepada perkhidmatan mesej teks pembekal khidmat wayarles anda dan mendaftar dengan perkhidmatan mesej segera yang anda ingin gunakan. Anda juga harus mendapatkan nama pengguna dan kata laluan sebelum anda boleh menggunakan mesej segera. Lihat "[Mendaftar dengan perkhidmatan mesej segera](#)" h. 27 untuk maklumat lanjut.



Nota: Bergantung kepada kedua-dua pembekal khidmat IM anda dan pembekal khidmat wayarles anda, anda mungkin tidak mempunyai akses kepada semua ciri yang diperihalkan dalam panduan ini.

Untuk menetapkan tetapan yang diperlukan bagi perkhidmatan mesej segera, lihat *Tetapan samb* dalam "[Akses](#)" h. 28. Ikon-ikon dan teks-teks di paparan mungkin berbeza-beza, bergantung kepada perkhidmatan mesej segera.

Semasa anda disambungkan ke perkhidmatan mesej segera, anda boleh menggunakan fungsi-fungsi lain telefon, dan perbualan mesej segera tetap aktif di latar belakang. Bergantung kepada rangkaian, perbualan mesej segera yang aktif boleh menggunakan kuasa bateri telefon dengan lebih cepat, dan anda mungkin perlu menyambungkan telefon kepada pengecas.

Mendaftar dengan perkhidmatan mesej segera

Anda boleh lakukan ini dengan mendaftar melalui Internet dengan pembekal khidmat IM yang anda telah pilih untuk gunakan. Semasa proses pendaftaran, anda akan

mendapat peluang untuk membuat nama pengguna dan kata laluan pilihan anda. Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran bagi perkhidmatan mesej segera, hubungi pembekal khidmat wayarles anda.

Akses

Untuk mengakses menu *Mesej segera* semasa masih di luar talian, pilih **Menu** > *Mesej* > *Mesej segera* (*Mesej segera* boleh digantikan dengan istilah lain bergantung kepada pembekal khidmat). Jika lebih daripada satu set tetapan sambungan bagi perkhidmatan mesej segera tersedia, pilih satu yang anda mahu. Jika terdapat hanya satu kumpulan yang ditetapkan, ia dipilih secara automatik.

Pilihan yang berikut dipaparkan:

Log masuk – untuk menyambung ke perkhidmatan mesej segera. Untuk menetap telefon supaya menyambung secara automatik kepada perkhidmatan mesej segera apabila anda menghidupkan telefon; dalam sesi log masuk, tatal ke *Log msk. auto.:* dan pilih **Tukar** > *Aktif*, atau pilih **Menu** > *Mesej* > *Mesej segera*, sambung kepada perkhidmatan mesej segera,

dan pilih **Pilihan** > *Tetapan* > *Log masuk automatik* > *Aktif*.

Bualan disimpan – untuk melihat, memadam, atau menamakan semula perbualan yang anda simpan semasa sesi mesej segera

Tetapan samb – untuk mengedit tetapan yang diperlukan untuk sambungan mesej dan hadiran

Sambung

Untuk menyambung kepada perkhidmatan mesej segera, akses menu *Mesej segera*, pilih perkhidmatan mesej segera, jika perlu, dan pilih *Log masuk*. Apabila telefon telah berjaya menyambung, *Sudah log masuk* dipaparkan.

Untuk memutuskan sambungan kepada perkhidmatan mesej segera, pilih **Pilihan** > *Log keluar*.


Sesi


Apabila disambungkan kepada perkhidmatan mesej segera status anda seperti yang dilihat oleh orang lain ditunjukkan dalam satu barisan status: *Status: Dalam talian*, *Status saya: Sibuk* atau *Stat.: M'cul luar talian* – untuk menukar status sendiri, pilih **Tukar**.


Di bawah barisan status terdapat tiga folder yang mengandungi kenalan-kenalan anda dan


statusnya: *Perbualan, Dalam talian* dan *Luar talian*. Untuk mengembangkan folder serlahkan ia dan pilih **Kembang** (atau tekan tatal kanan), untuk merapatkan folder pilih **Rapatkan** (atau tekan tatal kiri).


Perbualan — memaparkan senarai mesej segera baru dan telah dibaca atau jemputan untuk mesej segera semasa sesi mesej segera aktif.

 menandakan mesej kumpulan baru.

 menandakan mesej kumpulan yang telah dibaca.

 menandakan mesej segera baru.

 menandakan mesej segera yang telah dibaca.

 menandakan jemputan.

Ikon-ikon dan teks-teks di paparan mungkin berbeza-beza, bergantung kepada perkhidmatan mesej segera yang telah anda pilih.

Dalam talian — memaparkan bilangan kenalan yang dalam talian.

Luar talian — memaparkan bilangan kenalan yang di luar talian

Untuk memulakan perbualan, kembangkan folder *Dalam talian* atau *Luar talian* dan tatal ke kenalan yang ingin anda ajak berbual dan pilih **Bual**. Untuk menjawab satu jemputan atau membalas mesej

kembangkan folder *Perbualan* dan tatal ke kenalan yang ingin anda ajak berbual dan pilih **Buka**. Untuk menambah kenalan, lihat "**Tambah kenalan IM**" h. 31.

Kumpulan > Kumpulan umum (tidak dapat dilihat jika kumpulan-kumpulan tidak disokong oleh rangkaian) — senarai penanda buku ke kumpulan-kumpulan umum yang disediakan oleh pembekal khidmat dipaparkan. Untuk memulakan sesi mesej segera dengan kumpulan, tatal ke kumpulan, dan pilih **Sertai**. Masukkan nama skrin yang ingin anda gunakan sebagai nama ringkas anda dalam perbualan. Apabila anda telah berjaya menyertai perbualan kumpulan, anda boleh memulakan satu perbualan kumpulan. Anda boleh membuat kumpulan peribadi. Lihat "**Kumpulan**" h. 31.

Cari > Pengguna atau *Kumpulan* — untuk mencari pengguna-pengguna mesej segera atau kumpulan-kumpulan umum yang lain di rangkaian melalui nombor telefon, nama skrin, alamat e-mel, atau nama. Jika anda pilih *Kumpulan*, anda boleh mencari kumpulan melalui seorang ahli dalam kumpulan itu, atau melalui nama kumpulan, topik, atau ID.

Pilihan > *Berbual* atau *Sertai kumpulan* — untuk memulakan perbualan apabila anda telah menemui pengguna atau kumpulan yang anda mahu.

Terima atau tolak jemputan

Dalam mod tunggu sedia, apabila anda disambungkan ke perkhidmatan mesej segera dan anda menerima jemputan baru, *Jemputan baru diterima* dipaparkan. Untuk membacanya, pilih **Baca**. Jika lebih daripada satu jemputan diterima, tatal ke satu jemputan yang anda mahu, dan pilih **Buka**. Untuk menyertai perbualan kumpulan peribadi, pilih **Terima**, dan masukkan nama skrin yang ingin anda gunakan sebagai nama ringkas anda. Untuk menolak atau memadam jemputan, pilih **Pilihan** > *Tolak* atau *Padam*.

Baca mesej segera


Dalam mod tunggu sedia, apabila anda disambungkan kepada perkhidmatan mesej segera, dan anda menerima mesej baru yang bukan mesej yang berkaitan dengan perbualan yang sedang aktif, *Mesej segera baru* dipaparkan. Untuk membacanya, pilih **Baca**.

Jika anda menerima lebih daripada satu mesej, *N mesej segera baru* muncul di paparan, di mana N ialah bilangan mesej baru. Pilih **Baca**, tatal ke mesej, dan pilih **Buka**.

Mesej baru yang diterima semasa perbualan aktif diletakkan di dalam *Mesej segera* > *Perbualan*. Jika anda menerima mesej daripada seseorang yang tidak di dalam *Kenalan IM*, ID penghantar dipaparkan. Untuk menyimpan kenalan baru yang tidak ada di dalam memori telefon, pilih **Pilihan** > *Simpan kenalan*.

Menyertai perbualan

Untuk menyertai atau memulakan sesi IM, tulis mesej anda; dan pilih **Hantar**, atau tekan kekunci panggilan. Pilih **Pilihan** untuk melihat pilihan yang tersedia.

Jika anda menerima mesej baru semasa satu perbualan daripada seseorang yang tidak mengambil bahagian dalam perbualan yang sedang berlangsung,  dipaparkan, dan telefon membunyikan satu nada isyarat.

Tulis mesej anda; dan pilih **Hantar**, atau tekan kekunci panggilan. Mesej anda dipaparkan, dan mesej balasan dipaparkan di bawah mesej anda.

Tambah kenalan IM

Apabila disambungkan kepada perkhidmatan IM, dalam menu utama IM pilih **Pilihan** > *Tambah kenalan*.

Pilih *Melalui nombor bimbit*, *Manual masukkan ID*, *Cari dari pelayan*, atau *Salin dari pelayan* (bergantung kepada pembekal khidmat). Apabila kenalan berjaya ditambahkan, telefon mengesahkan ia.

Tatal ke satu kenalan. Untuk memulakan perbualan, pilih **Bual**.

Halang atau lepaskan mesej

Apabila anda dalam satu perbualan dan ingin menghalang mesej, pilih **Pilihan** > *Halang kenalan*. Satu pertanyaan pengesahan dipaparkan, pilih **OK** untuk menghalang mesej daripada kenalan ini.

Untuk menghalang mesej daripada kenalan tertentu dalam senarai kenalan anda, tatal ke kenalan dalam *Perbualan*, *Dalam talian* atau *Luar talian* dan pilih **Pilihan** > *Halang kenalan* > **OK**.

Untuk melepaskan satu kenalan, dalam menu utama IM pilih **Pilihan** > *Senarai dihalang*. Tatal ke kenalan yang ingin anda lepaskan dan pilih **Dilepas** > **OK**.

Kumpulan

Anda boleh membuat kumpulan peribadi anda sendiri bagi perbualan IM, atau gunakan kumpulan umum yang disediakan oleh pembekal khidmat. Kumpulan-kumpulan peribadi wujud hanya semasa perbualan IM, dan kumpulan-kumpulan tersebut disimpan pada pelayan pembekal khidmat. Jika pelayan yang anda log masuk tidak menyokong perkhidmatan kumpulan, semua menu yang berkaitan dengan kumpulan dimalapkan.

Umum

Anda boleh menanda buku kumpulan umum yang mungkin diselenggarakan oleh pembekal khidmat anda. Sambung kepada perkhidmatan IM, dan pilih *Kumpulan* > *Kumpulan umum*. Tatal ke satu kumpulan yang ingin anda ajak berbual, dan pilih **Sertai**. Jika anda tidak di dalam kumpulan, masukkan nama skrin anda sebagai nama ringkas anda bagi kumpulan itu. Untuk memadam kumpulan dari senarai kumpulan anda, pilih **Pilihan** > *Padam kumpulan*.

Untuk mencari kumpulan, pilih *Kumpulan* > *Kumpulan umum* > *Cari kumpulan*. Anda boleh mencari kumpulan melalui seorang ahli

dalam kumpulan itu, mengikut nama kumpulan, topik, atau ID.


Peribadi

Sambung kepada perkhidmatan IM, dan dari menu utama pilih **Pilihan** > **Buat kumpulan**. Masukkan nama bagi kumpulan itu dan nama skrin yang ingin anda gunakan sebagai nama ringkas anda. Tandakan ahli-ahli kumpulan peribadi itu di dalam senarai kenalan, dan tulis satu jemputan.

■ Mesej suara

Peti mel suara ialah perkhidmatan rangkaian dan anda mungkin perlu melangganinya. Untuk maklumat lanjut dan untuk nombor peti mel suara anda, hubungi pembekal khidmat anda.

Untuk memanggil peti mel suara anda, pilih **Menu** > **Mesej** > **Mesej suara** > **Dengar mesej suara**. Untuk memasukkan, mencari, atau mengedit nombor peti mel suara anda, pilih **Nombor peti mel suara**.

Jika disokong oleh rangkaian,  menandakan mesej suara baru. Untuk memanggil nombor peti mel suara anda, pilih **Dengar**.

■ Mesej maklumat

Dengan **Mesej maklumat** (perkhidmatan rangkaian), anda

boleh menerima mesej mengenai pelbagai topik dari pembekal khidmat anda. Untuk mengetahui ketersediaan, topik-topik, dan nombor-nombor topik yang berkaitan, hubungi pembekal khidmat anda.

■ Arahan khidmat

Pilih **Menu** > **Mesej** > **Arahan khidmat**. Masukkan dan hantar permintaan khidmat (juga dikenali sebagai arahan USSD), seperti arahan pengaktifan bagi perkhidmatan rangkaian, kepada pembekal khidmat anda.

■ Padam mesej

Untuk memadam mesej, pilih **Menu** > **Mesej** > **Padam mesej** > **Mengikut mesej** untuk memadam satu mesej, **Mengikut folder** untuk memadam semua mesej dari folder, atau **Semua mesej**. Jika folder mengandungi mesej yang belum dibaca, telefon akan bertanya sama ada anda ingin memadamnya juga.

■ Tetapan mesej

Tetapan umum

Tetapan umum adalah sama untuk mesej teks dan multimedia.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Tetapan umum* dan daripada pilihan yang berikut:

Simpan mesej dihantar > *Ya* untuk menetapkan telefon supaya menyimpan mesej yang dihantar dalam folder *Perkara dihantar*.

M'ganti dlm Item dihantar > *Dibenarkan* — untuk menetapkan telefon supaya menggantikan mesej lama yang telah dihantar dengan mesej baru apabila memori mesej penuh. Tetapan ini dipaparkan hanya jika anda menetapkan *Simpan mesej dihantar* > *Ya*.

Saiz fon — untuk memilih saiz fon yang digunakan dalam mesej

Senyuman grafik > *Ya* — untuk menetapkan telefon supaya menggantikan senyuman yang berdasarkan aksara dengan senyuman grafik

Mesej teks

Tetapan mesej teks menjejaskan penghantaran, penerimaan, dan paparan mesej dan mesej e-mel SMS.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Mesej teks* dan daripada pilihan yang berikut:

Penghantaran laporan > *Ya* — untuk meminta rangkaian menghantarkan laporan penghantaran tentang mesej-mesej anda (perkhidmatan rangkaian).

Pusat mesej > *Tambah pusat* — untuk menetapkan nombor telefon dan nama pusat mesej yang diperlukan untuk menghantar mesej teks. Anda menerima nombor ini daripada pembekal khidmat anda.

Pusat mesej diguna — untuk memilih pusat mesej yang sedang digunakan

Pusat mesej e-mel > *Tambah pusat* — untuk menetapkan nombor telefon dan nama pusat e-mel untuk menghantar e-mel SMS.

Pusat e-mel diguna — untuk memilih pusat mesej e-mel SMS yang sedang digunakan

Kesahan mesej — untuk memilih tempoh masa rangkaian membuat percubaan untuk menghantar mesej anda

Mesej dihantar sebagai — untuk memilih format mesej untuk dihantar; *Teks*, *Mengelui*, atau *Faks* (perkhidmatan rangkaian)

Guna data paket > *Ya* — untuk menetapkan GPRS sebagai pembawa SMS yang diutamakan

Sokongan aksara > Penuh – untuk memilih semua aksara dalam mesej untuk dihantar sebagaimana dilihat. Jika anda memilih *Dikurangkan*, aksara dengan aksen dan tanda-tanda lain boleh ditukar kepada aksara-aksara lain. Semasa menulis mesej, anda boleh pratonton ia untuk melihat bagaimana mesej akan dilihat oleh penerima. Lihat "[Tulis dan hantar mesej SMS](#)" h.17.

M'bls m'lui pusat yg sama > Ya – untuk membenarkan penerima mesej anda menghantar balasan kepada anda menggunakan pusat mesej anda (perkhidmatan rangkaian).

Mesej multimedia

Tetapan-tetapan mesej menjejaskan penghantaran, penerimaan, dan paparan mesej multimedia.

Anda mungkin menerima tetapan-tetapan tatarajah bagi mesej multimedia sebagai mesej tatarajah. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi. Anda juga boleh memasukkan tetapan-tetapan secara manual. Lihat "[Tatarajah](#)" h. 56.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Mesej multimedia* dan daripada pilihan yang berikut:

Penghantaran laporan > Ya – untuk meminta rangkaian menghantarkan

laporan penghantaran tentang mesej-mesej anda (perkhidmatan rangkaian).

Saiz imej (multimedia) – untuk menetapkan saiz imej dalam mesej multimedia. Sebelum menghantar, imej akan dikecilkan kepada saiz yang dipilih.

Pemasaan slaid lalai – untuk menetapkan masa lalai antara slaid-slaid di dalam mesej multimedia.

Benarkan terima m'media – untuk menerima atau menghalang mesej multimedia, pilih *Ya* atau *Tidak*. Jika anda pilih *Dalam rangkaian rumah*, anda tidak boleh menerima mesej multimedia apabila di luar rangkaian rumah anda. Tetapan lalai perkhidmatan mesej multimedia biasanya *Dalam rangkaian rumah*. Ketersediaan menu ini bergantung pada telefon anda.

Mesej multimedia masuk – untuk membolehkan penerimaan mesej multimedia secara automatik, secara manual selepas diminta, atau untuk menolak penerimaan. Tetapan ini tidak dipaparkan jika *Benarkan terima m'media* ditetapkan ke *Tidak*.

Benarkan iklan – untuk menerima atau menolak iklan. Tetapan ini tidak dipaparkan jika *Benarkan terima m'media* ditetapkan ke *Tidak*, atau *Mesej multimedia masuk* ditetapkan ke *Tolak*.

Tetapan tatarajah > Tatarajah — hanya tatarajah yang menyokong mesej multimedia dipaparkan. Pilih pembekal khidmat, *Lalai*, or *Tatarajah peribadi* untuk mesej multimedia. Pilih *Akaun* dan akaun perkhidmatan mesej multimedia yang terkandung dalam tetapan-tetapan tatarajah yang aktif.

Mesej e-mel

Tetapan-tetapan mesej menjejaskan penghantaran, penerimaan dan paparan e-mel.

Anda mungkin menerima tetapan-tetapan tatarajah bagi aplikasi e-mel sebagai mesej tatarajah. Lihat "*Perkhidmatan tetapan tatarajah*" h. xi. Anda juga boleh memasukkan tetapan-tetapan secara manual. Lihat "*Tatarajah*" h. 56.

Untuk mengaktifkan tetapan bagi aplikasi e-mel, pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Mesej e-mel* dan daripada pilihan yang berikut:

Tatarajah — pilih set yang anda hendak aktifkan

Akaun — untuk memilih akaun yang diberikan oleh pembekal khidmat.

Nama saya — masukkan nama atau nama ringkas anda

Alamat e-mel — untuk memasukkan alamat e-mel anda

Termasuk tandatangan — untuk menetapkan tandatangan yang ditambah secara automatik di penghujung e-mel anda apabila anda menulis mesej anda

Alamat balas — untuk memasukkan alamat e-mel ke mana anda ingin menghantar balasan

Nama pengguna SMTP — untuk memasukkan nama yang anda hendak gunakan untuk mel keluar

Kata laluan SMTP — untuk memasukkan kata laluan yang anda hendak gunakan untuk mel keluar

Papar tetingkap terminal > *Ya* — untuk melakukan pengesahan pengguna manual bagi sambungan intranet

Jenis pelayan masuk > *POP3* atau *IMAP4* — untuk memilih jenis sistem e-mel yang anda gunakan. Jika kedua-dua jenis disokong, pilih *IMAP4*


Tetapan mel masuk — untuk memilih pilihan yang tersedia untuk *POP3* atau *IMAP4*.

7. Kenalan



Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon (kenalan) di dalam memori telefon dan di dalam memori kad SIM.

Memori telefon boleh menyimpan kenalan dengan butiran tambahan, seperti pelbagai nombor telefon dan item teks. Anda juga boleh menyimpan imej untuk sebilangan kenalan yang terhad.

Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya. Kenalan-kenalan yang disimpan di dalam memori kad SIM ditandakan dengan .

■ Mencari kenalan

Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama*. Tatal senarai kenalan, atau masukkan aksara pertama bagi nama yang anda sedang cari.


■ Simpan nama dan nombor telefon

Nama dan nombor disimpan di dalam memori yang digunakan. Untuk menyimpan nama dan nombor telefon, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama* > **Pilihan** > *Tamb*

kenalan baru. Masukkan nama akhir, nama pertama, nombor telefon dan pilih *Simpan*.

■ Simpan butiran

Di dalam memori telefon bagi kenalan anda boleh menyimpan berlainan jenis nombor telefon, dan item teks ringkas bagi setiap nama. Anda juga boleh memilih satu nada atau klip video bagi kenalan.

Nombor pertama yang disimpan ditetap sebagai nombor lalai secara automatik, dan ia ditandakan dengan bingkai di sekeliling penunjuk jenis nombor, (misalnya, ) . Apabila anda memilih nama dari kenalan (misalnya, untuk membuat panggilan), nombor lalai digunakan kecuali anda memilih nombor lain.

1. Pastikan memori yang sedang digunakan adalah *Telefon* atau *Telefon dan SIM*. Lihat "**Tetapan**" h. 40.
2. Cari kenalan yang ingin ditambahkan butiran, dan pilih **Butiran** > **Pilihan** > *Tambah butiran*. Pilih daripada pilihan yang tersedia.

Untuk mencari ID dari pelayan pembekal khidmat anda jika anda telah menyambung kepada perkhidmatan hadapan, pilih *ID pengguna* > *Cari*. Lihat "*Hadiran saya*" h. 38. Jika hanya satu ID ditemui, ia disimpan secara automatik. Jika tidak, untuk menyimpan ID, pilih *Pilihan* > *Simpan*. Untuk memasukkan ID, pilih *Manual masukkan ID*. Masukkan ID, dan pilih *OK* untuk menyimpannya.

■ Menyalin atau memindahkan kenalan

Untuk menyalin nama dan nombor telefon dari memori kenalan telefon ke memori kad SIM, atau sebaliknya, pilih *Menu* > *Kenalan* > *Nama* > *Pilihan* > *Salin*. Pilih *Satu persatu* untuk menyalin satu kenalan atau *Semua* untuk menyalin semua kenalan. Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya.

Untuk menyalin atau memindahkan semua kenalan dari memori kenalan telefon ke memori kad SIM, atau sebaliknya, pilih *Menu* > *Kenalan* > *Salin kenalan* atau *Pindah kenalan*.

■ Edit butiran kenalan

Cari kenalan yang anda hendak edit, pilih *Butiran*. Untuk mengedit nama, nombor, item teks, atau untuk menukar imej, pilih *Pilihan* > *Edit*. Untuk menukar jenis nombor, tatal ke nombor yang diinginkan, dan pilih *Pilihan* > *Tukar jenis*. Untuk menetapkan nombor yang dipilih sebagai nombor lalai, pilih *Tetapkan sebagai lalai*. Anda tidak boleh mengedit ID jika ia berada dalam senarai *Kenalan IM* atau *Nama dilanggan*.

■ Menyegerakkan semua

Segerakan kalendar, data kenalan, dan nota anda dengan pelayan Internet jauh (perkhidmatan rangkaian). Untuk mendapat butiran lanjut lihat "*Segerak dari pelayan*" h. 53.

■ Padam kenalan

Untuk memadam semua kenalan dan butiran yang dilampirkan padanya dari telefon atau memori kad SIM, pilih *Menu* > *Kenalan* > *Padam semua kenalan* > *Daripada memori telefon* atau *Daripada kad SIM*. Sahkan dengan kod keselamatan.

Untuk memadam kenalan, cari kenalan yang diinginkan, dan pilih **Pilihan** > *Padam kenalan*.

Untuk memadam nombor, item teks, atau imej yang dilampirkan pada kenalan, cari kenalan, dan pilih **Butiran**. Tatal ke butiran yang diinginkan, dan pilih **Pilihan** > *Padam* dan daripada pilihan yang tersedia. Memadam imej atau klip video dari kenalan tidak memadamnya dari *Galeri*.

■ Hadiran saya

Dengan perkhidmatan hadiran (perkhidmatan rangkaian), anda boleh berkongsi status hadiran anda dengan pengguna-pengguna lain dengan peranti yang serasi dan akses kepada perkhidmatan ini, seperti keluarga, teman-teman, dan rakan sekerja anda. Status hadiran termasuk ketersediaan anda, mesej status, dan logo peribadi. Pengguna-pengguna lain yang mempunyai akses kepada perkhidmatan ini dan yang meminta maklumat anda akan dapat melihat status anda. Maklumat yang diminta dipaparkan di dalam *Nama dilanggan* di dalam menu *Kenalan* pemerhati. Anda boleh memperibadikan maklumat yang ingin anda kongsi dengan orang lain dan mengawal siapa yang boleh melihat status anda.

Sebelum anda boleh menggunakan hadiran, anda mestilah melanggan perkhidmatan ini. Untuk mengetahui ketersediaan dan kos, dan untuk melanggan perkhidmatan ini, hubungi operator rangkaian atau pembekal khidmat anda, yang akan memberikan anda ID anda yang unik, kata laluan, dan tetapan-tetapan bagi perkhidmatan ini. Lihat "*Tatarajah*" h. 56.

Semasa anda disambungkan kepada perkhidmatan hadiran, anda boleh menggunakan fungsi-fungsi lain telefon, sedang perkhidmatan hadiran aktif di latar belakang. Jika anda memutuskan sambungan kepada perkhidmatan ini, status hadiran anda dipaparkan bagi jumlah masa yang tertentu kepada pemerhati, bergantung kepada pembekal khidmat.

Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Hadiran saya* dan daripada pilihan yang berikut:

Samb ke khid 'H'dirn saya' atau *Putus samb. dari perkhid* – untuk menyambung atau memutuskan sambungan dari perkhidmatan
Lihat hadiran saya > *Hadiran peribadi* atau *Hadiran umum* – untuk melihat status hadiran anda

Edit hadiran saya > *Ketersediaan saya*, *Mesej hadiran saya*, *Logo hadiran saya*, atau *Tunjuk ke* – untuk menukar status hadiran anda

Pemerhati saya > *Pemerhati smsa*, *Senarai peribadi*, atau *Senarai dihalang* – untuk melihat orang yang dilanggan atau dihalang dari maklumat hadiran anda

Tetapan > *T'juk hadiran dlm. s/sedia*, *Jenis sambungan*, atau *Tetapan hadiran*

■ Nama dilanggan

Anda boleh membuat satu senarai kenalan yang maklumat status hadirannya anda ingin tahu. Anda boleh melihat maklumat tersebut jika ia dibenarkan oleh kenalan itu dan rangkaian. Untuk melihat nama-nama yang dilanggan ini, tatal seluruh kenalan, atau gunakan menu *Nama dilanggan*.

Pastikan memori yang sedang digunakan adalah *Telefon* atau *Telefon dan SIM*. Lihat "Tetapan" h. 40.

Untuk menyambung kepada perkhidmatan hadiran, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Hadiran saya* > *Samb ke khid 'H'dirn saya'*.

Tambahkan kenalan pada nama dilanggan

1. Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama dilanggan*. Jika anda belum menyambung kepada perkhidmatan hadiran, telefon bertanya sama ada anda mahu menyambung sekarang.
2. Jika anda tidak mempunyai kenalan pada senarai anda, pilih **Tambah**. Jika tidak, pilih **Pilihan** > *Langgan baru*. Senarai kenalan anda dipaparkan.
3. Pilih satu kenalan dari senarai. Jika kenalan mempunyai ID yang disimpan, kenalan itu ditambahkan pada senarai nama dilanggan. Jika terdapat lebih daripada satu ID, pilih satu daripadanya. Selepas melanggan kenalan, *Langgan diaktifkan* dipaparkan.



Petua: Untuk melanggan kenalan dari senarai *Kenalan*, cari kenalan yang anda mahu, dan pilih **Butiran** > **Pilihan** > *Meminta hadiran* > *Sebagai langganan*.




Jika anda hanya mahu melihat maklumat hadiran tetapi tidak mahu melanggan kenalan itu, pilih *Meminta hadiran* > *Satu kali sahaja*.


Lihat nama dilanggan

Untuk melihat maklumat hadirin, lihat juga "[Mencari kenalan](#)" h. 36.

1. Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama dilanggan*.

Maklumat status kenalan pertama di dalam senarai nama dilanggan dipaparkan. Maklumat yang mahu disediakan oleh orang itu kepada orang lain mungkin termasuk teks dan ikon.

 , , atau  menandakan bahawa orang itu tersedia, tidak dapat dilihat oleh orang lain, atau tidak tersedia.

 menandakan bahawa maklumat hadirin orang itu tidak terdapat.

2. Pilih **Pilihan** > *Lihat butiran* untuk melihat butiran kenalan yang dipilih atau **Pilihan** > *Langgan baru*, *Hantar mesej*, *Hantar kad niaga*, atau *Henti langgan*.

Henti langgan kenalan

Untuk henti langganan kenalan dari senarai *Kenalan*, pilih kenalan dan **Pilihan** > *Henti langgan* > **OK**.

Untuk henti langgan dari menu *Nama dilanggan*, lihat "[Lihat nama dilanggan](#)" h. 40.

Kad niaga

Anda boleh menghantar dan menerima maklumat kenalan seseorang dari peranti yang serasi yang menyokong piawai vCard sebagai kad niaga.

Untuk menghantar kad niaga, cari kenalan yang maklumatnya ingin anda hantar, dan pilih **Butiran** > **Pilihan** > *Hantar kad niaga* > *Melalui multimedia*, *Melalui mesej teks*, *Melalui inframerah*, atau *Melalui Bluetooth*.

Apabila anda menerima kad niaga, pilih **Tunjuk** > **Simpan** untuk menyimpan kad niaga di dalam memori telefon. Untuk membuang kad niaga, pilih **Keluar** > **Ya**.

Tetapan

Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Tetapan* dan daripada pilihan yang berikut:

Memori digunakan — untuk memilih kad SIM atau memori telefon untuk kenalan anda. Pilih *Telefon dan SIM* untuk mendapatkan semula nama dan nombor dari kedua-dua memori. Dalam hal itu, apabila anda menyimpan nama dan nombor, ia disimpan di dalam memori telefon.

Pameran kenalan — untuk memilih bagaimana nama dan nombor dalam *Kenalan* dipaparkan

Paparan nama – untuk memilih sama ada nama pertama atau nama akhir kenalan dipaparkan dahulu

Saiz fon – untuk menetapkan saiz fon untuk senarai kenalan

Taraf memori – untuk melihat muatan memori yang bebas dan yang digunakan

■ Kumpulan

Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Kumpulan* untuk menyusun nama dan nombor telefon yang disimpan dalam memori ke dalam kumpulan-kumpulan pemanggil dengan nada dering dan imej kumpulan yang berlainan.

■ Dail cepat

Untuk memberi nombor kepada kekunci dail cepat, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Dail cepat*, dan tatal ke nombor dail cepat yang anda mahu.

Pilih **Berikan**, atau jika satu nombor sudah pun diberikan kepada kekunci itu, pilih **Pilihan** > *Tukar*. Pilih **Cari** dan kenalan yang anda hendak berikan. Jika fungsi *Dail cepat* tidak aktif, telefon bertanya sama ada anda mahu mengaktifkannya. Lihat juga *Dail cepat* dalam "*Panggilan*" h. 53.

Untuk membuat panggilan menggunakan kekunci dail cepat, lihat "*Dail cepat*" h. 11.

■ Maklumat, perkhidmatan, dan nombor saya

Pilih **Menu** > *Kenalan* dan salah satu daripada submenu ini:

Nombor maklumat – untuk memanggil nombor maklumat pembekal khidmat anda jika nombor itu disertakan pada kad SIM anda (perkhidmatan rangkaian).

Nombor khidmat – untuk memanggil nombor maklumat pembekal khidmat anda jika nombor itu disertakan pada kad SIM anda (perkhidmatan rangkaian)

Nombor saya – untuk melihat nombor telefon yang diberikan kepada kad SIM anda, jika nombor tersebut disertakan pada kad SIM anda

8. Log panggilan



Telefon ini mendaftarkan panggilan anda yang tidak dijawab, yang diterima, dan yang sudah didail jika rangkaian menyokongnya dan telefon dihidupkan dan berada di dalam kawasan perkhidmatan rangkaian.

Untuk melihat maklumat mengenai panggilan anda, pilih **Menu** > **Log** > **Panggilan tak dijawab**, **Panggilan diterima**, atau **No. yg sudah didail**. Untuk melihat panggilan terbaru yang tidak dijawab dan yang diterima dan nombor yang sudah didail mengikut susunan waktu, pilih **Log panggilan**. Untuk melihat kenalan yang terbaru anda hantarkan mesej, pilih **Penerima mesej**.

Untuk melihat maklumat hampiran mengenai komunikasi terbaru anda, pilih **Menu** > **Log** > **Tempoh panggilan**, **P'bilang data paket**, atau **P'msa samb d/paket**.

Untuk melihat bilangan mesej teks dan multimedia yang telah anda hantar dan terima, pilih **Menu** > **Log** > **Log mesej**.



Nota: Invois sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan dari pembekal khidmat anda mungkin berbeza-beza, bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, pembulatan untuk bil, cukai, dan sebagainya.

Beberapa pemas mungkin ditetap semula semasa naik taraf perkhidmatan atau perisian.

■ Maklumat kedudukan

Rangkaian mungkin menghantar anda permintaan lokasi. Anda boleh memastikan rangkaian akan menghantar maklumat lokasi telefon anda hanya jika anda meluluskannya (perkhidmatan rangkaian). Hubungi pembekal khidmat anda untuk melanggan dan untuk menyetujui penghantaran maklumat lokasi.

Untuk menerima atau menolak permintaan lokasi, pilih **Terima** atau **Tolak**. Jika anda terlepas permintaan itu, telefon menerima atau menolaknya secara automatik menurut apa yang telah dipersetujui dengan operator rangkaian atau

pembekal khidmat anda. Telefon memaparkan *1 permintaan kedudukan terlepas*. Untuk melihat permintaan lokasi yang terlepas, pilih **Tunjuk**.

Untuk melihat maklumat mengenai 10 pemberitahuan dan permintaan privasi terbaru atau untuk memadamnya, pilih **Menu** > *Log* > *Kedudukan* > *Log kedudukan* > *Buka folder* atau *Padam semua*.

9. Tetapan



■ Profil

Telefon anda mempunyai pelbagai kumpulan tetapan, yang disebut profil, yang boleh anda sesuaikan nada dering telefon bagi acara dan persekitaran yang berbeza.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Profil*, profil yang diinginkan dan daripada pilihan yang berikut:

Aktifkan – untuk mengaktifkan profil yang dipilih.

Pilihan sendiri – untuk memperibadikan profil. Pilih tetapan yang ingin anda tukar, dan buat perubahan.

Ditetapkan masa – untuk menetapkan profil supaya aktif sehingga masa yang tertentu sehingga 24 jam, dan tetapkan masa tamatnya. Apabila masa yang ditetapkan untuk profil telah tamat tempohnya, profil yang sebelumnya yang tidak ditetapkan masanya menjadi aktif.

■ Tema

Satu tema mengandungi banyak unsur untuk memperibadikan telefon anda, seperti kertas hias dinding, gambar skrin, skema warna, dan nada dering.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tema* dan daripada pilihan yang berikut:

Pilih tema – untuk menetapkan tema dalam telefon anda. Satu senarai folder di dalam *Galeri* dibuka. Buka folder *Tema*, dan pilih satu tema.

Muat turun tema – untuk membuka senarai pautan untuk memuat turun lebih banyak tema.

■ Nada

Anda boleh menukar tetapan-tetapan nada profil aktif yang dipilih.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Nada*. Anda boleh mendapatkan tetapan yang sama dalam menu *Profil*. Lihat *Pilihan sendiri* dalam "Profil" h. 44.

Untuk menetapkan telefon supaya berdering hanya jika terdapat panggilan dari nombor-nombor telefon yang di dalam kumpulan pemanggil yang terpilih, pilih *Isyarat untuk*. Tatal ke kumpulan pemanggil yang anda mahu atau *Semua panggilan*, dan pilih **Tanda**.

Pilih **Pilihan** > *Simpan* untuk menyimpan tetapan atau *Batal* untuk membiarkan tetapan tidak diubah.

Jika anda pilih aras nada dering tertinggi, nada dering mencapai aras tertingginya selepas beberapa saat.

Satu tema boleh mengandungi nada yang berbunyi apabila anda membuka dan menutup telefon. Untuk menyahaktifkan nada, tukar tetapan dalam *Nada lain*: Sila ambil perhatian bahawa tetapan ini juga menyahaktifkan nada-nada amaran.

■ Paparan utama

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Paparan utama* dan daripada pilihan yang tersedia.

Tetapan mod siap sedia

Pilih *Tetapan mod siap sedia* dan daripada pilihan yang berikut:

Siap sedia aktif – untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan mod siap sedia aktif dan untuk menyusun dan memperibadikan mod siap sedia aktif. Lihat "*Siap sedia aktif*" h. 7.

Kertas hias dinding – untuk menambah imej latar belakang pada paparan dalam mod siap sedia

Animasi lipatan – untuk menetapkan telefon anda supaya memaparkan animasi apabila anda buka dan tutup telefon

Warna fon siap sedia – untuk memilih warna untuk teks pada paparan dalam mod siap sedia

Ikon kekunci navigasi – untuk memaparkan ikon pintasan kekunci navigasi pada waktu itu dalam mod siap sedia apabila siap sedia aktif dinyahaktifkan

Logo operator – untuk menetapkan telefon anda supaya memaparkan atau menyembunyikan logo operator. Menu dimalapkan, jika anda belum menyimpan logo operator. Untuk maklumat lanjut mengenai ketersediaan logo operator, hubungi operator rangkaian anda.

Paparan maklumat sel > *Aktif* – untuk memaparkan pengenalan sel, jika tersedia dari rangkaian

Gambar skrin

Pilih *Gambar skrin* dan daripada pilihan yang berikut:

Aktif – untuk mengaktifkan gambar skrin untuk paparan utama

Gambar skrin > *Imej* – untuk memilih imej atau grafik dari *Galeri*

Gambar skrin > *Set slaid* dan folder dalam *Galeri* – untuk menggunakan imej-imej dalam folder sebagai kumpulan slaid

Gambar skrin > *Klip video* dan satu video klip dari *Galeri* – untuk memainkan klip video sebagai gambar skrin (hanya pada paparan utama)

Gambar skrin > *Buka Kamera* – untuk mengambil gambar baru sebagai gambar skrin

Gambar skrin > *Jam analog* atau *Jam digital* – untuk menggunakan jam sebagai gambar skrin

Muat turun grafik – untuk memuat turun lebih banyak imej untuk gambar skrin

Masa muncul – untuk menetapkan masa yang selepasnya gambar skrin diaktifkan

■ Paparan mini

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Paparan mini*. Anda boleh menukar tetapan bagi *Kertas hias dinding*, *Gambar skrin*, dan *Animasi lipatan*.

■ Masa dan tarikh

Untuk menukar tetapan masa, zon masa, dan tarikh, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Masa dan tarikh* > *Jam*, *Tarikh*, atau *K/kini auto tarikh & masa* (perkhidmatan rangkaian).

Apabila anda pergi ke zon masa yang berbeza, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Masa dan tarikh* > *Jam* > *Zon masa* dan zon masa lokasi anda dari segi perbezaan masa berhubung dengan Waktu Min Greenwich (GMT) atau Masa Terlaras Universal (UTC). Masa dan tarikh ditetapkan menurut zon masa dan membolehkan telefon anda memaparkan masa hantaran yang betul bagi mesej teks atau multimedia yang diterima. Contohnya, GMT-5 menandakan zon masa bagi New York (Amerika Syarikat), 5 jam ke barat Greenwich/London (UK).

Gunakan untuk India (New Delhi) GMT +5.5, untuk Thailand/Indonesia/Vietnam GMT +7, untuk Singapore/Malaysia/Filipina GMT +8, untuk Australia (Sydney) GMT +10, dan untuk New Zealand GMT +12.

■ Pintasan saya

Dengan pintasan peribadi anda mendapatkan akses cepat ke fungsi-fungsi telefon yang kerap digunakan.

Kekunci pilihan kiri

Untuk memilih fungsi dari senarai untuk kekunci pilihan kiri, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Pintasan saya* > *Kekunci pilihan kiri*. Lihat juga "*Mod siap sedia*" h. 7.

Jika kekunci pilihan kiri adalah **Pergi ke** untuk mengaktifkan sesuatu fungsi, dalam mod siap sedia, pilih **Pergi ke > Pilihan** dan daripada pilihan yang berikut:

Pilih pilihan – untuk menambah fungsi pada senarai pintasan atau untuk membuang satu fungsi. Tatal ke fungsi, dan pilih **Tanda** or **B'ng t'da**.

Atur – untuk menyusun semula fungsi-fungsi pada senarai pintasan peribadi anda. Tatal ke fungsi yang anda hendak pindahkan, dan pilih **Pindah**. Tatal ke tempat yang anda hendak pindahkan fungsi, dan pilih **OK**.

Kekunci pilihan kanan

Untuk memilih fungsi dari senarai untuk kekunci pilihan kanan, pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Kekunci pilihan kanan**. Lihat juga "Mod siap sedia" h. 7.

Bar pintasan

Untuk memilih dan menyusun semula aplikasi yang ditunjukkan oleh bar pintasan dalam mod siap sedia aktif, pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Bar pintasan**. Pilih *Pilih pautan*, dan tandakan aplikasi yang diinginkan dalam senarai atau dalam folder. Pilih **Selesai > Ya** untuk mengesahkan pemilihan.


Pilih *Susun pautan* untuk menyusun semula aplikasi-aplikasi dalam bar pintasan. Pilih satu aplikasi, *Alih*, dan pindahkan ia ke tempat lain. Pilih **OK** untuk mengesahkan. Pilih **Selesai > Ya** untuk menyimpan urutan pintasan.

Kekunci navigasi

Untuk memilih fungsi pintasan untuk kekunci navigasi, pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Kekunci navigasi**. Tatal ke kekunci yang diinginkan, dan pilih **Tukar** dan satu fungsi dari senarai. Untuk membuang fungsi pintasan dari kekunci, pilih (*kosong*). Untuk memberi semula fungsi bagi kekunci, pilih **Berikan**. Lihat "Pintasan dalam mod siap sedia" h. 8.

Arahan suara

Anda boleh memanggil kenalan dan menjalankan fungsi telefon, misalnya arahan suara. Arahan suara bergantung kepada bahasa. Untuk menetapkan bahasa, lihat *Bahasa main balik suara* dalam "Telefon" h. 54.

Untuk memilih fungsi telefon untuk mengaktifkan arahan suara, pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Arahan suara** dan satu folder. Tatal ke fungsi.  menandakan bahawa tag suara diaktifkan. Untuk

mengaktifkan tag suara, pilih **Tambah**. Untuk memainkan arahan suara yang telah diaktifkan, pilih **Main**. Untuk menggunakan arahan suara, lihat "[Dailan suara tambahan](#)" h. 11.

Untuk menguruskan arahan suara, tatal ke fungsi telefon, dan pilih daripada pilihan yang berikut:

Edit atau **Keluarkan** – untuk menukar atau menyahaktifkan arahan suara fungsi yang dipilih
Tambah semua atau **Keluarkan semua** – untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan arahan suara bagi semua fungsi dalam senarai arahan suara

Kesambungan

Anda boleh menyambungkan telefon kepada peranti yang serasi menggunakan teknologi wayarles Bluetooth atau sambungan kabel data USB. Anda juga boleh menetap tetapan-tetapan bagi sambungan dailan EGPRS.

Teknologi wayarles Bluetooth

Peranti ini mematuhi Spesifikasi Bluetooth 2.0 + EDR yang menyokong profil-profil berikut: akses generik, pertukaran objek generik, bebas tangan, alat dengar,

tolak objek, pemindahan fail, rangkaian dail, akses SIM, dan port siri. Untuk memastikan keantarakendalian di antara peranti-peranti lain yang menyokong teknologi Bluetooth, gunakan tambahan-tambahan Nokia yang diluluskan untuk model ini. Periksa dengan pembuat peranti lain untuk menentukan keserasiannya dengan peranti ini.

Mungkin terdapat batasan-batasan tentang penggunaan teknologi Bluetooth di sesetengah lokasi. Periksa dengan pihak berkuasa atau pembekal khidmat setempat anda.


Ciri-ciri yang menggunakan teknologi Bluetooth atau yang membolehkan ciri-ciri tersebut berjalan di latar belakang semasa menggunakan ciri-ciri lain, menambah penggunaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Teknologi Bluetooth membolehkan anda menyambungkan telefon kepada peranti Bluetooth yang serasi dalam jarak 10 meter (32 kaki). Oleh kerana peranti yang menggunakan teknologi Bluetooth berkomunikasi menggunakan gelombang radio, telefon anda dan peranti yang satu lagi itu tidak perlu berada dalam garis tampak langsung, walaupun sambungan

boleh jadi mendapat gangguan dari halangan seperti tembok atau dari peranti-peranti elektronik lain.

Sediakan sambungan Bluetooth

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Bluetooth* dan daripada pilihan yang berikut:

Bluetooth > *Aktif* atau *Tak aktif* – untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan fungsi Bluetooth.  menandakan bahawa Bluetooth diaktifkan.

Cari tambahan audio – untuk mencari peranti audio Bluetooth yang serasi. Pilih peranti yang ingin anda sambungkan kepada telefon.

Peranti yang berpasang – untuk mencari sebarang peranti Bluetooth yang di dalam lingkungan jarak. Pilih **Baru** untuk menyenaraikan sebarang peranti Bluetooth yang di dalam lingkungan jarak. Tatal ke satu peranti, dan pilih **Psgkan**. Masukkan kod laluan Bluetooth peranti yang dipersetujui (hingga 16 aksara) untuk mengaitkan (pasangkan) peranti dengan telefon anda. Anda hanya perlu memberi kod laluan ini apabila anda menyambung kepada peranti itu buat pertama kali. Telefon anda menyambung kepada peranti, dan anda boleh memulakan pemindahan data.

Sambungan wayarles Bluetooth

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Bluetooth*. Untuk memeriksa sambungan Bluetooth mana yang sedang aktif, pilih *Peranti aktif*. Untuk melihat senarai peranti Bluetooth yang sedang dipasangkan dengan telefon, pilih *Peranti yang berpasang*.

Pilih **Pilihan** untuk mengakses pilihan yang tersedia bergantung kepada status peranti dan sambungan Bluetooth.

Tetapan Bluetooth

Untuk menetapkan bagaimana telefon anda dipaparkan kepada peranti-peranti Bluetooth lain, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Bluetooth* > *Tetapan Bluetooth* > *Kebolehlihatan tel. saya* atau *Nama telefon saya*.

Jika anda prihatin mengenai keselamatan, matikan fungsi Bluetooth, atau tetapkan **Kebolehlihatan tel. saya** ke **Tersembunyi**. Sentiasa terima hanya komunikasi Bluetooth daripada pihak-pihak yang mempunyai persetujuan dengan anda.

Inframerah

Anda boleh menetapkan telefon supaya menghantar dan menerima data melalui port inframerahnya (IR). Untuk menggunakan sambungan IR,

peranti yang ingin anda gunakan untuk mewujudkan sambungan mestilah mematuhi IrDA. Anda boleh menghantar atau menerima data kepada atau daripada telefon atau peranti data (misalnya, komputer) yang serasi melalui port IR telefon anda.

Jangan halakan alur IR (inframerah) ke arah mata sesiapa pun atau membenarkan ia mengganggu peranti-peranti IR lain. Peranti inframerah adalah produk laser Kelas 1.


Semasa menghantar atau menerima data, pastikan bahawa port IR peranti yang menghantar dan menerima menghala ke arah satu sama lain dan tidak terdapat halangan di antara peranti-peranti tersebut.


Untuk mengaktifkan port IR telefon anda supaya menerima data melalui IR, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Inframerah*.

Untuk menyahaktifkan sambungan IR, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Inframerah*. Apabila telefon memaparkan *Nyahaktifkan inframerah?*, pilih **Ya**.

Jika pemindahan data tidak dimulakan dalam masa 2 minit selepas pengaktifan port IR, sambungan dibatalkan dan mesti dimulakan sekali lagi.

Penunjuk sambungan IR

Apabila  dipaparkan secara berterusan, sambungan IR diaktifkan, dan telefon anda sudah bersedia untuk menghantar atau menerima data melalui port IRnya.

Apabila  berkelip, telefon anda sedang cuba menyambung kepada peranti yang satu lagi, atau sambungan telah terputus.

Data paket (GPRS)

Perkhidmatan radio paket umum (General packet radio service, GPRS) adalah perkhidmatan rangkaian yang membolehkan telefon bimbit menghantar dan menerima data melalui rangkaian berasaskan protokol Internet (IP). Ia membolehkan akses wayarles kepada rangkaian data seperti Internet.

Aplikasi-aplikasi yang boleh menggunakan GPRS adalah MMS, strim video, sesi semak imbas, e-mel, Tekan untuk cakap, SyncML jauh, muat turun aplikasi Java, dan dailan PC.

Untuk menetapkan bagaimana menggunakan perkhidmatan tersebut, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Data paket* > *Sambungan data paket* dan daripada pilihan yang berikut:

Apabila diperlukan — untuk menetapkan sambungan data paket kepada terwujud apabila sesuatu aplikasi memerlukannya. Sambungan akan ditutup apabila aplikasi ditamatkan.

Sentiasa bertalian — untuk menetapkan telefon supaya menyambung kepada rangkaian data paket secara automatik apabila anda menghidupkan telefon. **G** atau **E** menandakan bahawa perkhidmatan GPRS atau EGPRS boleh didapati. Jika anda menerima panggilan atau mesej teks atau membuat panggilan semasa sambungan data paket, **G** atau **E** menandakan bahawa sambungan GPRS atau EGPRS itu digantung (ditahan).

Tetapan modem

Anda boleh menyambungkan telefon menggunakan teknologi wayarles Bluetooth atau sambungan kabel data USB kepada PC yang serasi dan menggunakan telefon sebagai modem untuk membolehkan kesambungan EGPRS dari PC.

Untuk menetapkan tetapan bagi sambungan EGPRS dari PC anda, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Data paket* > *Tetapan data paket* > *Pusat akses aktif*, dan aktifkan pusat akses yang anda mahu gunakan. Pilih *Edit pusat akses aktif* > *Alias untuk pusat akses*, masukkan nama untuk menukar

tetapan pusat akses, dan pilih **OK**. Pilih *Pusat akses data paket*, masukkan nama pusat akses (APN) untuk mewujudkan sambungan kepada rangkaian EGPRS, dan pilih **OK**.

Anda juga boleh menetapkan tetapan perkhidmatan dailan EGPRS (nama pusat akses) pada PC anda menggunakan perisian Nokia Modem Options. Lihat "*Nokia PC Suite*" h. 95. Jika anda telah menetapkan tetapan pada kedua-dua PC anda dan telefon anda, tetapan-tetapan PC akan digunakan.

Pemindahan data

Segerakkan kalendar, data kenalan dan nota anda dengan peranti serasi lain (misalnya, telefon bimbit), PC serasi, atau pelayan Internet jauh (perkhidmatan rangkaian).

Telefon anda membolehkan pemindahan data dengan PC yang serasi atau peranti lain yang serasi apabila menggunakan telefon tanpa kad SIM. Ambil perhatian bahawa apabila anda menggunakan telefon tanpa kad SIM, beberapa fungsi kelihatan dimalapkan dalam menu-menu dan tidak boleh digunakan. Penyegerakan dengan pelayan Internet jauh tidak dapat dilakukan tanpa kad SIM.

Senarai kenalan pemindahan

Untuk menyalin atau menyegerakkan data dari telefon anda, nama peranti dan tetapan nya mesti berada dalam senarai kenalan pemindahan. Jika anda menerima data dari peranti yang lain (misalnya, telefon bimbit yang serasi), kenalan pemindahan ditambah pada senarai secara automatik, dengan menggunakan data kenalan dari peranti yang lain itu. *Penyegerakan pelayan* dan *Penyegerakan PC* adalah item asal dalam senarai ini.

Untuk menambah kenalan pemindahan baru pada senarai (misalnya telefon bimbit), pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Pemindahan data* > **Pilihan** > *Tambah peranti pindahan* > *Penyegerakan telefon* atau *Salin telefon*, dan masukkan tetapan mengikut jenis pemindahan.

Untuk mengedit tetapan menyalin dan menyegerak, pilih kenalan dari senarai kenalan pemindahan dan **Pilihan** > *Edit*.



Nota: Setiap satu peranti mesti mempunyai entrinya sendiri dalam senarai kenalan pemindahan. Menggunakan satu kenalan pemindahan bagi beberapa peranti tidak boleh dilakukan.

Untuk memadam kenalan pemindahan, pilih ia dari senarai kenalan pemindahan, pilih **Pilihan** > *Padam*, dan sahkan *Padam peranti pemindahan?* Anda tidak boleh memadam *Penyegerakan pelayan* atau *Penyegerakan PC*.

Pemindahan data dengan peranti yang serasi

Untuk penyegerakan, teknologi wayarles Bluetooth atau sambungan kabel digunakan. Peranti yang satu lagi berada dalam mod siap sedia.

Untuk memulakan pemindahan data, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Pemindahan data* dan kenalan pemindahan dari senarai, selain daripada *Penyegerakan pelayan* atau *Penyegerakan PC*. Menurut tetapan nya, data yang dipilih disalin atau disegerakkan. Peranti yang satu lagi juga mesti diaktifkan untuk menerima data.

Segerak dari PC yang serasi

Sebelum anda menyegerakkan data dari kalendar, nota dan kenalan dari PC yang serasi, anda mesti memasang perisian Nokia PC Suite telefon anda pada PC. Gunakan teknologi wayarles Bluetooth atau kabel data USB untuk penyegerakan, dan mulakan penyegerakan dari PC.

Segerak dari pelayan

Untuk menggunakan pelayan Internet jauh, anda mesti melangani perkhidmatan penyegerakan. Untuk maklumat lanjut dan tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan ini, hubungi pembekal khidmat anda. Anda boleh menerima tetapan-tetapan sebagai mesej tatarajah. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi dan "[Tatarajah](#)" h. 56.

Jika anda telah menyimpan data pada pelayan Internet jauh, untuk menyegerakan telefon anda, mulakan penyegerakan dari telefon anda.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Pindahan data* > *Penyegerakan pelayan*. Bergantung pada tetapan, pilih *Permulaan penyegerakan* atau *Memulakan menyalin*.

Penyegerakan yang dibuat bagi pertama kali atau selepas penyegerakan yang tergendala mungkin mengambil masa sehingga 30 minit untuk selesai, jika kenalan atau kalendar penuh.

Kabel data USB

Anda boleh menggunakan kabel data USB untuk memindahkan data antara telefon dan PC atau pencetak

yang menyokong PictBridge. Anda boleh juga menggunakan kabel data USB dengan Nokia PC Suite.

Untuk mengaktifkan telefon untuk memindah data atau mencetak imej, sambungkan kabel data; apabila telefon memaparkan *Kabel data USB tersambung. Pilih mod.*, pilih **OK**. Pilih daripada mod berikut:

Mod lalai — untuk menggunakan kabel untuk PC Suite

Mencetak — untuk mencetak imej langsung dari telefon menggunakan pencetak yang serasi

Untuk menukar mod USB, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Kabel data USB* > *Mod lalai*, *Mencetak*, atau *Simpanan data*.

Panggilan

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Panggilan* dan daripada pilihan yang berikut:

Alih panggilan — untuk mengalihkan panggilan masuk anda (perkhidmatan rangkaian). Anda mungkin tidak dapat mengalihkan panggilan-panggilan anda jika beberapa fungsi sekatan panggilan sedang aktif. Lihat *Khidmat sekat panggilan* dalam "[Keselamatan](#)" h. 57.

Jwb guna sebarang kknci > Aktif – untuk menjawab panggilan masuk dengan menekan sebentar sebarang kekunci, kecuali kekunci kuasa, kekunci kamera, kekunci pilihan kiri dan kanan, atau kekunci tamat

Jwb. apb. lipatan dibuka > Aktif – untuk menjawab panggilan masuk dengan membuka lipatan

Dail semula automatik > Aktif – untuk membuat maksimum 10 percubaan untuk menyambung panggilan selepas satu percubaan memanggil yang gagal

Dail cepat > Aktif – untuk mendail nama dan nombor telefon yang diberikan kepada kekunci dail cepat 2 hingga 9 dengan menekan dan menahan kekunci nombor yang sepadan

Khid. panggilan menanti > Aktifkan – agar rangkaian memberitahu anda mengenai panggilan masuk semasa anda sedang melayani panggilan lain (perkhidmatan rangkaian). Lihat "Panggilan menanti" h. 13.

Ringkasan selepas pgl. > Aktif – untuk memaparkan sebentar anggaran tempoh dan kos panggilan (perkhidmatan rangkaian) selepas setiap panggilan

Hantar identiti pemanggil > Ya – untuk memaparkan nombor telefon anda kepada orang yang sedang anda hubungi (perkhidmatan

rangkaiannya). Untuk menggunakan tetapan yang telah dipersetujui dengan pembekal khidmat anda, pilih *Ditetapan rangkaian*.

Talian untuk pgl. keluar – untuk memilih talian telefon 1 atau 2 untuk membuat panggilan jika disokong oleh kad SIM anda (perkhidmatan rangkaian).

■ Telefon

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Telefon* dan daripada pilihan yang berikut:

Tetapan bahasa – untuk menetapkan bahasa paparan telefon anda, pilih *Bahasa telefon*. Jika anda pilih *Automatik*, telefon akan memilih bahasa menurut maklumat pada kad SIM.

Untuk memilih bahasa kad USIM, pilih *Bahasa SIM*.

Untuk menetapkan bahasa untuk main balik suara, pilih *Bahasa main balik suara*. Lihat "Dailan suara tambahan" h. 11 dan *Arahan suara* dalam "Pintasan saya" h. 46.

Kawal k'nci keselamatan – untuk menetapkan telefon supaya meminta kod keselamatan apabila anda membuka kunci kawal kekunci. Masukkan kod keselamatan, dan pilih *Aktif*.

Kata sambutan – untuk menulis nota yang anda mahu dipaparkan sebentar apabila telefon dihidupkan

Pertanyaan penerbangan > Aktif – telefon bertanya setiap kali ia dihidupkan sama ada profil penerbangan harus digunakan. Dengan profil penerbangan semua sambungan radio dimatikan. Profil penerbangan harus digunakan di kawasan yang peka terhadap pemancaran radio.

Kemas kini telefon – untuk menerima kemas kini perisian telefon daripada pembekal khidmat anda (perkhidmatan rangkaian). Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda. Lihat "[Kemas kini perisian telefon](#)" h. 58.

Pilihan operator > Automatik – untuk menetapkan telefon supaya memilih secara automatik salah satu daripada rangkaian selular yang terdapat di kawasan anda. Dengan *Manual* anda boleh memilih rangkaian yang mempunyai perjanjian perayauan dengan pembekal khidmat anda.

Sahkan t'dakan p'khid SIM – Lihat "[Perkhidmatan SIM](#)" h. 86.

Aktifkan teks bantuan – untuk memilih sama ada telefon memaparkan teks bantuan

Nada permulaan > Aktif – telefon memainkan nada apabila ia dihidupkan

■ Tambahan

Menu ini atau opsyen berikut dipaparkan hanya jika telefon sedang atau telah disambungkan kepada tambahan bimbis yang serasi.


Pilih **Menu > Tetapan > Tambahan**. Pilih satu tambahan, dan bergantung kepada tambahan itu, daripada pilihan yang berikut:

Profil lalai – untuk memilih profil yang anda hendak aktifkan secara automatik apabila anda menyambung kepada tambahan yang dipilih

Jawapan automatik – untuk menetapkan telefon supaya menjawab panggilan masuk secara automatik selepas 5 saat. Jika *Isyarat panggilan masuk* ditetap ke *Bip sekali* atau *Tak aktif*, jawapan automatik tidak akan aktif.

Lampu – untuk menetapkan lampu sentiasa *Aktif*. Pilih *Automatik* untuk menetapkan lampu supaya aktif selama 15 saat selepas penekanan kekunci.

Telefon teks > Guna telefon teks > Ya – untuk menggunakan tetapan telefon teks dan bukan tetapan alat dengar atau set gelung

Jika telefon anda dibekalkan dengan gelung alat bantu dengar pilih *Alat bantu dengar* > *Mod a/bantu dgr gelung-t* > *Aktif* untuk mengoptimalkan mutu bunyi apabila menggunakan alat bantu dengar gelung-t. Ikon  dipaparkan apabila *Mod a/bantu dgr gelung-t* sedang aktif.

■ Tatarajah

Anda boleh menatarajah telefon anda dengan tetapan-tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan tertentu berfungsi dengan betul. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah mesej multimedia, IM, penyegerakan, aplikasi e-mel, strim dan penyemak imbas. Pembekal khidmat anda mungkin juga menghantar anda tetapan ini. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tatarajah* dan daripada pilihan yang berikut:

Tetapan tatarajah lalai – untuk melihat pembekal-pembekal khidmat yang tersimpan dalam telefon. Tatal ke satu pembekal khidmat, dan pilih **Butiran** untuk melihat aplikasi-aplikasi yang disokong oleh tetapan tatarajah pembekal khidmat ini. Untuk menetapkan tetapan tatarajah pembekal khidmat sebagai tetapan

lalai, pilih **Pilihan** > *Tetap sebagai lalai*. Untuk memadam tetapan tatarajah, pilih **Padam**.

Aktifkn lalai dlm s'ua apli – untuk mengaktifkan tetapan tatarajah lalai untuk aplikasi yang disokong

Pusat akses diutamakan – untuk melihat pusat-pusat akses yang disimpan. Tatal ke satu pusat akses, dan pilih **Pilihan** > *Butiran* untuk melihat nama pembekal khidmat, pembawa data, dan pusat akses data paket atau nombor dailan-GSM.

Samb ke b'tuan p'bkh khid – untuk memuat turun tetapan tatarajah daripada pembekal khidmat anda

Tetapan pengurus peranti – untuk membolehkan atau menghalang telefon daripada menerima kemas kini perisian telefon. Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda. Lihat "[Kemas kini perisian telefon](#)" h. 58.

Tetapan tatarajah peribadi – untuk menambah akaun-akaun peribadi baru bagi pelbagai perkhidmatan secara manual, dan untuk mengaktifkan atau memadamkannya. Untuk menambah akaun peribadi baru jika anda belum menambah satu pun, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan** > *Tambah baru*. Pilih jenis perkhidmatan, dan pilih dan masukkan setiap parameter yang diperlukan. Parameter-parameter

berbeza-beza menurut jenis perkhidmatan yang dipilih. Untuk memadam atau mengaktifkan akaun peribadi, tatal ke akaun itu, dan pilih **Pilihan** > *Padam* atau *Aktifkan*.

■ Keselamatan

Apabila ciri-ciri keselamatan yang menyekat panggilan sedang digunakan (seperti sekatan panggilan, kumpulan pengguna terhad, dan dail tetap) panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Keselamatan* dan daripada pilihan yang berikut:

Permintaan kod PIN dan *Permintaan kod UPIN* – untuk menetapkan telefon supaya meminta kod PIN atau UPIN anda setiap kali telefon dihidupkan. Sesetengah kad SIM tidak membenarkan permintaan kod dinyahaktifkan.

Permintaan kod PIN2 – untuk memilih sama ada kod PIN2 diperlukan apabila menggunakan ciri telefon tertentu yang dilindungi oleh kod PIN2. Sesetengah kad SIM tidak membenarkan permintaan kod dinyahaktifkan.

Khidmat sekat panggilan – untuk menyekat panggilan masuk dan panggilan keluar dari telefon anda (perkhidmatan rangkaian). Kata laluan sekatan diperlukan.

Dail tetap – untuk menyekat panggilan keluar anda kepada nombor telefon yang terpilih jika fungsi ini disokong oleh kad SIM anda.

Kumpulan p'guna terhad – untuk menentukan sekumpulan orang yang boleh anda panggil dan yang boleh memanggil anda (perkhidmatan rangkaian)

Tahap keselamatan > *Telefon* – untuk menetapkan telefon supaya meminta kod keselamatan setiap kali kad SIM baru dimasukkan ke dalam telefon. Jika anda pilih *Memori*, telefon meminta kod keselamatan apabila memori kad SIM dipilih, dan anda mahu menukar memori yang sedang digunakan.

Kod akses – untuk menukar kod keselamatan, kod PIN, kod UPIN, kod PIN2, atau kata laluan sekatan

Kod digunakan – untuk memilih sama ada kod PIN atau kod UPIN yang seharusnya aktif

Sijil kuasa atau *Sijil pengguna* – untuk melihat senarai sijil kuasa atau pengguna yang dimuat turun ke dalam telefon anda. Lihat "Sijil" h. 92.

Tetapan modul k'selamtn — untuk melihat *Butiran modul keselamtn*, aktifkan *Permintaan PIN modul*, atau tukar PIN modul dan PIN tandatangan. Lihat juga "Kod akses" h. x.

■ Kemas kini perisian telefon

Pembekal khidmat anda boleh menghantar kemas kini perisian telefon melalui udara langsung kepada peranti anda. Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda.



Amaran: Jika anda memasang satu kemas kini perisian, anda tidak boleh menggunakan peranti ini, walaupun untuk membuat panggilan kecemasan, sehingga kemas kini tersebut selesai dan peranti dimulakan semula. Pastikan anda membuat salinan sandaran bagi data sebelum menerima kemas kini perisian.

Tetapan

Untuk membenarkan atau tidak membenarkan kemas kini perisian, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tatarajah* > *Tetapan pengurus peranti* > *K/kini perisian pemb. khid* dan pilihan yang berikut:

Sentiasa benarkan — untuk melaksanakan semua muat turun dan kemas kini perisian secara automatik

Sahkan dulu — untuk melaksanakan muat turun dan kemas kini perisian hanya selepas pengesahan anda (tetapan lalai)

Sentiasa tolak — untuk menolak semua kemas kini perisian

Bergantung kepada tetapan anda, anda akan diberitahu bahawa kemas kini perisian tersedia untuk dimuat turun atau telah dimuat turun dan dipasang secara automatik.

Minta kemas kini perisian

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Telefon* > *Kemas kini telefon* untuk meminta kemas kini perisian yang tersedia daripada pembekal khidmat anda. Pilih *Butiran perisian semasa* untuk memaparkan versi perisian semasa dan menyemak sama ada kemas kini diperlukan. Pilih *Muat turun perisian tel.* untuk memuat turun dan memasang kemas kini perisian telefon. Ikut arahan pada paparan.

Pasang kemas kini perisian

Pilih *Pasang kemas kini perisian* untuk memulakan pemasangan, apabila pemasangan dibatalkan selepas muat turun.

Kemas kini perisian boleh mengambil masa beberapa minit. Jika terdapat masalah dengan pemasangan, hubungi pembekal khidmat anda.

■ Simpan semula tetapan kilang

Untuk menetapkan sesetengah tetapan menu kepada nilai asalnya, pilih **Menu** > *Tetapan* > *S'pn sml. ttpn kilang*. Masukkan kod keselamatan. Nama dan nombor telefon yang disimpan di dalam *Kenalan*, tidak dipadam.

10. Menu operator

Menu ini membolehkan anda mengakses portal kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh operator rangkaian anda. Nama dan ikon bergantung kepada operator. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda. Jika menu ini tidak dipaparkan, nombor-nombor menu yang berikut berubah dengan sewajarnya.

Operator boleh mengemas kini menu ini dengan satu mesej khidmat. Untuk maklumat lanjut, lihat "[Peti masuk khidmat](#)" p. 91.

11. Galeri



Dalam menu ini anda boleh mengurus imej, klip video, fail muzik, tema, grafik, nada, rakaman, dan fail diterima. Fail-fail ini disimpan di dalam memori telefon atau kad memori mikroSD yang terpasang dan boleh disusun di dalam folder-folder.

Telefon anda menyokong sistem kunci pengaktifan bagi melindungi kandungan yang diperolehi. Sentiasa periksa syarat-syarat penghantaran sebarang kandungan dan kunci pengaktifan sebelum memperolehnya, kerana ia mungkin dikenakan bayaran.

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik (termasuk nada dering), dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai, dipindahkan atau dikemukakan.

Untuk melihat senarai folder, pilih **Menu** > **Galeri**.

Untuk melihat pilihan folder yang tersedia, pilih satu folder > **Pilihan**.

Untuk melihat senarai fail di dalam folder, pilih satu folder > **Buka**.

Untuk melihat pilihan fail yang tersedia, pilih satu > **Pilihan** fail.

■ Cetak imej XpressPrint

Peranti anda menyokong Nokia XpressPrint. Untuk menyambungkan ia dengan pencetak yang serasi gunakan kabel data atau hantarkan imej melalui Bluetooth ke pencetak yang menyokong teknologi Bluetooth. Lihat "**Kesambungan**" h. 48.

Anda boleh mencetak imej yang dalam format JPEG. Imej yang diambil dengan kamera disimpan secara automatik dalam format JPEG.

Pilih imej yang ingin anda cetak dan **Pilihan** > **Cetak**.

■ Kad memori

Jauhkan semua kad memori dari kanak-kanak kecil.


Anda boleh menggunakan kad memori mikroSD untuk menyimpan fail-fail multimedia seperti klip video, trek muzik, dan fail bunyi, gambar, dan data mesej, dan untuk menyandar maklumat dari memori telefon.

Butiran tentang bagaimana anda boleh menggunakan kad memori dengan ciri-ciri dan aplikasi-aplikasi lain telefon anda diberikan dalam bahagian-bahagian yang menerangkan tentang ciri-ciri dan aplikasi-aplikasi ini. Untuk memasukkan dan mengeluarkan kad memori mikroSD lihat "**Masukkan kad mikroSD**" h. 2 dan "**Keluarkan kad mikroSD**" h. 2. Pilihan-pilihan berikut boleh juga diakses dari *Galeri*.

Format kad memori

Apabila kad memori diformat, semua data pada kad hilang buat selamanya.

Sesetengah kad memori dibekalkan dalam keadaan sudah diformat dan yang lain pula perlu diformat. Hubungi penjual anda untuk mengetahui sama ada anda perlu memformat kad memori anda sebelum anda menggunakannya.

1. Pilih **Menu** > *Aplikasi* dan folder kad memori .
2. Pilih **Pilihan** > *Format kad memori*.
3. Pilih **Ya** untuk mengesahkan.
4. Setelah selesai memformat, masukkan nama bagi kad memori (sehingga 11 huruf atau nombor).

Kunci kad memori

Untuk menetapkan kata laluan bagi mengunci kad memori anda untuk mencegah penggunaannya tanpa izin, pilih **Pilihan** > *Tetapkan kata laluan*.

Anda diminta memasukkan dan mengesahkan kata laluan anda. Kata laluan boleh jadi sehingga lapan aksara panjangnya.

Kata laluan disimpan di dalam telefon anda dan anda tidak perlu memasukkannya lagi semasa anda menggunakan kad memori pada telefon yang sama. Jika anda mahu menggunakan kad memori pada telefon lain, anda diminta memberikan kata laluan.

Buka kunci kad memori

Jika anda memasukkan satu lagi kad memori yang dilindungi kata laluan ke dalam telefon anda, anda akan diminta memasukkan kata laluan kad tersebut. Untuk membuka kunci kad itu, pilih **Pilihan** > *Padam kata laluan*.

Sebaik sahaja kata laluan dibuang, kad memori dibuka kunci dan boleh digunakan pada telefon lain tanpa kata laluan.

Periksa penggunaan memori

Untuk memeriksa penggunaan memori kumpulan data yang berlainan dan memori yang tersedia bagi memasang aplikasi atau perisian baru pada kad memori anda, pilih **Pilihan** > *Butiran*.

12. Media




Apabila mengambil dan menggunakan imej atau klip video, patuhi semua undang-undang dan hormati adat tempatan serta hak privasi dan undang-undang orang lain.

■ Kamera

Anda boleh mengambil gambar atau merakam klip video dengan kamera terbina dalam.

Ambil gambar

Untuk memulakan kamera, tekan kekunci kamera dalam mod siap sedia, atau pilih **Menu** > **Media** > **Kamera**.



Untuk mengambil imej dalam format landskap, pegang telefon dalam kedudukan mendatar. Tekan kekunci navigasi kiri atau kanan untuk menukar antara mod kamera (imej pegun) dan video.

Untuk mengezum masuk dan keluar dalam mod kamera, tekan kekunci navigasi atas dan bawah, atau kekunci-kekunci kelantangan.

Untuk mengambil gambar, pilih **Tangkap**, atau tekan kekunci kamera. Telefon menyimpan gambar di dalam **Galeri** > **Imej**.

Untuk mengambil potret diri, tutup lipatan dan gunakan paparan mini sebagai pemidang tilik. Tekan kekunci kamera.

Pilih **Pilihan** untuk menetapkan **Aktifkan mod malam** jika pencahayaan malap, **Aktifkan pemasa sendiri** untuk mengaktifkan pemasa sendiri, **Aktifkan urutan imej** untuk mengambil gambar dalam urutan cepat. Dengan tetapan saiz imej tertinggi 3 gambar diambil dalam satu urutan, dengan tetapan saiz lain 5 gambar diambil.

Pilih **Pilihan** > **Tetapan** > **Masa pratonton imej** dan satu masa pratonton untuk memaparkan gambar yang diambil di paparan. Semasa masa pratonton, pilih **Balik** untuk mengambil gambar lain atau **Hantar** untuk menghantar gambar sebagai mesej multimedia.

Peranti anda menyokong resolusi tangkapan imej 1280 x 960 piksel. Resolusi imej dalam bahan ini mungkin kelihatan berlainan.

Rakam klip video

Untuk memilih mod video, tatal ke kiri atau ke kanan, atau pilih **Pilihan** > *Video*. Untuk memulakan rakaman video, pilih **Rakam**. Untuk menjedakan rakaman, pilih **Jeda**; untuk menyambung rakaman, pilih **Teruskan**. Untuk menghentikan rakaman, pilih **Henti**. Telefon menyimpan rakaman di dalam *Galeri* > *Klip video*.

Pilihan kamera

Untuk menggunakan turas dengan kamera, pilih **Pilihan** > *Kesan* > *Warna palsu*, *Skala kelabu*, *Sepia*, *Negatif*, atau *Solar*.

Untuk menukar tetapan kamera, pilih **Pilihan** > *Tetapan*.

■ Pemain media

Dengan pemain media anda boleh melihat, memainkan, dan memuat turun fail-fail, seperti imej, audio, video, dan imej animasi. Anda juga boleh melihat video strim yang serasi dari pelayan rangkaian (perkhidmatan rangkaian).

Pilih **Menu** > *Media* > *Pemain media* > *Buka Galeri*, *Penanda buku*, *Pergi ke alamat*, atau *Muat turun media* untuk memilih atau memuat turun media.

Apabila menonton video strim, tekan kekunci tatal kiri atau kanan untuk mundur (rewind) atau maju cepat (fast forward). Pilih **Menu** > *Media* > *Pemain media* > *Selang FF/Rew* untuk menetapkan lebar langkah bagi maju cepat atau mundur.

Tatarajah untuk perkhidmatan strim

Anda boleh menerima tetapan tatarajah yang diperlukan untuk strim sebagai mesej tatarajah daripada pembekal khidmat. Lihat "*Perkhidmatan tetapan tatarajah*" h. xi. Anda juga boleh memasukkan tetapan-tetapan secara manual. Lihat "*Tatarajah*" h. 56. Untuk mengaktifkan tetapan, lakukan yang berikut:

1. Pilih **Menu** > *Media* > *Pemain media* > *Tetapan strim* > *Tatarajah*. Hanya tatarajah yang menyokong strim dipaparkan.
2. Pilih pembekal khidmat, *Lalai*, atau *Tatarajah peribadi* untuk strim.
3. Pilih *Akaun* dan satu akaun perkhidmatan strim yang

terkandung di dalam tetapan-tetapan tatarajah yang aktif.

■ Pemain muzik

Telefon anda menyertakan pemain muzik bagi mendengar trek-trek muzik, rakaman atau fail-fail bunyi MP3 atau AAC lain yang telah anda pindahkan ke telefon dengan aplikasi Nokia Audio Manager, yang merupakan sebahagian daripada Nokia PC Suite. Lihat "[Nokia PC Suite](#)" h. 95.


Fail-fail muzik yang disimpan di dalam folder di dalam memori telefon atau di dalam folder kad multimedia, akan dikesan secara automatik dan ditambahkan pada senarai trek lalai.

Untuk membuka pemain muzik, pilih **Menu** > **Media** > **Pemain muzik**.


Memainkan trek muzik







Amaran: Dengar muzik pada aras kelantangan yang sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus menerus boleh merosakkan pendengaran anda.

Apabila anda membuka menu **Pemain muzik**, butiran trek pertama pada senarai trek lalai ditunjukkan. Untuk memainkan, pilih .

Untuk melaraskan aras kelantangan, gunakan kekunci-kekunci kelantangan di sebelah tepi telefon.

Untuk berhenti memainkan, pilih .

Untuk melangkau ke trek yang berikutnya, pilih . Untuk melangkau ke permulaan trek yang sebelumnya, pilih .

Untuk memundurkan trek semasa, pilih dan tahan . Untuk memajukan cepat trek semasa, pilih dan tahan . Lepaskan kekunci di kedudukan yang anda mahu.

Tetapan bagi pemain muzik

Dalam menu **Pemain muzik** pilihan-pilihan berikut mungkin terdapat:

Senarai trek – Lihat semua trek yang terdapat pada senarai trek dan mainkan trek yang diinginkan. Untuk memainkan trek, tatal ke trek yang diinginkan, dan pilih **Main**.

Jika anda pilih **Pilihan**, anda boleh menyegar semula senarai trek (contohnya, selepas menambah trek-trek baru pada senarai) dan menukar senarai trek yang ditunjukkan apabila anda membuka menu **Pemain muzik** jika beberapa senarai trek terdapat di dalam telefon. Anda juga boleh menghantar trek ke telefon lain.

Pilihan main – Pilih *Rawak* untuk memainkan trek dalam senarai trek mengikut susunan rawak. Pilih *Ulang* untuk memainkan trek semasa atau seluruh senarai trek berulang kali. Pilih *Sumber muzik* untuk memilih satu folder dengan trek-tek muzik.

Penyama media – Pilih atau tetapkan tetapan penyama. Lihat "Penyama" h. 69.

Pembesar suara/Alat dengar— Dengar pemain muzik menggunakan pembesar suara atau alat dengar telefon. (Hanya jika alat dengar dipasangkan)



Petua: Apabila menggunakan alat dengar, tekan kekunci alat dengar untuk melangkau ke trek berikutnya.

Laman web – untuk mengakses halaman Web yang berkaitan dengan trek yang sedang dimainkan. Dimalapkan jika tiada halaman Web yang terdapat.

Muat turun muzik – untuk menyambung kepada perkhidmatan penyamak imbas yang berkaitan dengan trek semasa. Fungsi ini hanya terdapat apabila alamat perkhidmatan disertakan di dalam trek.

Radio

Radio FM bergantung kepada antena yang lain daripada antena peranti wayarles. Alat dengar atau tambahan yang serasi perlu dipasangkan kepada peranti ini supaya radio FM boleh berfungsi dengan betul.



Amaran: Dengar muzik pada aras kelantangan yang sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Jangan pegang peranti ini dekat pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

Pilih **Menu** > *Media* > *Radio*.

Untuk menggunakan kekunci-kekunci grafik ▲, ▼, ◀, atau ▶ pada paparan, tatal ke kiri atau ke kanan ke kekunci yang diinginkan, dan pilih ia.

Simpan frekuensi radio

1. Untuk memulakan carian saluran, pilih dan tahan ◀ atau ▶. Untuk menukar frekuensi radio dalam langkah 0.05 MHz, tekan sebentar ◀ atau ▶.

2. Untuk menyimpan frekuensi ke lokasi memori, 1 hingga 9, tekan dan tahan kekunci nombor yang sepadan. Untuk menyimpan frekuensi ke lokasi memori dari 10 hingga 20, tekan sebentar 1 atau 2, dan tekan dan tahan kekunci nombor yang diinginkan, 0 hingga 9.
3. Masukkan nama stesen radio.

Dengar radio

Pilih **Menu** > **Media** > **Radio**. Untuk tatal ke frekuensi yang diinginkan, pilih ▲ atau ▼, atau tekan kekunci alat dengar. Untuk memilih stesen radio, tekan sebentar kekunci nombor yang sepadan. Untuk melaraskan kelantangan, tekan kekunci-kekunci kelantangan.

Pilih daripada pilihan yang berikut:

Matikan – untuk mematikan radio

Simpan saluran – untuk menyimpan stesen radio baru

Visual Radio – untuk menetap sama ada aplikasi Visual Radio sedang digunakan (perkhidmatan rangkaian). Untuk mengetahui ketersediaan dan kos, hubungi operator rangkaian atau pembekal khidmat anda. Sesetengah saluran radio boleh menghantar maklumat

teks atau grafik yang boleh anda lihat menggunakan aplikasi Visual Radio.

Tetapan Visual Radio – untuk memilih pilihan bagi **Visual Radio**. Untuk menetap sama ada aplikasi tersebut bermula secara automatik apabila anda menghidupkan radio, pilih **Benarkan khidmat visual** > **Secara automatik**. Untuk mengakses laman Web dengan senarai stesen radio, pilih **Direktori saluran**. Jika tersedia, ID radio visualnya dipaparkan.

Saluran – untuk memilih senarai stesen yang tersimpan. Untuk memadam atau menamakan semula saluran, tatal ke stesen yang diinginkan, dan pilih **Pilihan** > **Padam saluran** atau **Nama semula**.

Output mono atau **Output stereo** – untuk mendengar radio dalam bunyi monofonik atau stereo

Pembesar suara atau **Alat dengar** – untuk mendengar radio menggunakan pembesar suara atau alat dengar. Pastikan alat dengar disambungkan kepada telefon. Wayar penyambung alat dengar berfungsi sebagai antena radio.

Tetapan frekuensi – untuk memasukkan frekuensi stesen radio yang diinginkan.

Biasanya, anda boleh membuat panggilan atau menjawab panggilan masuk semasa mendengar radio. Semasa panggilan, kelantangan radio dibisukan.

Apabila suatu aplikasi yang menggunakan data paket atau sambungan HSCSD sedang menghantar atau menerima data, ia mungkin mengganggu radio.

■ Perakam suara

Anda boleh merakam cebisan percakapan, bunyi, atau panggilan aktif, dan menyimpannya dalam *Galeri*. Ini berguna apabila merakam nama dan nombor telefon untuk dituliskan kemudian.

Perakam tidak boleh digunakan apabila panggilan data atau sambungan GPRS sedang aktif.

Rakamkan bunyi

1. Pilih **Menu** > *Media* > *Perakam*.

Untuk menggunakan kekunci grafik ●, ■, atau ■ pada paparan, tatal ke kiri atau ke kanan ke kekunci yang diinginkan, dan pilih ia.

2. Untuk memulakan rakaman, pilih ●. Untuk memulakan rakaman semasa panggilan, pilih **Pilihan** > *Rakam*. Semasa merakamkan panggilan, semua pihak dalam

panggilan mendengar bunyi bip perlahan. Semasa merakamkan panggilan, pegang telefon di kedudukan biasa berdekatan dengan telinga anda. Untuk menjedakan rakaman, pilih ■.

3. Untuk menamatkan rakaman, pilih ■. Rakaman disimpan di dalam *Galeri* > *Rakaman*.

Untuk mendengar rakaman terbaru, pilih **Pilihan** > *Main rakam terakhir*.

Untuk menghantar rakaman terakhir, pilih **Pilihan** > *Hantar rakaman terakhir*.

Untuk melihat senarai rakaman dalam *Galeri* melalui Perakam, pilih **Pilihan** > *Senarai rakaman* > *Rakaman*.

■ Penyama

Anda boleh mengawal mutu bunyi apabila menggunakan pemain muzik dengan menguatkan atau memperlahankan jalur-jalur frekuensi.

Pilih **Menu** > *Media* > *Penyama*.

Untuk mengaktifkan satu set, tatal ke salah satu daripada set-set penyama, dan pilih **Aktifkan**.

Untuk melihat, mengedit, atau menamakan semula set yang dipilih, pilih **Pilihan** > *Lihat, Edit*, atau

Nama semula. Tidak semua set boleh diedit atau dinamakan semula.

■ Peluasan stereo

Peluasan stereo menambah output audio pemain muzik dengan membolehkan kesan bunyi stereo yang lebih luas. Untuk menukar tetapan, pilih **Menu** > *Media* > *Peluasan stereo*.

13. Pengatur



■ Jam penggera

Anda boleh menetapkan telefon untuk menggera pada masa yang diinginkan. Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Jam penggera*.

Untuk menetapkan penggera, pilih *Waktu penggera*, dan masukkan masa penggera. Untuk menukar masa penggera semasa masa penggera ditetapkan, pilih *Aktif*.

Untuk menetapkan telefon supaya memberi isyarat kepada anda pada hari-hari tertentu, pilih *Ulangi penggera*.

Untuk memilih nada penggera atau untuk menetapkan radio sebagai nada penggera, pilih *Nada penggera*. Jika anda memilih radio sebagai nada penggera, sambungkan alat dengar kepada telefon. Telefon menggunakan stesen radio terakhir yang anda dengar sebagai penggera, dan penggera ini dimainkan menerusi pembesar suara. Jika anda menanggalkan alat dengar atau mematikan telefon, nada penggera lalai menggantikan radio.

Untuk menetapkan tamat masa tunda, pilih *Tamat masa tunda* dan masanya.

Hentikan penggera

Telefon membunyikan nada isyarat, dan memancarkan *Penggera!* dan masa semasa di paparan, walaupun ketika telefon dimatikan. Untuk menghentikan penggera, pilih **Henti**. Jika anda membiarkan telefon terus membunyikan penggera selama seminit atau pilih **Tunda**, penggera berhenti bagi masa yang anda tetapkan dalam *Tamat masa tunda*, dan kemudian berbunyi lagi.

Jika tiba masa penggera semasa peranti ini dimatikan, peranti ini akan dihidupkan dengan sendirinya dan mula membunyikan nada penggera. Jika anda memilih **Henti**, peranti ini akan bertanya sama ada anda ingin mengaktifkan peranti ini untuk panggilan. Pilih **Tidak** untuk mematikan peranti ini atau **Ya** untuk membuat dan menerima panggilan. Jangan pilih **Ya** apabila penggunaan telefon wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

■ Kalendar

Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Kalendar*.

Hari semasa ditandakan dengan bingkai. Jika terdapat sebarang nota yang ditetapkan untuk hari itu, hari tersebut ditebalkan, dan permulaan nota dipaparkan di bawah kalendar. Untuk melihat nota-nota hari, pilih **Pamer**. Untuk melihat minggu, pilih **Pilihan** > *Pamer minggu*. Untuk memadam semua nota di dalam kalendar, pilih pamer bulan atau minggu, dan pilih **Pilihan** > *Padam semua nota*.

Pilihan-pilihan lain bagi pamer hari boleh jadi membuat nota; memadam, mengedit, memindah atau mengulang nota; menyalin nota ke hari lain; menghantar nota dengan teknologi Bluetooth, atau menghantar nota ke kalendar telefon lain yang serasi sebagai mesej teks atau mesej multimedia. Dalam *Tetapan* anda boleh menetapkan tarikh, masa, zon masa, format tarikh atau masa, pemisah tarikh, paparan lalai, atau hari pertama bagi minggu. Dalam *Padam automatik nota* anda boleh menetapkan telefon supaya memadam nota-nota lama secara automatik selepas masa yang ditentukan.

Membuat nota kalendar

Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Kalendar*. Tatal ke tarikh, dan pilih **Pilihan** > *Buat nota* dan salah satu jenis nota berikut: 📅 *Mesyuarat*, 📞 *Panggil*, 📁 *Harijadi*, 📝 *Memo*, atau 📌 *Peringatan*. Isi medan-medan.

Penggera nota

Telefon memaparkan nota dan jika ditetapkan, membunyikan nada. Dengan nota panggilan 📞 di paparan, untuk memanggil nombor yang dipaparkan, tekan kekunci panggilan. Untuk menghentikan penggera dan melihat nota, pilih **Pamer**. Untuk menghentikan penggera selama 10 minit, pilih **Tunda**.

Untuk menghentikan penggera tanpa melihat nota, pilih **Keluar**.

■ Senarai tugasan

Untuk menyimpan nota untuk tugas yang anda mesti lakukan, pilih **Menu** > *Pengatur* > *Senarai tugasan*.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan** > *Tambah*. Isikan medan-medan, dan pilih **Simpan**.

Untuk melihat nota, tatal ke nota itu, dan pilih **Pamer**. Semasa melihat nota, anda boleh juga memilih pilihan untuk mengedit atribut-atribut. Anda juga boleh memilih pilihan untuk memadam nota yang dipilih dan memadam semua nota yang telah anda tandakan sebagai selesai.

Anda boleh mengisi nota-nota mengikut keutamaan atau mengikut tarikh akhir, menghantar nota ke telefon lain sebagai mesej teks atau mesej multimedia, menyimpan nota sebagai nota kalendar, atau mengakses kalendar.

■ Nota

Untuk menulis dan menghantar nota, pilih **Menu** > **Pengatur** > **Nota**.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan** > **Buat suatu nota**. Tulis nota, dan pilih **Simpan**.

Pilihan-pilihan lain termasuk memadam dan mengedit nota. Semasa mengedit nota, anda juga boleh keluar dari editor teks tanpa menyimpan perubahan-perubahan. Anda boleh menghantar nota kepada peranti-peranti yang serasi menerusi teknologi wayarles Bluetooth, mesej teks, atau mesej multimedia.

■ Kalkulator

Kalkulator di dalam telefon anda menyediakan fungsi-fungsi aritmetik dan trigonometri asas, mengira kuasa dua dan punca kuasa dua, songsang nombor, dan menukar nilai-nilai mata wang.



Nota: Kalkulator ini mempunyai ketepatan terhad dan direka bentuk untuk pengiraan yang mudah.

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalkulator**.

Apabila 0 dipaparkan di skrin, masukkan nombor pertama dalam pengiraan. Tekan # untuk titik perpuluhan. Tatal ke operasi atau fungsi yang diinginkan atau pilih ia dari **Pilihan**. Masukkan nombor kedua. Ulang urutan ini sebanyak mana yang perlu. Untuk memulakan pengiraan baru, mula-mula pilih dan tahan **Padam**.

Untuk melakukan penukaran mata wang, pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalkulator**. Untuk menyimpan kadar tukaran, pilih **Pilihan** > **Kadar pertukaran**. Pilih salah satu daripada pilihan-pilihan yang dipaparkan. Masukkan kadar tukaran, tekan # untuk titik perpuluhan, dan pilih **OK**. Kadar tukaran akan tetap berada di dalam memori sehingga anda menggantikannya dengan kadar

tukaran yang lain. Untuk membuat penukaran mata wang, masukkan jumlah yang hendak ditukar, dan pilih **Pilihan** > *Dalam tempatan* atau *Dalam asing*.



Nota: Apabila anda menukar mata wang asas, anda mestilah memasukkan kadar-kadar tukaran baru kerana semua kadar tukaran yang ditetapkan sebelumnya dikosongkan.

■ Pemasa undur

Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Pemasa undur*. Masukkan masa penggera dalam jam, minit, dan saat, dan pilih **OK**. Jika anda mahu, tulis teks nota anda sendiri yang dipaparkan apabila tamat tempoh masa. Untuk memulakan pemasa undur, pilih **Mula**. Untuk menukar masa undur, pilih *Tukar masa*. Untuk menghentikan pemasa, pilih *Henti pemasa*.

Jika masa penggera tiba semasa telefon dalam mod siap sedia, telefon akan membunyikan nada dan memancarkan teks nota jika ia ditetapkan atau *Pemasa undur tamat*. Untuk menghentikan penggera, tekan sebarang kekunci. Jika tiada kekunci yang ditekan, penggera berhenti secara automatik dalam

masa 60 saat. Untuk menghentikan penggera dan untuk memadam teks nota, pilih **Keluar**. Untuk memulakan semula pemasa undur, pilih **M'la smla**.

■ Jam randik

Anda boleh mengukur masa, mengambil masa pertengahan, atau masa pusingan menggunakan jam randik. Semasa mengukur masa, fungsi-fungsi telefon yang lain boleh digunakan. Untuk menetapkan pemasaan jam randik di latar belakang, tekan kekunci tamat.

Menggunakan jam randik atau membiarkan ia berjalan di latar belakang apabila menggunakan ciri-ciri lain menambah penggunaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Jam randik* dan daripada pilihan yang berikut:

Pemisahan masa — untuk mengambil masa pertengahan. Untuk memulakan pemerhatian masa, pilih **Mula**. Pilih **Pisahkan** setiap kali anda mahu mengambil masa pertengahan. Untuk menghentikan pemerhatian masa, pilih **Henti**.

Untuk menyimpan masa yang diukur, pilih **Simpan**.

Untuk memulakan pemerhatian masa sekali lagi, pilih **Pilihan > Mula**. Masa yang baru ditambahkan kepada masa yang sebelumnya.

Untuk menetap semula masa tanpa menyimpannya, pilih **Tetap semula**.

Masa pusingan – untuk mengambil masa pusingan

Teruskan – untuk melihat pemasaan yang telah anda tetapkan di latar belakang

Tunjukkan akhir – untuk melihat masa yang paling baru diukur jika jam randik tidak ditetapkan semula

Pamer masa atau **Padam masa** – untuk melihat atau memadam masa yang disimpan

14. Tekan untuk cakap



Pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap*.

Tekan untuk cakap melalui selular (PTT) adalah perkhidmatan radio dua hala yang terdapat melalui rangkaian selular GPRS (perkhidmatan rangkaian).

Anda boleh menggunakan PTT untuk mengadakan perbualan dengan seorang atau sekumpulan orang (saluran) yang mempunyai peranti yang serasi. Semasa anda tersambung kepada perkhidmatan PTT, anda boleh menggunakan fungsi telefon yang lain.

Untuk mengetahui ketersediaan dan kos, dan untuk melanggan perkhidmatan ini, hubungi operator rangkaian anda. Perkhidmatan-perkhidmatan merayau mungkin lebih terbatas daripada perkhidmatan bagi panggilan biasa.

Sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan PTT, anda mesti menetapkan dahulu tetapan perkhidmatan PTT yang diperlukan. Lihat "**Tetapan PTT**" h. 81 dan "**Tetapan tatarajah**" h. 82.

■ Saluran tekan untuk cakap

Satu saluran PTT terdiri daripada sekumpulan orang (contohnya, teman-teman atau kumpulan kerja) yang menyertai saluran tersebut selepas mereka dijemput untuk berbuat demikian. Apabila anda memanggil sesuatu saluran, semua ahli yang menyertai saluran tersebut akan mendengar panggilan itu secara serentak.

Terdapat beberapa jenis saluran PTT yang berlainan:

Saluran umum – Setiap ahli saluran boleh menjemput orang lain.

Saluran peribadi – Hanya orang yang menerima jemputan daripada pembuat saluran boleh menyertainya.

Saluran yang diperuntukkan – Satu saluran tetap yang dibuat oleh pembekal khidmat.

Anda boleh menetapkan status setiap saluran ke *Aktif* atau *Tak aktif*.

Bilangan saluran yang aktif dan bilangan ahli bagi setiap saluran adalah terhad. Hubungi pembekal khidmat anda untuk butiran.

Buat saluran

Untuk menambah saluran, pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Tambah saluran* dan masukkan tetapan dalam medan borang:

Nama saluran: – Masukkan nama bagi saluran baru.

Status saluran: – Pilih *Aktif* untuk menetapkan saluran aktif, atau *Tak aktif* untuk melumpuhkan saluran.

Nama ringkas dlm. sal.: – Masukkan nama ringkas anda yang hendak dipaparkan dalam saluran baru.

Keselamatan saluran: > *Saluran umum* atau *Saluran peribadi*

Imej: – Pilih **Tukar** dan satu imej dari *Galeri* atau *Grafik lalai* untuk menetapkan grafik bagi saluran baru.

Untuk menghantar jemputan kepada saluran, pilih **Ya** apabila telefon memintanya. Penerima jemputan ditambahkan pada senarai ahli saluran apabila jemputan itu diterima. Untuk menghantar jemputan lanjut pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Senarai saluran*, satu saluran, dan **Pilihan** > *Hantar jemputan*. Untuk menghantar jemputan gunakan mesej teks atau IR.



Untuk menambah saluran yang diperuntukkan, pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Tambah saluran* > **Pilihan** > *Edit alamat s'cara manual*. Masukkan *Alamat saluran*: yang disediakan oleh pembekal khidmat anda.

Terima jemputan

1. Apabila anda menerima jemputan mesej teks untuk menyertai sesuatu saluran, *Jemputan saluran diterima*: dipaparkan.
2. Untuk melihat nama ringkas orang yang menghantar jemputan dan alamat saluran jika saluran itu bukan saluran peribadi, pilih **Pamer**.
3. Untuk menambah saluran pada telefon anda, pilih **Simpan**.
4. Untuk menetapkan status bagi saluran, pilih *Aktif* atau *Tak aktif*.

Untuk menolak jemputan, pilih **Keluar** > **Ya**, atau pilih **Pamer** > **Buang** > **Ya**.

■ Hidupkan dan matikan PTT

Untuk menyambung kepada perkhidmatan PTT, pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > **Aktifkan PTT**, atau tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik).  menandakan sambungan PTT.  menandakan perkhidmatan ini tidak tersedia buat sementara waktu. Jika anda telah menambah saluran pada telefon, anda disambungkan secara automatik kepada saluran-saluran yang aktif.

Anda boleh memberikan fungsi lalai kepada kekunci PTT (kelantangan naik) untuk membuka senarai saluran, senarai kenalan atau satu saluran atau kenalan. Lihat "**Tetapan PTT**" h. 81.

Untuk memutuskan sambungan kepada perkhidmatan PTT, pilih *Nyahaktifkan PTT*.





■ Buat dan terima panggilan PTT



Amaran: Jangan pegang peranti ini pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

Untuk membuat panggilan saluran, panggilan satu sama satu, atau panggilan kepada berbilang penerima, anda mesti tahan kekunci PTT (kelantangan naik) selama anda berbual. Untuk mendengarkan jawapannya, lepaskan kekunci PTT (kelantangan naik). Seseorang dibenarkan bercakap mengikut dasar yang dahulu didahulukan. Apabila anda berhenti bercakap, orang pertama yang menekan dan menahan kekunci PTT boleh bercakap selepas itu.

Anda boleh menyemak status log masuk kenalan anda dalam **Menu** > *Tekan untuk cakap* > **Senarai kenalan**. Perkhidmatan ini bergantung kepada operator rangkaian anda dan hanya tersedia untuk kenalan yang dilanggan. Untuk melanggan kenalan, pilih **Pilihan** > *Langganan kenalan*, atau jika satu atau lebih kenalan sudah ditandakan *Langganan ditanda*.

 atau ? menandakan orang tersebut sama ada boleh dihubungi atau tidak diketahui.  menandakan bahawa orang tersebut tidak mahu diganggu, tetapi boleh menerima permintaan panggilan balik.  menandakan orang tersebut tidak menghidupkan PTT.

Buat panggilan saluran

Untuk membuat panggilan kepada saluran, pilih *Senarai saluran* dalam menu PTT, tatal ke saluran yang diingini, dan tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik). Satu nada menandakan akses dibenarkan, dan telefon memaparkan nama ringkas anda dan nama saluran.

Buat panggilan satu sama satu

Untuk memulakan panggilan satu sama satu dari senarai kenalan yang anda telah tambahkan alamat PTT, pilih *Kenalan > Nama* atau *Menu > Tekan untuk cakap > Senarai kenalan*. Tatal ke satu kenalan, dan tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik).

Untuk memulakan panggilan satu sama satu dari senarai saluran PTT, pilih *Senarai saluran*, tatal ke saluran yang diingini, dan pilih **Ahli**. Tatal ke kenalan yang diingini, dan tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik).

Untuk memulakan panggilan satu sama satu dari senarai permintaan panggil balik yang telah anda terima, pilih *P/masuk pgn. balik*. Tatal ke nama ringkas yang diingini, dan tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik).

Buat panggilan PTT kepada berbilang penerima

Anda boleh memilih berbilang kenalan PTT dari senarai kenalan. Penerima menerima panggilan masuk dan perlu menerima panggilan itu untuk menyertai. Jika disokong oleh operator rangkaian, anda juga boleh memilih kenalan dengan nombor telefon tanpa nombor PTT. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda.

1. Pilih **Menu > Tekan untuk cakap > Senarai kenalan**, dan tandakan kenalan yang diingini.
2. Tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik) untuk memulakan panggilan. Kenalan-kenalan yang menyertai dipaparkan pada paparan, sebaik sahaja mereka menyertai panggilan.
3. Tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik) untuk bercakap dengan mereka. Lepaskan kekunci PTT (kelantangan naik) untuk mendengarkan jawapan.
4. Tekan kekunci tamat untuk menamatkan panggilan.

Terima panggilan PTT

Satu nada pendek memaklumkan anda mengenai panggilan PTT yang masuk. Maklumat, seperti saluran, nombor telefon, atau nama ringkas (perkhidmatan rangkaian) pemanggil dipaparkan.

Anda boleh menerima atau menolak panggilan satu sama satu yang masuk jika anda telah menetap telefon supaya memberitahu anda terlebih dahulu tentang panggilan satu sama satu.

Apabila anda menekan dan menahan kekunci PTT (kelantangan naik) semasa pemanggil sedang bercakap, anda akan mendengar nada beratur, dan *Beratur* dipaparkan. Tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik), dan tunggu orang yang satu lagi selesai; kemudian anda boleh bercakap dengan segera.

■ Permintaan panggilan balik

Jika anda membuat panggilan satu sama satu dan tidak mendapat jawapan, anda boleh menghantar permintaan supaya orang tersebut memanggil anda balik.

Hantar permintaan panggilan balik

Anda boleh menghantar permintaan panggilan balik dengan cara-cara berikut:

Untuk menghantar permintaan panggilan balik dari senarai kenalan di dalam menu *Tekan untuk cakap*, pilih *Senarai kenalan*. Tatal ke satu kenalan, dan pilih **Pilihan** > *Hantar panggilan balik*.

Untuk menghantar permintaan panggilan balik dari *Kenalan*, cari kenalan yang diingini, dan pilih **Butiran**. Tatal ke alamat PTT, dan pilih **Pilihan** > *Hantar panggilan balik*.

Untuk menghantar permintaan panggilan balik dari senarai saluran dalam menu PTT, pilih *Senarai saluran*, dan tatal ke saluran yang diingini. Pilih **Ahli**, tatal ke kenalan yang diingini, dan pilih **Pilihan** > *Hantar panggilan balik*.

Untuk menghantar permintaan panggilan balik dari senarai permintaan panggilan balik di dalam menu *Tekan untuk cakap*, pilih *P/masuk pgl.n. balik*. Tatal ke satu kenalan, dan pilih **Pilihan** > *Hantar panggilan balik*.

Jawab permintaan panggilan balik

Apabila seseorang menghantar anda permintaan panggilan balik, *Permintaan panggilan balik diterima* dipaparkan dalam mod siap sedia.

Untuk membuka *P/masuk pglIn. balik*, pilih **Pamer**. Senarai nama ringkas orang-orang yang telah menghantar permintaan panggilan balik kepada anda dipaparkan.

Untuk membuat panggilan satu sama satu, pilih permintaan yang diingini dan tekan dan tahan kekunci PTT (kelantangan naik).

Untuk menghantar balik permintaan panggilan kepada penghantar, pilih **Pilihan** > *Hantar panggilan balik*.

Untuk memadam permintaan, pilih **Padam**.

Untuk menyimpan kenalan baru atau untuk menambah alamat PTT pada kenalan dari permintaan panggilan balik yang diterima, pilih **Pilihan** > *Simpan sebagai* atau *Tambah ke kenalan*.

■ Tambahkan kenalan satu sama satu

Anda boleh menyimpan nama orang-orang yang kerap anda panggil dalam panggilan satu sama satu dengan cara-cara berikut:

Untuk menambah alamat PTT pada nama dalam *Kenalan*, cari kenalan yang diingini, pilih **Butiran** > **Pilihan** > *Tambah butiran* > *Alamat PTT*. Kenalan hanya akan muncul dalam senarai kenalan PTT, jika alamat PTTnya dimasukkan.

Untuk menambah kenalan pada senarai kenalan PTT, pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Senarai kenalan* > **Pilihan** > *Tambah kenalan*.

Untuk menambah kenalan dari senarai saluran, sambung kepada perkhidmatan PTT, pilih *Senarai saluran*, dan tatal ke saluran yang diingini. Pilih **Ahli**, tatal ke ahli yang maklumat kenalannya anda hendak simpan, dan pilih **Pilihan**. Untuk menambah kenalan baru, pilih *Simpan sebagai*. Untuk menambah alamat PTT pada nama dalam *Kenalan*, pilih *Tambah ke kenalan*.

■ Tetapan PTT

Pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Tetapan PTT*.

Panggilan 1 ke 1 > *Aktif* – untuk memilih telefon supaya membenarkan penerimaan panggilan satu sama satu yang masuk. Untuk membuat tetapi tidak menerima panggilan satu sama satu, pilih *Tak aktif*. Pembekal khidmat mungkin menawarkan beberapa

perkhidmatan yang menggantikan tetapan-tetapan ini. Untuk menetapkan telefon supaya memberitahu anda dahulu tentang panggilan satu sama satu dengan nada dering, pilih *Beritahu*.

Fungsi lalai kekunci PTT – untuk menetap kekunci PTT (kelantangan naik) pada fungsi-fungsi berikut: *Buka senarai kenalan, Buka senarai saluran, Panggil kenalan/kump.* Pilih satu kenalan, kumpulan, atau *Panggil saluran PTT* dan pilih satu saluran. Apabila anda menekan dan menahan kekunci PTT (kelantangan naik), fungsi yang dipilih akan dilaksanakan.

T'juk status log msk saya – untuk membolehkan atau melumpuhkan hantaran status log masuk

Status PTT dlm p'mulaan > Ya atau *Tanya dulu* – Untuk menetapkan telefon supaya disambungkan kepada perkhidmatan PTT secara automatik apabila anda menghidupkan telefon

PTT dibenr apb di l/negeri – untuk menghidupkan atau mematikan perkhidmatan PTT apabila telefon digunakan di luar rangkaian rumah

Hantar alamat PTT saya > Tidak – untuk menyembunyikan alamat PTT dari panggilan saluran dan satu sama satu

■ Tetapan tatarajah

Anda boleh menerima tetapan-tetapan untuk menyambung kepada perkhidmatan daripada pembekal khidmat anda. Lihat "*Perkhidmatan tetapan tatarajah*" h. xi. Anda boleh memasukkan tetapan-tetapan secara manual. Lihat "*Tatarajah*" h. 56.

Untuk memilih tetapan bagi menyambung kepada perkhidmatan, pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Tetapan tatarajah*. Pilih daripada pilihan yang berikut:

Tatarajah – untuk memilih pembekal khidmat, *Lalai*, atau *Tatarajah peribadi* untuk perkhidmatan PTT. Hanya tatarajah yang menyokong perkhidmatan PTT dipaparkan.

Akaun – untuk memilih akaun perkhidmatan PTT yang terkandung dalam tetapan tatarajah aktif

Parameter-parameter lain adalah *Nama pengguna PTT, Nama ringkas lalai, Kata laluan tkn utk cakap, Domain*, dan *Alamat pelayan*.

■ Web

Pilih **Menu** > *Tekan untuk cakap* > *Web* untuk mengakses laman Internet pembekal PTT anda.

15. Aplikasi



Dalam menu ini anda boleh mengurus aplikasi dan permainan. Fail-fail ini disimpan di dalam memori telefon atau kad memori mikroSD yang terpasang dan boleh disusun di dalam folder-folder.

Untuk pilihan-pilihan untuk memformat atau mengunci dan membuka kunci kad memori lihat "Kad memori" h. 61.

■ Lancarkan permainan

Perisian telefon anda termasuk beberapa permainan.

Pilih **Menu** > *Aplikasi* > *Permainan*. Tatal ke permainan yang diinginkan, dan pilih **Buka**.

Untuk menetap bunyi, lampu, dan getaran bagi permainan, pilih **Menu** > *Aplikasi* > **Pilihan** > *Tetapan aplikasi*.

Untuk pilihan yang berkaitan dengan permainan, lihat "Beberapa pilihan aplikasi" h. 83.

■ Lancarkan aplikasi

Perisian telefon anda termasuk beberapa aplikasi Java.

Pilih **Menu** > *Aplikasi* > *Kutipan*. Tatal ke satu aplikasi, dan pilih **Buka**.

■ Beberapa pilihan aplikasi

Padam – untuk memadam aplikasi dari telefon

Butiran – untuk memberi maklumat tambahan mengenai aplikasi

Versi terkini – untuk memeriksa sama ada versi baru aplikasi terdapat untuk dimuat turun dari *Web* (perkhidmatan rangkaian)

Akses aplikasi – untuk menyekat aplikasi daripada mengakses rangkaian. Pelbagai kategori dipaparkan. Pilih salah satu daripada kebenaran yang tersedia dalam setiap kategori.

Laman web – untuk memberi maklumat lanjut atau data tambahan bagi aplikasi dari halaman Internet (perkhidmatan rangkaian). Ia hanya ditunjukkan jika satu alamat Internet telah diberi bersama aplikasi.

■ Muat turun aplikasi

Telefon anda menyokong aplikasi Java J2ME. Pastikan bahawa aplikasi itu serasi dengan telefon anda sebelum memuat turun ia.



Penting: Hanya pasang dan gunakan aplikasi-aplikasi dan perisian lain dari sumber-sumber yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Anda boleh memuat turun aplikasi-aplikasi Java baru dengan beberapa cara berlainan.

Gunakan Nokia Application Installer dari PC Suite untuk memuat turun aplikasi-aplikasi ke telefon anda, atau pilih **Menu > Aplikasi > Pilihan > Muat turun > Muat turun aplikasi**; dan senarai penanda buku yang tersedia dipaparkan. Lihat "**Penanda buku**" h. 89.

Untuk ketersediaan perkhidmatan-perkhidmatan yang berbeza, harga dan tarif, hubungi pembekal khidmat anda.

Peranti anda mungkin mempunyai beberapa penanda buku yang telah dimuatkan untuk laman-laman yang bukan anggota gabungan Nokia. Nokia tidak menjamin atau menyokong laman-laman ini. Jika

anda memilih untuk mengaksesnya, anda harus mengambil langkah-langkah berjaga-jaga yang sama, untuk keselamatan atau kandungan, seperti yang anda ambil untuk sebarang laman Internet.

■ Presenter

Presenter membolehkan anda mengawal persembahan slaid (serasi dengan Microsoft Office PowerPoint), perisian DVD, pemain MP3, atau aplikasi-aplikasi PC lain secara jauh dari peranti anda.

Untuk menggunakan aplikasi yang selain daripada persembahan slaid dan mod atas meja, anda mesti membuat profil pilihan sendiri yang sepadan pada aplikasi PC.

Sebelum anda boleh menggunakan aplikasi tersebut anda mesti lakukan yang berikut:

1. Pasang aplikasi Nokia Presenter PC pada PC anda.
Komponen ini tersedia untuk dimuat turun di laman Web Nokia. Lihat "**Sokongan dan maklumat hubungan Nokia**" h. xii.
2. Lancarkan dan tatarajah komponen PC. Pastikan bahawa port siri Bluetooth yang dipilih (port COM) sepadan dengan yang ditetapkan dalam tetapan perisian Bluetooth pada peranti

Bluetooth PC anda. Untuk butiran, rujuk kepada pendokumenan komponen PC dan "[Sediakan sambungan Bluetooth](#)" h. 49.

3. Buka persembahan slaid, atau mulakan aplikasi yang anda ingin kawal dari jauh dari telefon anda.

Pilih *Aplikasi > Kutipan > Presenter > Sambung* dan peranti yang anda mahu disambungkan.

Apabila dialog Bluetooth Connection Successful (Sambungan Bluetooth Berjaya) muncul di skrin PC anda, anda mesti klik padanya untuk mengesahkan sambungan Bluetooth.

Senarai jenis aplikasi yang tersedia dipaparkan. Pilih **Buka** untuk mengakses aplikasi yang diinginkan. Pilih **Pilihan > Tetapan** untuk menetap saiz *Fon* untuk nota-nota penceramah, dan *Pemasa (dalam minit)* untuk mengoptimalkan masa persembahan slaid yang ada. Untuk menyimpan tetapan, pilih **Pilihan > Balik**.

Selepas anda memilih persembahan slaid anda menyemak imbas atau melangkau slaid, atau melompat ke depan, dengan menggunakan kekunci navigasi 4-hala. Untuk melihat nota-nota penceramah anda, pilih **Nota**. Untuk menunjuk pada butir-butir pada slaid, pilih *Penunjuk* untuk mengaktifkan penanda bulat hitam yang kecil, yang anda kawal dengan kekunci navigasi 4-hala. Pilih **Pilihan > Senarai slaid** untuk kembali ke senarai slaid. Pilih **Pilihan > Senarai aplikasi** untuk kembali ke senarai aplikasi.

Untuk mengawal penunjuk tetikus (cursor) dari jauh dengan telefon, pilih mod atas meja. Selepas anda membuka atas meja, telefon secara automatik mengawal penunjuk tetikus anda. Untuk kembali ke senarai aplikasi, pilih **Pilihan > Senarai aplikasi**.

Untuk keluar dari Presenter, pilih **Pilihan > Keluar**.

16. Perkhidmatan SIM



Kad SIM anda mungkin menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan. Anda boleh mengakses menu ini hanya jika ia disokong oleh kad SIM anda. Nama dan kandungan menu ini bergantung kepada perkhidmatan yang tersedia.

Untuk ketersediaan dan maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kad SIM, hubungi penjual kad SIM anda. Ini boleh jadi pembekal khidmat, operator rangkaian, atau penjual lain.

Untuk menetapkan telefon supaya memaparkan pengesahan bahawa mesej telah dihantar antara telefon anda dan rangkaian semasa anda menggunakan perkhidmatan SIM, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Telefon* > *Sahkan t'dakan p'khid SIM* > *Ya*.

Mengakses perkhidmatan ini mungkin melibatkan penghantaran mesej atau membuat panggilan telefon yang boleh dikenakan bayaran.

17. Web



Anda boleh mengakses pelbagai perkhidmatan Internet bergerak dengan penyemak imbas telefon anda.



Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Periksa ketersediaan perkhidmatan-perkhidmatan ini, harga dan tarif, dan arahan dengan pembekal khidmat anda.

Dengan penyemak imbas telefon anda boleh melihat perkhidmatan-perkhidmatan yang menggunakan bahasa tokon wayarles (WML) atau bahasa tokon hiperteks diperluas (XHTML) di laman-lamannya. Kemunculan boleh berubah-ubah disebabkan saiz skrin. Anda mungkin tidak dapat melihat semua butiran di halaman-halaman Internet.

■ Sediakan semakan imbas

Anda boleh menerima tetapan-tetapan tatarajah yang diperlukan

untuk menyemak imbas sebagai mesej tatarajah daripada pembekal khidmat yang menawarkan perkhidmatan yang ingin anda gunakan. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. xi. Anda juga boleh memasukkan semua tetapan tatarajah secara manual. Lihat "[Tatarajah](#)" h. 56.

■ Sambung kepada perkhidmatan

Pastikan tetapan tatarajah yang betul bagi perkhidmatan diaktifkan.

1. Untuk memilih tetapan untuk menyambung kepada perkhidmatan itu, pilih **Menu** > **Web** > **Tetapan** > **Tetapan tatarajah**.
2. Pilih **Tatarajah**. Hanya tatarajah yang menyokong perkhidmatan semak imbas dipaparkan. Pilih pembekal khidmat, **Lalai**, atau **Tatarajah peribadi** untuk menyemak imbas. Lihat "[Sediakan semakan imbas](#)" h. 87.
3. Pilih **Akaun** dan satu akaun perkhidmatan semak imbas yang terkandung dalam tetapan-tetapan tatarajah yang aktif.

4. Pilih *Papar tettingkap terminal* > *Ya* untuk melaksanakan pengesahan pengguna manual bagi sambungan intranet.

Buat sambungan kepada perkhidmatan dengan salah satu daripada cara berikut:

- Pilih **Menu** > *Web* > *Rumah*; atau dalam mod siap sedia, tekan dan tahan 0.
- Untuk memilih penanda buku untuk perkhidmatan, pilih **Menu** > *Web* > *Penanda buku*.
- Untuk memilih URL terakhir, pilih **Menu** > *Web* > *Alamat web terakhir*.
- Untuk memasukkan alamat perkhidmatan, pilih **Menu** > *Web* > *Pergi ke alamat*. Masukkan alamat perkhidmatan, dan pilih **OK**.

■ Semak imbas halaman

Selepas anda membuat sambungan kepada perkhidmatan, anda boleh mula menyemak imbas halaman-halamannya. Fungsi kekunci-kekunci telefon boleh berubah-ubah dalam perkhidmatan yang berlainan. Ikut panduan teks pada paparan telefon. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Semak imbas dengan kekunci telefon

Untuk menyemak imbas halamannya, tatal ke mana-mana arah.

Untuk memilih item yang diserlah, tekan kekunci panggilan, atau pilih **Pilih**.

Untuk memasukkan huruf dan nombor, tekan kekunci 0 hingga 9. Untuk memasukkan aksara khas, tekan *.

Pilihan-pilihan semasa menyemak imbas

Pilih daripada pilihan yang berikut:

Rumah – untuk kembali ke halaman permulaan

Pintasan – untuk membuka satu senarai baru pilihan-pilihan yang khusus bagi halaman. Pilihan ini hanya tersedia jika halaman tersebut mengandungi pintasan.

Tambah penanda buku – untuk menyimpan halaman sebagai penanda buku

Penanda buku – untuk mengakses senarai penanda buku. Lihat "*Penanda buku*" h. 89.

Pilihan laman – untuk memaparkan senarai pilihan bagi halaman aktif

Sejarah – untuk mendapatkan senarai yang menunjukkan URL yang terakhir dilawati

Muat turun – untuk memaparkan senarai penanda buku bagi memuat turun

Pilihan lain – untuk memaparkan senarai pilihan lain

Muat semula – untuk memuat semula dan mengemas kini halaman semasa

Pembekal khidmat mungkin juga menawarkan pilihan lain.

Panggilan langsung

Semasa menyemak imbas, anda boleh membuat panggilan telefon, dan menyimpan nama dan nombor telefon dari sesuatu halaman.

■ Penanda buku

Anda boleh menyimpan alamat halaman sebagai penanda buku di dalam memori telefon.

1. Semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > **Penanda buku**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > **Web** > **Penanda buku**.
2. Tatal ke satu penanda buku, dan pilih ia, atau tekan kekunci panggil untuk membuat sambungan kepada halaman yang berkaitan dengan penanda buku itu.

3. Pilih **Pilihan** untuk melihat, mengedit, memadam, atau menghantar penanda buku; untuk membuat penanda buku baru; atau untuk menyimpan penanda buku ke folder.

Peranti anda mungkin mempunyai beberapa penanda buku yang telah dimuatkan untuk laman-laman yang bukan anggota gabungan Nokia. Nokia tidak menjamin atau menyokong laman-laman ini. Jika anda memilih untuk mengaksesnya, anda harus mengambil langkah-langkah berjaga-jaga yang sama, untuk keselamatan atau kandungan, seperti yang anda ambil untuk sebarang laman Internet.

Terima penanda buku

Apabila anda menerima penanda buku yang dihantar sebagai penanda buku, **1 penanda buku diterima** dipaparkan. Untuk melihat penanda buku itu, pilih **Tunjuk**.

■ Tetapan kemunculan

Semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > **Pilihan lain** > **Tetapan kemunculan**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > **Web** > **Tetapan** > **Tetapan kemunculan** dan daripada pilihan yang berikut:

Susunan teks > *Aktif* – untuk menetapkan teks supaya berterusan pada baris berikutnya di paparan. Jika anda pilih *Tak aktif*, teks disingkatkan.

Saiz fon – untuk menetapkan saiz fon
Tunjukkan imej > *Tidak* – untuk menyembunyikan imej di halaman. Ini boleh mempercepatkan penyemakan imbas halaman yang mengandungi banyak imej.

Isyarat > *Isyutk samb tak terjamin* > *Ya* – untuk menetapkan telefon supaya memberi isyarat apabila sambungan terjamin bertukar kepada tidak terjamin semasa menyemak imbas

Isyarat > *Isy. utk item tak terjamin* > *Ya* – untuk menetapkan telefon supaya memberi isyarat apabila halaman terjamin mengandungi item yang tidak terjamin. Isyarat-isyarat ini tidak menjamin sambungan yang terjamin. Untuk maklumat lanjut, lihat "[Keselamatan penyemak imbas](#)" p. 92.

Pengekoden aksara > *Pengekoden kandungan* – untuk memilih pengekoden bagi kandungan halaman penyemak imbas

Pengekoden aksara > *Alm web Unicode (UTF-8)* > *Aktif* – untuk menetapkan telefon supaya menghantar URL sebagai pengekoden UTF-8. Anda mungkin perlukan tetapan ini

apabila anda mengakses halaman Web yang dibuat dalam bahasa asing.

Saiz skrin > *Penuh* atau *Kecil* – untuk menetapkan susun atur skrin

JavaScript > *Dibenar* – untuk membenarkan skrip Java

■ Tetapan keselamatan

Kuki

Satu kuki ialah data yang disimpan di dalam memori cache telefon anda oleh sesuatu laman. Kuki disimpan sehingga anda memadam memori cache. Lihat "[Memori cache](#)" h. 92.

Semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > *Pilihan lain* > *Keselamatan* > *Tetapan kuki*; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > *Web* > *Tetapan* > *Tetapan keselamatan* > *Kuki*. Untuk membenarkan atau menghalang telefon daripada menerima kuki, pilih *Membenarkan* atau *Tolak*.

Skrip melalui sambungan terjamin

Anda boleh memilih sama ada hendak membenarkan skrip berjalan dari halaman terjamin. Telefon ini menyokong skrip WML.

Semasa menyemak imbas, untuk membenarkan skrip, pilih **Pilihan** > *Pilihan lain* > *Keselamatan* > *Tetapan WMLScript*; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > *Web* > *Tetapan* > *Tetapan keselamatan* > *WMLScript dlm. sambngn.* > *Membenarkan*.

■ Tetapan muat turun

Untuk menyimpan secara automatik semua fail yang dimuat turun dalam *Galeri*, pilih **Menu** > *Web* > *Tetapan* > *Tetapan memuat turun* > *Menyimpan automatik* > *Aktif*.

■ Peti masuk khidmat

Telefon boleh menerima mesej khidmat yang dihantar oleh pembekal khidmat anda (perkhidmatan rangkaian). Mesej khidmat adalah pemberitahuan (misalnya, tajuk berita), dan ia mungkin mengandungi mesej teks atau alamat perkhidmatan.

Untuk mengakses *Peti masuk khidmat* dalam mod siap sedia, apabila anda menerima mesej perkhidmatan, pilih **Tunjuk**. Jika anda pilih **Keluar**, mesej akan dipindahkan ke *Peti masuk khidmat*. Untuk mengakses *Peti masuk khidmat* kemudian, pilih **Menu** > *Web* > *Peti masuk khidmat*.

Untuk mengakses *Peti masuk khidmat* semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > *Pilihan lain* > *Peti masuk khidmat*. Tatal ke mesej yang anda mahu, dan untuk mengaktifkan penyemak imbas dan muat turun kandungan yang ditandakan, pilih **Ambil**. Untuk memaparkan maklumat terperinci tentang pemakluman perkhidmatan, atau untuk memadam mesej, pilih **Pilihan** > *Butiran* atau *Padam*.

Tetapan peti masuk khidmat

Pilih **Menu** > *Web* > *Tetapan* > *Ttpn peti masuk khidmat*.

Untuk menetapkan sama ada anda hendak menerima mesej perkhidmatan, pilih *Mesej perkhidmatan* > *Aktif* atau *Tak aktif*.

Untuk menetapkan telefon supaya menerima mesej perkhidmatan hanya daripada pengarang kandungan yang diluluskan oleh pembekal perkhidmatan, pilih *Penurasan mesej* > *Aktif*. Untuk melihat senarai pengarang kandungan yang diluluskan, pilih *Saluran dipercayai*.

Untuk menetapkan telefon supaya mengaktifkan penyemak imbas secara automatik dari mod siap sedia apabila telefon menerima mesej perkhidmatan, pilih *Sambungan automatik* > *Aktif*. Jika anda pilih

Tak aktif, telefon akan mengaktifkan penyemak imbas hanya selepas anda memilih **Ambil** apabila telefon menerima mesej perkhidmatan.

■ Memori cache

Suatu cache ialah lokasi memori yang digunakan untuk menyimpan data buat sementara waktu. Jika anda telah cuba mengakses atau telah mengakses maklumat sulit yang memerlukan kata laluan, kosongkan cache selepas setiap kali digunakan. Maklumat atau perkhidmatan yang telah anda akses disimpan di dalam cache.

Untuk mengosongkan cache semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > *Pilihan lain* > *Kosongkan cache*; dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > *Web* > *Kosongkan cache*.

■ Keselamatan penyemak imbas

Ciri-ciri keselamatan diperlukan untuk sesetengah perkhidmatan, seperti perbankan atau membeli-belah dalam talian. Untuk sambungan seumpama ini anda perlukan sijil keselamatan dan mungkin juga modul keselamatan, yang mungkin tersedia pada kad SIM anda. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Modul keselamatan

Modul keselamatan memperbaiki perkhidmatan keselamatan bagi aplikasi yang memerlukan sambungan penyemak imbas, dan membolehkan anda menggunakan tandatangan digital. Modul keselamatan boleh mengandungi sijil-sijil serta kunci-kunci peribadi dan awam. Sijil-sijil disimpan di dalam modul keselamatan oleh pembekal khidmat.

Untuk melihat atau menukar tetapan modul keselamatan, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Keselamatan* > *Tetapan modul k'selamtn*.

Sijil




Penting: Walaupun penggunaan sijil mengurangkan lagi risiko yang terlibat dalam sambungan jauh dan pemasangan perisian, ia mestilah digunakan dengan betul untuk mendapat faedah daripada keselamatan yang dipertingkatkan. Adanya sijil tidak menawarkan sebarang perlindungan dengan sendirinya; pengurus sijil mestilah mengandungi sijil-sijil yang betul, tulen dan dipercayai untuk

memperoleh keselamatan yang dipertingkat. Sijil-sijil mempunyai hayat yang terhad. Jika Sijil tamat atau Sijil belum sah lagi dipaparkan walaupun ketika sijil seharusnya sah, periksa bagi memastikan tarikh dan waktu semasa di dalam peranti anda adalah betul. Sebelum menukar sebarang tetapan sijil, anda mestilah memastikan bahawa anda benar-benar mempercayai pemilik sijil dan sijil itu benar-benar kepunyaan pemilik yang disenaraikan.

Terdapat tiga jenis sijil: sijil pelayan, sijil kuasa, dan sijil pengguna. Anda boleh menerima sijil-sijil ini daripada pembekal khidmat anda. Sijil kuasa dan sijil pengguna boleh juga disimpan di dalam modul keselamatan oleh pembekal khidmat.

Untuk melihat senarai sijil kuasa atau pengguna yang dimuat turun ke dalam telefon anda, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Keselamatan** > **Sijil kuasa** atau **Sijil pengguna**.


 dipaparkan semasa sambungan, jika penghantaran data antara telefon dan pelayan kandungan disulitkan.

Ikon keselamatan tidak menunjukkan bahawa penghantaran data antara get laluan dan pelayan kandungan (atau tempat di mana sumber yang diminta disimpan) adalah terjamin. Pembekal khidmat menjamin penghantaran data antara get laluan dan pelayan kandungan.

Tandatangan digital

Anda boleh membuat tandatangan digital dengan telefon anda jika kad SIM mempunyai modul keselamatan. Menggunakan tandatangan digital boleh jadi sama seperti menandatangani nama anda pada bil, kontrak, atau dokumen kertas lain.

Untuk membuat tandatangan digital, pilih pautan pada halaman, misalnya, tajuk buku yang ingin anda beli dan harganya. Teks untuk ditandatangani, yang mungkin termasuk jumlah dan tarikh, dipaparkan.

Periksa bagi memastikan bahawa teks pengepala ialah *Baca* dan ikon tandatangan digital  dipaparkan.

Jika ikon tandatangan digital tidak muncul, terdapat pelanggaran keselamatan, dan anda tidak harus memasukkan sebarang data peribadi seperti PIN tandatangan anda.

Untuk menandatangani teks, baca semua teks dahulu, dan pilih **T/tangan**.

Teks tersebut mungkin tidak muat di dalam satu skrin. Oleh itu, pastikan anda menatal dan membaca semua teks sebelum menandatangani.

Pilih sijil pengguna yang ingin anda gunakan. Masukkan PIN tandatangan (lihat "[Kod akses](#)" h. x), dan pilih **OK**. Ikon tandatangan digital akan hilang, dan perkhidmatan itu mungkin memaparkan pengesahan pembelian anda.

18. Kesambungan PC

Anda boleh menghantar dan menerima e-mel, dan mengakses Internet apabila telefon anda disambungkan kepada PC yang serasi melalui sambungan Bluetooth atau kabel data. Anda boleh menggunakan telefon anda dengan pelbagai aplikasi kesambungan PC dan komunikasi data.

■ Nokia PC Suite

Dengan Nokia PC Suite anda boleh menyegerak kenalan, kalendar, nota, dan nota tugas antara telefon anda dan PC yang serasi atau pelayan Internet jauh (perkhidmatan rangkaian). Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat dan PC Suite pada laman Web Nokia di www.nokia-asia.com/6131/support.

■ EGPRS, HSCSD, dan CSD

Dengan telefon anda anda boleh menggunakan perkhidmatan data GPRS Tertingkat (EGPRS), perkhidmatan radio paket umum (GPRS), data ditukar litar kelajuan tinggi (HSCSD), dan data ditukar litar (CSD, *Data GSM*).

Untuk ketersediaan dan langganan perkhidmatan data, hubungi operator rangkaian atau pembekal khidmat anda.

Penggunaan perkhidmatan HSCSD menggunakan kuasa bateri dengan lebih cepat daripada panggilan suara atau data biasa. Anda mungkin perlu menyambungkan telefon kepada pengecas selama tempoh pemindahan data.

Lihat "[Tetapan modem](#)" h. 51.

■ Aplikasi komunikasi data

Untuk maklumat mengenai penggunaan aplikasi komunikasi data, rujuk kepada pendokumenan yang disediakan bersamanya.

Membuat atau menjawab panggilan telefon semasa sambungan komputer tidak disyorkan, kerana ia mungkin mengganggu operasi ini.

Untuk prestasi yang lebih baik semasa panggilan data, letakkan telefon di atas permukaan pegun dengan pad kekuncinya menghadap ke bawah. Jangan gerakkan telefon dengan memegangnya di dalam tangan semasa panggilan data.

19. Maklumat bateri

■ Mengecas dan menyahcas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Prestasi penuh bateri baru dapat dicapai hanya selepas dua atau tiga kitaran mengecas dan menyahcas yang lengkap. Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini.

Jika bateri gantian digunakan buat kali pertama atau jika bateri tidak digunakan untuk suatu tempoh yang lama, anda mungkin perlu menyambungkan pengecas dan kemudian mencabut dan menyambungkannya semula untuk memulakan pengecasan.

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika

dibiarkan tanpa digunakan bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan nyahcas dengan sendirinya.

Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak.

Jangan melitar pintas bateri. Melitar pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ini kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melitar pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang menyambungkan.

Membiarkan bateri di tempat panas atau sejuk, seperti di dalam kereta dalam keadaan musim panas atau musim sejuk, akan mengurangkan muatan dan hayat bateri. Sentiasa cuba kekalkan bateri antara 15°C and 25°C (59°F dan 77°F). Peranti

dengan bateri yang panas atau sejuk mungkin tidak berfungsi buat sementara waktu, walaupun baterinya telah dicas sepenuhnya. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan buang bateri ke dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri boleh juga meletup jika rosak. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Harap kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

■ Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia

Sentiasa gunakan bateri-bateri asli Nokia untuk keselamatan anda. Untuk memeriksa bagi memastikan anda telah mendapat bateri asli Nokia, belilah ia daripada wakil penjual Nokia yang berdaftar, cari logo Tambahan Asli Nokia pada bungkusan, dan periksa label hologram menggunakan langkah-langkah berikut:

Menyelesaikan keempat-empat langkah itu bukanlah jaminan mutlak ketulenan bateri. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa bateri anda bukanlah bateri asli Nokia yang tulen, jangan gunakan ia dan bawa ia ke pusat servis atau wakil penjual

Nokia yang berdaftar yang terdekat dengan anda untuk mendapatkan bantuan. Pusat servis atau wakil penjual Nokia anda yang berdaftar akan memeriksa bateri itu bagi memastikan ketulennannya. Jika ketulennannya tidak dapat ditentusahkan, kembalikan bateri itu ke tempat pembelian.

Sahkan ketulenan hologram


1. Apabila melihat hologram pada label, anda seharusnya melihat simbol tangan berjalinan Nokia dari satu sudut dan logo Tambahan Asli Nokia apabila melihat dari sudut lain.



2. Apabila anda menyerongkan hologram ke kiri, ke kanan, ke bawah, dan ke atas, anda seharusnya melihat 1, 2, 3, dan 4 bintang masing-masing di setiap sisi.



3. Goreskan sisi label untuk menunjukkan kod 20 angka, misalnya, 12345678919876543210. Pusingkan bateri supaya nombor-nombor itu menghadap ke atas. Kod 20 angka itu dibaca bermula dari nombor yang di baris atas diikuti oleh baris bawah.



4. Sahkan bahawa kod 20 angka adalah sah dengan mengikut arahan di www.nokiaoriginals.com/check.



Untuk membuat mesej teks masukkan kod 20 angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +44 7786 200276.

Untuk membuat mesej teks,

- Bagi negara-negara di Asia Pasifik tidak termasuk India: Masukkan kod 20 angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +61 427151515.
- Bagi India sahaja: Masukkan 'Battery' diikuti oleh kod bateri 20 angka, misalnya, Battery 12345678919876543210, dan hantar ke 5555.

Bayaran operator negara atau antarabangsa akan dikenakan.

Anda seharusnya menerima mesej yang menunjukkan sama ada kod itu boleh disahkan ketulenannya.

Jika anda perlukan bantuan mengesahkan kod bateri, hubungi Pusat Nokia Care setempat anda yang tersenarai di www.nokia-asia.com/carecentrelocator.

Bagaimana kalau bateri anda tidak tulen?

Jika anda tidak boleh mengesahkan bahawa bateri Nokia anda dengan hologram pada label adalah bateri tulen Nokia, jangan gunakan bateri tersebut. Bawa ia ke tempat servis atau wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat untuk mendapatkan bantuan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan oleh pembuat mungkin merbahaya dan mungkin menghasilkan prestasi yang lemah

dan merusakkan peranti anda dan tambahan-tambahannya. Ia mungkin juga mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti untuk peranti ini.

Untuk mengetahui lebih banyak lagi tentang bateri-bateri asli Nokia, kunjungi www.nokiaoriginals.com/battery.

20. Tambahan Tuleh

Berbagai-bagai jenis tambahan baru terdapat untuk telefon anda. Pilih tambahan yang menampung keperluan komunikasi anda yang khusus.



Beberapa tambahan diperihalkan dengan terperinci di bawah.

Untuk mengetahui ketersediaan tambahan, sila tanya wakil penjual setempat anda. Beberapa peraturan praktis bagi operasi tambahan:

- Jauhkan tambahan-tambahan dari kanak-kanak kecil.
- Apabila mencabut kord kuasa sebarang tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap untuk memastikan semua peralatan telefon selular di dalam kenderaan dipasang dan beroperasi dengan betul.

Gunakan hanya bateri, pengecas dan tambahan yang diluluskan oleh pembuat telefon. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang diberi untuk telefon ini, dan mungkin merbahaya.

■ Kuasa

Jenis	Tek	Masa bual*	Siap sedia*
BL-4C	Li-ion	sehingga 3.4 jam	sehingga 240 jam

* Perbezaan dalam masa operasi mungkin berlaku bergantung kepada kad SIM, tetapan rangkaian dan penggunaan, gaya penggunaan dan persekitaran. Penggunaan radio FM dan bebas tangan bersepadu akan menjejaskan masa bual dan siap sedia.

Pengecas Padat Nokia AC-3

Pengecas yang padat dan ringan dengan palam pengecasan yang lebih kecil.

■ Audio

Alat Dengar Wayarles Nokia HS-26W

Alat dengar dengan cangkuk telinga yang selesa, butang jawab/tamat dan kawalan kelantangan yang mudah dicapai. Sambungkan ia pada telefon anda yang serasi dengan teknologi wayarles Bluetooth.

Alat Dengar Stereo Nokia HS-23

Alat dengar stereo yang kecil dan ringan dengan fungsi bebas tangan, kawalan kelantangan, sokongan tekan untuk cakap dan cuping-cuping telinga yang selesa untuk mendengar radio FM atau pemain MP3 di telefon-telefon yang serasi.

21. Penjagaan dan penyelenggaraan

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Cadangan-cadangan yang di bawah akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian-bahagian bergerak dan komponen-komponen elektrik di dalamnya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang panas. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang sejuk. Apabila peranti ini kembali kepada suhu normalnya, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti ini, dan merosakkan papan litar elektroniknya.
- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.
- Jangan gunakan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang keras untuk membersihkan peranti ini.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian-bahagian yang boleh digerakkan menjadi tersendat dan menghalang operasi sempurna.
- Jangan sentuh paparan utama dengan bahan yang keras atau tajam. Objek-objek seperti anting-anting atau barang kemas boleh mencalarakan paparan.
- Gunakan kain kering yang lembut dan bersih untuk membersihkan sebarang kanta (seperti kanta kamera, sensor jarak dan sensor cahaya).
- Gunakan hanya antena ganti yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.

- Sentiasa buat sandaran bagi data yang ingin anda simpan (seperti kenalan dan nota kalendar) sebelum menghantar peranti anda ke kemudahan servis.

Semua cadangan yang di atas sama berkaitan dengan peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan. Jika sebarang peranti tidak berfungsi dengan betul, bawa ia ke kemudahan servis berdaftar yang terdekat untuk servis.

22. Maklumat keselamatan tambahan

Peranti anda dan tambahan-tambahannya mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkannya dari kanak-kanak kecil.

■ Persekitaran beroperasi

Ingatlah supaya mematuhi sebarang peraturan khas yang berkuatkuasa di mana sahaja, dan sentiasa matikan peranti anda di mana penggunaannya dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya. Gunakan peranti ini dalam kedudukan operasinya yang biasa sahaja. Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan dalam kedudukan biasa pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 2.2 sentimeter (7/8 inci) jauhnya dari badan. Apabila sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan bagi operasi pakai pada badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan harus meletakkan peranti sejauh jarak yang disebut di-atas dari badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan yang bermutu kepada rangkaian. Dalam sesetengah hal, penghantaran fail data atau mesej mungkin tertunda sehingga sambungan demikian terdapat. Pastikan arahan jarak pemisahan di atas dipatuhi sehingga penghantaran selesai.

Ada bahagian-bahagian peranti yang bermagnet. Bahan-bahan logam boleh tertarik pada peranti ini. Jangan letak kad kredit atau media simpanan bermagnet yang lain dekat dengan peranti, kerana maklumat yang disimpan di dalamnya mungkin terpadam.

■ Alat perubatan

Operasi sebarang peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi peranti perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Anda harus berjumpa dengan pakar perubatan atau pembuat alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan. Matikan peranti ini di kemudahan jagaan kesihatan apabila diarahkan berbuat demikian oleh peraturan yang ditampalkan di tempat-tempat ini. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

Perentak jantung

Pembuat perentak jantung menyarankan agar memisahkan telefon wayarles dengan perentak jantung pada jarak pemisahan minimum 15.3 sentimeter. (6 inci) bagi mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku kepada perentak jantung. Saranan-saranan ini adalah selaras dengan penyelidikan bebas oleh

dan saranan-saranan daripada Penyelidikan Teknologi Wayarles. Orang yang menggunakan perentak jantung harus:

- Sentiasa pastikan peranti berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari perentak jantung
- Tidak membawa peranti ini di dalam saku dadanya
- Pegang peranti ini pada telinga yang bertentangan dengan perentak jantung untuk mengurangkan gangguan yang mungkin berlaku.

Jika anda mengesyaki terdapat gangguan, matikan peranti anda dan jauhkan peranti.

Alat bantu dengar

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantu dengar. Jika gangguan berlaku, hubungi pembekal khidmat anda.

■ Kenderaan

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti sistem pancitan bahan bakar elektronik, sistem brek anti-kelincir (anti-kunci) elektronik, sistem kawalan kelajuan elektronik, sistem beg udara. Untuk maklumat lanjut, periksa dengan pembuat kenderaan anda atau wakilnya atau pembuat sebarang peralatan yang telah ditambahkan.

Hanya kakitangan yang berkelayakan harus membaiki peranti ini, atau memasang peranti ini di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul membahayakan dan boleh mentaksahkan sebarang waranti yang mungkin diberikan bagi peranti ini. Periksa dari masa ke masa dengan tetap semua peralatan peranti wayarles di dalam kenderaan anda bagi memastikan ia dipasang dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa cecair mudah terbakar, gas, atau bahan mudah meletup di dalam tempat yang sama dengan peranti ini, bahagian-bahagiannya atau tambahan-tambahannya. Untuk kenderaan yang dilengkapi beg udara, anda harus ingat bahawa beg udara mengembang dengan daya yang amat kuat. Jangan letakkan barang-barang, termasuk peralatan wayarles baik yang terpasang mahupun yang mudah dialih di tempat di atas beg udara atau di tempat pelancaran beg udara. Jika peralatan wayarles dalam-kenderaan tidak dipasang dengan betul dan beg udara mengembang, kecederaan serius boleh berlaku.

Menggunakan peranti anda semasa terbang di dalam pesawat adalah dilarang. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti telefon wayarles di dalam pesawat boleh membahayakan pengendalian pesawat, mengganggu rangkaian telefon wayarles, dan mungkin menyalahi undang-undang.

■ Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda apabila berada di kawasan di mana letupan boleh berlaku dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Persekitaran di mana letupan boleh berlaku termasuk tempat-tempat di mana anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda. Percikan api di kawasan-kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan kecederaan pada badan ataupun kematian. Matikan peranti ini di tempat-tempat mengisi bahan bakar seperti berdekatan dengan pam gas di stesen minyak. Patuhi sekatan-sekatan terhadap penggunaan peralatan radio di depo, tempat-tempat penyimpanan dan pengedaran bahan bakar; loji kimia; atau tempat operasi letupan sedang berjalan. Kawasan-kawasan di mana letupan boleh berlaku sering tetapi tidak semestinya ditandakan dengan jelas. Ia termasuk di bawah dek di dalam bot, kemudahan memindah atau menyimpan bahan kimia, kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecair (seperti propana dan butana), dan tempat-tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia atau zarah seperti butir, habuk atau serbuk logam.

■ Panggilan kecemasan



Penting: Telefon wayarles, termasuk peranti ini, beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi-fungsi yang diprogram pengguna. Oleh kerana itu, sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

1. Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkannya. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi. Sesetengah rangkaian mungkin memerlukan kad SIM yang sah dimasukkan dengan betul ke dalam peranti.
2. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.
3. Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor-nombor kecemasan berbeza mengikut lokasi.
4. Tekan kekunci panggil.

Jika ciri-ciri tertentu sedang digunakan, anda mungkin perlu menyahaktifkan ciri-ciri tersebut dahulu sebelum anda boleh membuat panggilan kecemasan. Lihat panduan ini atau hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang perlu seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Maklumat pensijilan (SAR)

PERANTI INI MEMENUHI GARIS PANDUAN ANTARABANGSA BAGI PENDEDAHAN KEPADA GELOMBANG RADIO

Peranti bimbit anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka bentuk dan dibuat supaya tidak melebihi had-had untuk pendedahan kepada frekuensi radio (RF) yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa (ICNIRP) Had-had ini adalah sebahagian daripada garis panduan komprehensif dan menetapkan aras-aras tenaga RF yang dibenarkan bagi penduduk umum. Garis-garis panduan ini telah dihasilkan oleh pertubuhan-pertubuhan saintifik bebas menerusi penilaian kajian saintifik yang berkala dan teliti. Garis panduan ini termasuk margin keselamatan yang luas yang bertujuan memastikan keselamatan semua orang, tanpa mengira usia dan kesihatan.

Piawai pendedahan bagi peranti-peranti bimbit menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate), atau SAR. Had SAR yang dinyatakan di dalam garis panduan antarabangsa adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg)*. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada aras kuasa yang

disahkan tertinggi, SAR sebenar peranti semasa beroperasi boleh jadi jauh di bawah nilai maksimum. Ini adalah kerana peranti ini direka bentuk untuk beroperasi pada aras kuasa berbilang supaya menggunakan hanya kuasa yang diperlukan bagi mencapai rangkaian. Secara umum, lebih dekat anda berada dengan stesen induk, lebih rendah output kuasa peranti.

Nilai SAR tertinggi bagi peranti ini apabila diuji untuk digunakan pada telinga ialah 0.85 W/kg.

Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Penggunaan aksesori dan tambahan peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di www.nokia-asia.com.

* Had SAR bagi peranti bimbit yang digunakan oleh orang awam ialah 2.0 W/kg dipuratakan pada sepuluh gram tisu badan. Had ini menggabungkan margin keselamatan yang luas untuk memberi perlindungan tambahan kepada orang ramai dan untuk mengambil kira sebarang kelainan dalam pengukuran. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan jalur rangkaian. Untuk maklumat SAR di kawasan-kawasan lain sila lihat di bawah maklumat produk di www.nokia.com.

Indeks

A

- Aksesori. Lihat tambahan.
- Alat bantu dengar 56, 104
- Alat Dengar Stereo Nokia HS-23 100
- Alat Dengar Wayarles Nokia HS-26W 100
- Alat perubatan 103
- Ambil gambar 64
- Antena 4
- Aplikasi
 - Kutipan 83
 - Muat turun xii
- Aplikasi e-mel 24
 - Wizard tetapan 24
- Audio 100

B

- Bahagian-bahagian 6
- Bahasa tokokan wayarles 87
- Bar pintasan 47
- Bateri
 - Mengecas 3, 96
 - Menyahcas 96
 - Pemasangan 1
- Bebas tangan. Lihat pembesar suara.
- Beberapa pilihan aplikasi 83
- Bluetooth 48
- Buat mesej audio 23
- Buka kunci pad kekunci 9

C

- Caskan bateri 3
- Cetak imej 61
- CSD. Lihat data ditukar litar.
- Cuping telinga 6

D

- Daftar panggilan. Lihat log panggilan.
- Dail cepat 11, 41
- Data
 - Komunikasi 95
 - Pemindahan 51
- Data ditukar litar 95
- Data ditukar litar kelajuan tinggi 95
- Data paket 50, 95
- Dengar radio 68

E

- EGPRS 50
- EGPRS. Lihat data paket.

F

- Folder sarap 26

G

- Galeri 61
- Gambar 64
- Gambar skrin 45
- Gambaran keseluruhan fungsi-fungsi x
- Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia 97
- GPRS 50

H

- Hadiran 38
- Hantar permintaan panggilan balik 80
- Hantar poskad 22
- Henti langgan kenalan 40
- Hentikan penggera 71
- Hidupkan dan matikan 4
- HSCSD. Lihat data ditukar litar kelajuan tinggi.

I

IM. Lihat mesej segera.
IMAP4 24
Input teks ramalan 14
Input teks tradisional 15
Internet
IR 49

J

Jam penggera 71
Jam randik 74
Jawab permintaan panggilan balik 81

K

Kabel data 53
Kad memori 61
 Memformat 62
 Mengunci 62
 Penggunaan memori 63
Kad niaga 40
Kalendar 72
 Nota 72
Kalkulator 73
Kamera
 Ambil gambar 64
 Kekunci 6
 Kesan 65
 Rakam klip video 65
 Tetapan 65
 Turas 65
Kata laluan sekatan xi
Kawal kekunci 9
Kecil besar huruf 14
Kedudukan 42
Kekuatan isyarat 7
Kekunci
 Kekunci navigasi 6
 Kekunci panggil 6
 Kekunci pilihan 6, 7
 Kekunci tamat 6
 Kuasa hidup/mati 6

Kunci pad kekunci 9
 Pad kekunci 6
Kekunci dan bahagian-bahagian
Kekunci kelantangan 6
Kekunci navigasi 6, 47
Kekunci pilihan 6, 7
Kekunci pilihan kanan 47
Kekunci pilihan kiri 46
Kekunci tatal. Lihat kekunci navigasi.
Kekunci zum 6
Kemas kini perisian 55, 58
Kemas kini perisian telefon 58
Kenalan
 Cari 36
 Dail cepat 41
 Edit 37
 Hadiran saya 38
 Kumpulan 41
 Menyalin 37
 Nama dilanggan 39
 Nombor khidmat 41
 Nombor saya 41
 Padam 37
 Simpan 36
 Tetapan 40
Kenalan satu sama satu 81
Kenderaan 104
Kertas hias dinding 45
Kesambungan PC 95
Keselamatan
 Alat bantu dengar 104
 Alat perubatan 103
 Garis panduan vii
 Kenderaan 104
 Kod x
 Maklumat tambahan 103
 Modul 92
 Panggilan kecemasan 105
 Perentak jantung 103
 Persekitaran beroperasi 103

- Persekitaran mudah meletup 105
- Tetapan 57
- Keselamatan penyemak imbas 92
- Khidmat
 - Arahan 32
 - Mesej 91
 - Nombor 41
 - Peti masuk 91
- Khidmat pelanggan xii
- Khidmat pembaikan xii
- Khidmat penyelenggaraan xii
- Klip video 65
- Kod x, xi
- Kod akses x
- Kod PIN x, 4
- Kod PUK xi
- Kuasa 100
 - Kekunci 6
- Kuki. 90
- Kunci pad kekunci 9
- Kunci telefon. Lihat kunci pad kekunci.

L

- Lampu 55
- Lihat nama dilanggan 40
- Log 42
- Log panggilan 42

M

- Maklumat am x
- Maklumat bateri 96
- Maklumat hubungan xii
- Maklumat hubungan Nokia xii
- Maklumat lokasi 42
- Memainkan trek muzik 66
- Membaca dan membalas mesej SMS 18
- Memori cache 92
- Memori penuh 21
- Memori yang dikongsi ix

- Menatal 16
- Menu 16
- Menu operator 60
- Menyegerakkan semua 37
- Mesej
 - Arahan khidmat 32
 - Batalkan hantaran 21
 - Folder 22
 - Hantaran 20
 - Mesej audio 23
 - Mesej flash 23
 - Mesej maklumat 32
 - Mesej suara 32
 - Padam 32
 - Penunjuk kepanjangan 17
 - Poskad 22
 - Teks 17
 - Tetapan mesej 32
 - Tulis mesej teks 17
- Mesej audio 23
- Mesej ditolak 91
- Mesej flash 23
- Mesej maklumat 32
- Mesej multimedia
 - Baca 21
 - Balas 21
 - Buat 19
 - Hantar 19
 - Tulis 19
- Mesej segera 27
- Mikrofon 6
- Minta kemas kini perisian 58
- MMS. Lihat mesej-mesej multimedia.
- Mod luar talian 10
- Mod siap sedia 7, 46
- Muat turun
 - Aplikasi xii
 - Kandungan xii
 - Tetapan 91
- Muat turun aplikasi 84

N

Nada 44
Nada dering 44
Nama dilanggan 39
Navigasi 16
Nombor 41
Nombor pusat mesej 17
Nota 73
 Kalendar 72

P

Pad kekunci 6
Padam
 Mesej 32
Panggil
 Kekunci 6
Panggilan
 Antarabangsa 11
 Dail cepat 11
 Dailan suara 11
 Fungsi-fungsi 11
 Log 42
 Membuat 11
 Menanti 13
 Menjawab 12
 Menolak 12
 Pilihan-pilihan 13
 Tetapan 53
Panggilan kecemasan 105
Panggilan langsung 89
Paparan 6, 7
Paparan mini 46
Paparan utama 6, 7, 45
Pasang kemas kini perisian 58
PC Suite 95
Peluasan stereo 70
Pemain media 65
Pemain muzik 66
Pemasa undur 74

Pemasangan
 Bateri 1
 Kad SIM 1
Pembesar suara 6, 13
Penanda buku 89
Pengatur 71
Pengecas Padat Nokia AC-3 100
Penggera nota 72
Penjagaan 101
Penunjuk 8
Penunjuk-penunjuk status 7
Penutup penyambung 6
Penyama 69
Penyambung pengecas 6
Penyambung Pop-Port 6
Penyegerakan 51
Penyelenggaraan 101
Penyemak imbas
 Keselamatan 90
 Kuki. 90
 Memori cache 92
 Menyemak imbas halaman 88
 Modul keselamatan 92
 Penanda buku 89
 Sediakan 87
 Sijil 92
 Tandatangan digital 93
 Tetapan kemunculan 89
Perakam 69
Perentak jantung 103
Perihal peranti anda viii
Perkhidmatan
Perkhidmatan pasang dan main 4
Perkhidmatan strim 65
Permainan 83
Permintaan panggilan balik 80
Persekitaran mudah meletup 105
PictBridge 53
Pilihan-pilihan semasa menyemak
 imbas 88

Pintasan 46
Pintasan dalam mod siap sedia 8
POP3 24
Poskad 22
Presenter 84
Profil 44
PTT 76
 Buat panggilan 78
 Hidupkan/matikan 78
 Jemputan 77
 Kenalan satu sama satu 81
 Panggilan kepada berbilang penerima 79
 Panggilan saluran 79
 Panggilan satu sama satu 79
 Permintaan panggilan balik 80
 Saluran 76
 Status log masuk 78
 Tambah saluran 77
 Terima panggilan 78
 Tetapan 81
 Tetapan tatarajah 82
PTT terima panggilan 80

R

Radio 67
Radio FM 67
Rakamkan bunyi 69
Rangkaian
 Nama pada paparan 7
 Perkhidmatan viii

S

Sambungan inframerah 49
Semak imbas dengan kekunci telefon 88
Senarai hitam 26
Senarai tugasan 72
Siap sedia aktif 7, 45
Sijil 92

SIM

Kad 10
Mesej 19
Pemasangan kad 1
Perkhidmatan 86
Simpan butiran 36
Simpan frekuensi radio 67
Skrip melalui sambungan terjamin 90
SMS. Lihat mesej teks
Sokongan xii
Sokongan Nokia xii
Suara
 Arahan 47
 Dailan 11
 Mesej 32
 Perakam 69
Swivel 45

T

Tali 5
Tali pergelangan tangan 5
Tamat
 Kekunci 6
 Panggilan 11
Tambah ix, 55
Tambah Tulen 100
Tambahkan kenalan pada nama dilanggan 39
Tandatangan digital 93
Tapis spam 26
Tatarajah 56
 Perkhidmatan tetapan xi
 Tetapan 4
Tekan untuk cakap
 Lihat PTT
Teks
 Input teks ramalan 14
 Input teks tradisional 15
 Kecil besar huruf 14
 Menulis 14
 Mesej 17

- Telefon
 - Bahagian-bahagian 6
 - Buka 3
 - Kekunci 6
 - Kemas kini 55, 58
 - Penjagaan 101
 - Penyelenggaraan 101
 - Tatarajah 56
 - Tetapan 54
 - Telefon teks 55
 - Tema 44
 - Terima mesej audio 24
 - Terima mesej flash 23
 - Terima penanda buku 89
 - Tetapan 58
 - Animasi lipatan 45
 - Gambar skrin 45
 - GPRS, EGPRS 50
 - Inframerah 49
 - IR 49
 - Jam 46
 - Kabel data USB 53
 - Kamera 65
 - Kertas hias dinding 45
 - Kesambungan 48
 - Keselamatan 57
 - Masa 46
 - Mesej 32
 - Mod siap sedia 45
 - Muat turun 91
 - Nada 44
 - Panggilan 53
 - Paparan mini 46
 - Paparan utama 45
 - Pemindahan data 51
 - Peti masuk khidmat 91
 - Pintasan saya 46
 - Profil 44
 - PTT 81
 - Siap sedia aktif 45
 - Simpan semula tetapan kilang 59
 - Tambahan 55
 - Tarikh 46
 - Tatarajah 56
 - Tatarajah PTT 82
 - Telefon 54
 - Tema 44
 - Tetapan bagi pemain muzik 66
 - Tetapan bahasa 54
 - Tetapan jam 46
 - Tetapan kilang 59
 - Tetapan masa 46
 - Tetapan mesej
 - E-mel 35
 - Mesej multimedia 34
 - Mesej teks 33
 - Tetapan umum 32
 - Tetapan tarikh 46
 - Tetapkan masa, zon masa, dan tarikh 4
 - Tulis mesej flash 23
 - Tulis teks 14
- U**
- UPIN 4
- W**
- Web 82
 - Penanda buku 89
 - Sambung 87
- X**
- XHTML 87
 - XpressPrint 61